


Bil. 31

**Isnin
18 Oktober 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	
Memperkenankan Akta-akta	(Ruangan 1)
Perutusan Daripada Dewan Negara	(Ruangan 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 2)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 21)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 1999	(Ruangan 22)
USUL:	
Merentikan Kuat Kuasa Mana-mana Peraturan Mesyuarat Mengikut Peraturan Mesyuarat 90(2)	(Ruangan 21)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N (Gombak)
- " Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S (Bakri)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- " Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A., D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K., A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hisharmuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

Yang Berhormat Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

Yang Berhormat Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)

- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah
	:	Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Noor Effarizan binti Mat Satib
	:	Nurziana binti Ismail
	:	Azita binti Nawi
	:	Nik Elyana binti Ahyat
	:	Taharah binti Mohamed
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh
	:	Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 18 Oktober 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis Mesyuarat ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999;
2. Akta Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999;
3. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999;
4. Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999;
5. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999;
6. Akta Perbekalan Tambahan 1999;
7. Akta Badan Berkanun Kuasa Meminjam 1999;
8. Akta Perlindungan Pengguna 1999; dan
9. Akta Penjagaan Budak (Pindaan) 1999.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen mesyuarat yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada
Dewan Rakyat**

“18 Oktober 1999.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan.

1. DR.2/99 – Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999;
2. DR.15/99 – Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999;

3. DR.13/99 – Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999;
4. DR.14/99 – Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999;
5. DR.12/99 – Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999;
6. DR.16/99 – Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999;
7. DR.17/99 – Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999;
8. DR.18/99 – Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999; dan
9. DR.19/99 – Rang Undang-undang Penjagaan Kanak-kanak (Pindaan) 1999.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA"

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bilakah semua kementerian akan berpindah ke Putrajaya; dan
- (b) berapakah pembayaran sewaan tahunan bagi pejabat-pejabat kementerian sebelum perpindahan ke Putrajaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) semua kementerian kecuali Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pertahanan yang akan dikekalkan di Kuala Lumpur dijadualkan akan berpindah ke pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya menjelang tahun 2005.
- (b) Jumlah bayaran sewa bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan persekutuan di Kuala Lumpur sebelum berpindah ke Putrajaya adalah sebanyak RM153,397,805.70 setahun ataupun RM12,783,150.48 sebulan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, parti pembangkang terutama sekali parti PAS dan parti DAP, mereka mempertikaikan Putrajaya. Mereka tidak berasa bangga tentang Putrajaya. Mereka mahu lelong Putrajaya. Yang Berhormat, apakah kerajaan dapat memberi penjelasan kepada pemimpin-pemimpin pembangkang supaya mereka memahami bahawa Putrajaya ini diwujudkan untuk menyelamatkan wang negara untuk jangka masa yang panjang dan apakah pihak kementerian bercadang untuk memberitahu kepada parti-parti pembangkang bahawa apakah perancangan Putrajaya di masa kini dan di masa akan datang?

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Putrajaya diwujudkan untuk menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kalau kita lihat misalnya negara-negara maju yang lain, kita ambil contoh Amerika mereka juga ada pusat pentadbiran di Washington dan pusat kewangan dan

perdagangan di New York. Begitu juga di Brazil ada pusat kewangan di Rio de Janeiro dan pusat pentadbirannya beribu-ribu kilometer jauhnya daripada Rio de Janeiro iaitu di Brazilia. Begitu juga misalnya di Australia, pusat pentadbirannya di Canberra, pusat perdagangan di Sydney dan juga di Melbourne tetapi kita di Malaysia pusat perdagangan dan kewangan di Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran di Putrajaya.

Yang hendak diwujudkan di Putrajaya ini ialah satu tamadun baru bagi rakyat Malaysia. Kalau dahulu kita dengar hebat mengenai sejarah kesultanan Melayu Melaka, tetapi kalau kita pergi ke Melaka sudah tidak ada lagi bangunan-bangunan yang kononnya wujud pada tahun 1500 dan sebagainya. Jadi, yang kita bangunkan di Putrajaya ini adalah tamadun ataupun kecemerlangan pentadbiran kerajaan hari ini untuk generasi yang akan datang. Itulah sebabnya kita terpaksa bangunkan dengan lebih indah dan lebih cantik.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi soalan daripada Yang Berhormat dari Yan itu saya ingat tidak begitu bernas kerana.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Oh, takut sama ketuakah?

Dr. Tan Seng Giaw: Kita hendak bangunkan negara dengan secara teratur, secara membina, secara yang profesional.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalannya....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak mahu dengar soalan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat terangkan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan untuk menyiapkan semua pejabat di Putrajaya, dan apakah bentuk bangunan utama di Putrajaya ini yang mirip kepada 'Palace de Nations' di Geneva, Switzerland yang saya nampak. Adakah ini tamadun Geneva untuk Malaysia ataupun tamadun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun tamadun kesultanan Melaka?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tahu sebab mereka tidak faham.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Siapa tidak faham. PASlah tidak faham sama DAP.

Dr. Tan Seng Giaw: 'Palace de Nations'....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Apa 'Nasiong'?

Dr. Tan Seng Giaw:adalah satu bangunan yang cantik untuk Bangsa-Bangsa Bersatu di Switzerland.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi adakah kita hendak adakan 'Palace de Nations' di Malaysia sekarang?

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil dari segi ekonominya ataupun dari segi viabilitinya, apabila kerajaan membeli tanah di Putrajaya kita hanya membayar harga tanah RM7.00 sekaki. Tetapi hari ini tanah di Putrajaya kalau kita hendak beli tapak rumah harganya RM80.00 sekaki. Bermakna kalau dahulu kita beli 11,320 ekar, mungkin lebih kurang RM3.4 bilion, tetapi hari ini harga tanah itu telah meningkat lebih sepuluh kali ganda. Jadi, bermakna dari segi viability projek, projek ini adalah satu projek yang viable dan petronas yang melabur di Putrajaya ini akan mendapat keuntungan. Itu dari segi viability.

Yang keduanya, dari segi bangunan ataupun tamadun, kita selalu sebut kepada mereka yang datang ke Putrajaya, kalau kita pergi ke India kita hendak tengok

misalnya Taj Mahal. Kalau kita pergi ke negeri China ada tembok besar The Great Wall of China. Kalau kita pergi ke Egypt ada pyramid. Semua bangunan ini memerlukan pengorbanan. Kita juga mengaku bahawa di Putrajaya kita memang hendak buat hebat untuk generasi yang akan datang supaya mereka juga boleh melihat kehebatan kita hari ini. Jadi, tidak timbul membazir tetapi perlu ada sedikit perbelanjaan yang lebih untuk kita mewujudkan sesuatu yang istimewa untuk masa depan.

Dr. Tan Seng Glaw: Dia belum jawab, Tuan Yang di-Pertua,.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Duduk!

Dr. Tan Seng Glaw: Saya tanya mengenai perbelanjaan. Yang kedua mengenai corak tamadun....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Soalan tidak berkenaan.

Dr. Tan Seng Glaw:Switzerland ataupun tamadun kesultanan Melayu Melaka, ini memang penting.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bangunan Putrajaya diasaskan kepada tiga konsep. Yang pertama konsep 'hablum minallah' (manusia dan pencipta), yang kedua 'hablum minannas' (manusia sesama manusia). Itulah sebabnya bila kita bangunkan Putrajaya, bangunan yang pertama yang kita wujudkan di situ ialah masjid, Masjid Putra. Yang keduanya, pejabat Perdana Menteri dan menteri-menteri dan yang ketiganya kita akan pastikan bahawa akan adalah prasarana ataupun landscaping dan mewujudkan alam sekitar yang cantik dan indah untuk Putrajaya, dan Putrajaya akhirnya akan didiami oleh 330,000 orang penduduk. Jadi, tidak timbul bahawa kita hendak membazir ataupun kita hendak mewujudkan sesuatu yang indah. Tetapi kalau lihat pejabat Perdana Menteri dan juga rumah Perdana Menteri kita ada kubah di atas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

2. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah kriteria yang digunakan untuk memilih enam 'anchor bank' dalam gabungan bank-bank; dan
- (b) jumlah kakitangan bank yang akan ditamatkan khidmat mereka dan langkah-langkah untuk membantu mereka.

Menteri Kewangan Kedua [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Lumut bersama-sama dengan 18 lagi soalan mengenai perkara yang sama iaitu penggabungan bank di Malaysia. Soalan-soalan ini ialah daripada Senai - 18.10.99, Bukit Bendera - 19.10.99, Kepong - 20.10.99, Bintulu - 21.10.99, Bayan Baru 27.10.99, Petaling Jaya Utara - 27.10.99 - Sibul - 1.11.99, Shah Alam - 1.11.99, Tanjong Karang - 2.11.99, Bukit Bintang 4.11.99, Jelutong - 10.11.99, Bukit Mertajam 11.11.99, Ipoh Timur - 15.11.99, Rompin 18.11.99, Tawau - 30.11.99, Kubang Kerian - 29.11.99, Lanang - 30.11.99, dan Segambut - 2.12.99.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order, saya minta satu ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada boleh dibenarkan di mana seorang menteri menjawab 18 soalan sekali gus oleh kerana sungguhpun....

Seorang Ahli: Boleh!

Tuan Lim Kit Siang:mungkin tajuk sama tetapi ada banyak aspek yang berlainan dan tidak mungkin Yang Berhormat Menteri dalam satu jawapan memberi jawapan kepada semua. Ini sangat tidak adil dan tidak patut dibenarkan oleh kerana ada

aspek-aspek yang lain, mungkin tiga soalan sekali gus atau apa-apa. Untuk satu isu yang begitu penting seperti penggabungan bank-bank yang sudah menjatuhkan keyakinan pelabur-pelabur, kita perlulah mengambil peluang untuk....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jangan buang masa rakyat!

Tuan Lim Kit Siang: ...untuk menteri-menteri berkenaan atas prinsip akauntabiliti menteri-menteri kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara yang sama telah pun berlaku semenjak Parlimen ini ditubuhkan dan kita telah pun mengikut amalan ini selama ini. Selain daripada itu, jika sekiranya kita hendak berkata ada soalan-soalan yang perlu diberi selepas soalan nombor 10 pada tiap-tiap hari. Jadi, yang demikian tidaklah boleh kita menggunakan sebab-sebab. Saya benarkan.

Seorang Ahli: Ya, Ketua Pembangkang bodoh.

Tuan Lim Kit Siang: Semua orang yang tidak mahu fikir sebenarnya bodoh.

Seorang Ahli: Awak bodoh. Ketua Pembangkang bodoh!

Seorang Ahli: Point of order.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: You punya anak sudah keluar lagi mahu bisingskah?

Tuan M. Kulasegaran: Yan, mana ada standard.

Seorang Ahli: Tanjong bodoh!

Dato' Othman bin Abdul: Tanjong lapan pun kalah, tak usah buatlah Tanjong apa pun.

Tuan Lim Kit Siang:18 soalan ini akan disentuh.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan hak saya hendak beri jawapan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mampu menjawab soalan Yang Berhormat dari Tanjong. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang memulakan ucapan dengan menyatakan bahawa dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, keyakinan dan imej negara telah jatuh, ini tidak benar sama sekali. Ini satu tuduhan yang melulu yang dilemparkan kepada kerajaan. Jadi, ini sangkaan jahat, kena tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita ada 55 buah institusi perbankan tempatan, semuanya sekali 55 dengan rangkaian cawangan sebanyak 2,500. Kita berpendapat bilangan ini terlalu banyak, oleh itu kerajaan berpendapat adalah penting dirasionalisasi dan juga menyatukan institusi perbankan yang kecil dan bertaburan ini menjadi beberapa buah institusi kewangan yang besar dan mantap. Itu rasional kenapa kita melaksanakan penggabungan ini.

Untuk mempercepatkan pencapaian matlamat ini, Bank Negara Malaysia merasakan perlu program penggabungan secara terbimbing dilaksanakan. Ini bertujuan yang pertama, melahirkan institusi perbankan tempatan yang kukuh dengan daya tahan yang tinggi dan ianya selaras dengan perkembangan antarabangsa untuk memperkukuhkan sektor perbankan tempatan supaya mampu bersaing dengan institusi-institusi kewangan yang lebih kukuh di peringkat antarabangsa. Yang ketiganya, mempertingkatkan produktiviti dan efisiensi sistem perbankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan enam kumpulan kewangan sebelum ini yang dibuat oleh pihak Bank Negara adalah berdasarkan strategi dalam aktiviti perniagaan mereka, ketahanan mereka dalam mengharungi krisis kewangan yang baru melanda negara serta juga kita berpendapat institusi kewangan ini mempunyai kedudukan modal yang kukuh berbanding dengan institusi-institusi kewangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dasar untuk merasionalisasikan sektor perbankan domestik masih kekal sebagai matlamat utama kerajaan. Walau bagaimanapun, berikutan pengumuman kerajaan di mana institusi perbankan dibenar untuk memilih sendiri pasangan untuk bergabung, konsep bank utama ataupun 'anchor bank' seperti yang ditetapkan pada mulanya kini akan digantikan dengan satu kaedah yang lebih fleksibel di mana institusi perbankan diberi peranan untuk memilih cara penggabungan tersebut dilaksanakan. Sehubungan ini kerajaan akan memastikan institusi perbankan diberi masa yang mencukupi untuk melaksanakan penggabungan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa institusi perbankan tempatan telah dipaksa untuk bergabung adalah tidak benar. Isu penggabungan sebenarnya bukan satu perkara baru, sejak tahun 80-an lagi pihak kerajaan telah menggesa bank-bank di negara kita bergabung, tetapi malangnya pelaksanaannya amat perlahan sekali dan ia lebih tertumpu kepada institusi perbankan yang menghadapi masalah sahaja. Penggabungan yang didorongkan sepenuhnya oleh kuasa pasaran semata-mata nyata telah tidak berkesan sepenuhnya.

Dakwaan yang menyatakan program penggabungan tersebut berbau politik dan didorong oleh elemen perkauman juga adalah tidak benar dan kita ingin menolak dakwaan ini. Penggabungan adalah diasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan strategik, pertimbangan ekonomi untuk memastikan bahawa institusi kewangan yang bergabung dapat meneruskan perkhidmatan yang lebih menyeluruh kepada pelanggannya melalui rangkaian cawangan yang lebih meluas. Dengan kedudukan modal yang besar, institusi kewangan yang digabung akan lebih berkemampuan untuk membuat pembaharuan dan dapat mempertingkatkan serta mempelbagaikan produk dan perkhidmatan perbankan bagi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin sofistikated sejajar dengan perkembangan semasa.

Kedudukan modal yang kukuh juga membolehkan institusi kewangan membuat pelaburan yang tinggi dalam teknologi maklumat yang canggih, yang boleh membantu institusi kewangan mempertingkatkan mutu perkhidmatan perbankan dan juga seterusnya yang tidak kurang penting ia akan dapat mengurangkan kos yang ditanggung oleh kerajaan dalam menstabilkan sektor kewangan. Seperti sedia maklum, kita telah menubuhkan Danamodal dan Danaharta yang memerlukan peruntukan kewangan yang besar daripada Bank Negara dan juga kerajaan. Sebelum itu pihak kerajaan, Khazanah, Petronas dan lain-lain telah menyelamatkan Bank Bumiputra Malaysia Berhad, telah membelanjakan kira-kira RM3.3 ribu juta. Ini antara perbelanjaan yang telah ditanggung oleh kerajaan dan rakyat Malaysia akibat dari kelemahan-kelemahan yang telah berlaku dalam sistem perbankan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kebimbangan rakyat Malaysia termasuklah pekerja-pekerja ialah isu jaminan pekerjaan. Ini tidak menghairankan. Dalam suasana kita menghadapi kemelesetan ekonomi di mana peluang-peluang pekerjaan mungkin menguncup sedikit, maka kerajaan prihatin kepada perasaan para pekerja di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hari ini kita ada 82,482 pekerja dalam sektor bank tempatan, 55 institusi kewangan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia ini mempunyai 82,482 pekerja. Kerajaan ingin memberi jaminan di sini bahawa tidak akan berlaku sebarang pemberhentian secara paksa kepada pekerja-pekerja. Ini jaminan yang akan diberi oleh kerajaan. Kita tidak mahu ada pemberhentian kerja, malah dalam penggabungan yang baru sahaja selesai iaitu antara Bank Bumiputra Malaysia Berhad dengan Bank of Commerce, sekarang dinamakan Bumiputra Commerce tidak ada seorang pun pekerja yang diberhentikan. Kumpulan ini mempunyai 10,000 pekerja, 8,000 daripada Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan kira-kira 2,000 daripada Bank of Commerce, 10,000 kesemuanya sekali dan tidak ada seorang pun yang diberhentikan. Ini dasar kerajaan.

Dalam hubungan ini, dalam projek-projek penswastaaan umpamanya, kita menetapkan dalam perjanjian penswastaaan Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad yang telah pun diswastakan sedikit masa dahulu, Tenaga Nasional

yang mempunyai 22,400 pekerja, Telekom Malaysia Berhad yang mempunyai 28,315 pekerja, kerajaan menetapkan bahawa dalam tempoh lima tahun tidak harus berlaku sebarang pemberhentian pekerja.

Maka pada hari ini kerajaan ingin memberi jaminan seperti mana yang telah berlaku dalam kes Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan juga Bank of Commerce, tidak akan berlaku sebarang pemberhentian pekerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita akan semak sama ada jawapan kepada semua 18 soalan ada diberi, tetapi untuk jawapan hari ini pun tidak ada jawapan yang diberi mengenai apakah kriteria yang digunakan untuk memilih enam 'anchor bank', barulah satu perkataan digunakan synergy, tetapi apa kriteria khususnya multipurpose bank, apa kriteria digunakan, adakah oleh kerana ini ada bersangkutan paut, ada hubungan dengan Menteri Kewangan Pertama? Kita mahu tahu!

Dan bukankah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengakui, itulah arbitrary dan kalau arbitrary mana boleh Yang Berhormat Menteri berkenaan kata, ada kriteria-kriteria, synergy dan lain-lain.

Dan bolehkah, sungguhpun kita sokong usaha untuk konsolidasi bank-bank dan institusi-institusi kewangan, itu perlu dibuat secara adil, secara terbuka dan bukankah benar bahawa sekarang, kerana kekeliruan yang timbul oleh kerana 'flick flock', pertukaran dasar-dasar mengenai perkara ini akan menimbulkan satu keadaan di mana bank-bank asing akan dapat keuntungan dan mungkinkah satu kertas putih dikemukakan mengenai dasar-dasar, pendekatan-pendekatan mengenai masa depan sektor perkhidmatan kewangan.

Dan bolehkah satu deadline diberi untuk menggalakkan, memberi insentif kepada gabungan bank-bank supaya perkara ini tidak akan menjadi satu 'football politic' yang sekarang berlaku?

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, isu ini cuba dipolitikkan oleh pihak pembangkang. Setiap kali bangun maka kertas putih ditimbulkan, maka wajiblah kertas putih ini. Di dalam ini pun Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mahu kertas putih. Tak perlu kertas putih. Kita mampu untuk menyelesaikannya. Ini bukan masalah yang besar, bukan masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan, masalah-masalah besar mungkin, tetapi kita mampu menyelesaikan sebarang masalah. Tidak perlu kertas putih dalam perkara ini, yang penting isu ini kita mahu supaya pembangkang berhenti mulai dari hari ini mempolitikkan perkara ini. Ini tidak ada kaitan dengan politik. Ini berkait dengan usaha-usaha kita untuk memperkukuhkan sistem perbankan di Malaysia. Usaha-usaha kita untuk memastikan bank-bank kita mampu untuk bersaing dengan bank-bank yang kukuh di peringkat antarabangsa. [Tepuk]

Mengenai rasional, saya sudah jawab tadi. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kata saya tidak jawab. Saya sudah kata synergy, ketahanan mereka mengharungi kegawatan ekonomi baru-baru ini. Kita tahu bahawa dalam kegawatan baru-baru ini, beberapa bank dalam negara kita menghadapi masalah yang amat serius sehinggakan Danamodal umpamanya terpaksa memasukkan wang ke dalam institusi kewangan lebih RM6,000 juta. Beberapa institusi kewangan seperti MBF Finance Berhad dan beberapa buah, RM1.6 ribu juta sebagai contohnya dan Danaharta umpamanya terpaksa membeli NPL - hutang tak berbayar ini RM39,000 juta. Ini satu angka yang besar yang kesemuanya melibatkan wang rakyat, wang kerajaan. Oleh itu kita berhati-hati. Kita tidak mahu lagi membelanjakan wang yang banyak untuk menyelamatkan bank-bank.

Jadi, rasionalnya, kriterianya ialah bank-bank yang kukuh, bank-bank yang mampu untuk menangani kegawatan baru-baru ini dan modal yang dimiliki oleh mereka ini antara rasional yang digunakan. Dalam pada itu, kita fleksibel. Ini yang

saya hendak tekankan, kita fleksibel. Kita mendapat pandangan dari pelbagai pihak termasuk daripada mereka yang berkenaan.

Oleh kerana kita fleksibel itulah sebabnya kenapa diubahsuai. Kita bukan dogmatic, kita bukan fanatik, kalau ada perkara-perkara yang boleh

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Mentair mengelirukan Dewan ini, itulah sebab kriteria untuk merger, bukan kriteria untuk pilih enam 'anchor bank'. Kriteria untuk merger itu synergy, tetapi apa kriteria untuk pilih enam 'anchor bank itu', apalah ada kroni-kroni atau apa-apa. Itulah tidak diberi jawapan.

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Tidak ada kroni., tidak ada kroni.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan mengelirukan Dewan yang mulia ini.

Seorang Ahli: Bodohkah?

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Saya sudah sebut tadi. Saya sudah cakap tadi, kita fleksibel. Kita telah mendengar pandangan, kriteria, bank anchor dan lain-lain, oleh itu kita fleksibel. Itulah sebabnya kita telah umumkan bahawa sekarang ini bank-bank boleh memilih di kalangan mereka. Jadi, isu yang ditimbulkan oleh pembangkang tidak berbangkit lagi. Sekarang ini bank-bank boleh memilih mana anchor bank mereka, kalau dahulu Bank Negara memberi sedikit nasihat kepada mereka, ini dia, tetapi pada masa ini, kita sudah buat keputusan setelah mendapat pandangan pelbagai pihak telah pun dibuat keputusan.

Jadi, isu yang dibuat oleh pembangkang tidak berbangkit lagi. Kita fleksibel, kita mendengar pandangan dan sekarang ini kita serahkan kepada institusi kewangan berkenaan, 55 buah ini. [Tepuk]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin tahu berapakah jumlah aset enam 'anchor bank' yang dicadangkan dan adakah di dalam soal pekerja tadi yang seramai 82,000 lebih, pihak bank-bank yang terbabit akan melaksanakan exercise menjelaskan dan meyakinkan pekerja supaya tidak wujud kebimbangan atau anxiety yang boleh dipolitikkan khususnya oleh pihak pembangkang sendiri. Terima kasih.

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jumlah aset kesemua bank yang akan digabungkan ini ialah RM628,000 juta. Itu kesemua 55 buah institusi kewangan. Saya mohon maaf tidak ada angka-angka mengenai aset untuk bank-bank tertentu tetapi kesemuanya RM628 bilion.

Mengenai jaminan kepada pekerja-pekerja, kita telah membuat beberapa kenyataan, kita bincang dalam kerajaan, dalam Kabinet dan beberapa kenyataan telah pun dibuat, Gabenor Bank Negara telah pun berjumpa dengan wakil-wakil NUBE iaitu kesatuan pekerja-pekerja bank dan ada precedennya. Precedennya ialah Bank Bumiputra Malaysia Berhad dengan Bank of Commerce, di mana banyak kebimbangan. Kita dapat surat daripada pekerja-pekerja mengenai kebimbangan mereka, ada yang menyatakan bahawa mereka sudah tidak ada semangat untuk bekerja dan lain-lain, precedennya sudah ada, buktinya sudah ada, di mana kerajaan ini deliver, di mana kita menepati janji, kita kotakan janji. Janji kita tidak ada siapa yang akan terjejas. Maka dalam kes Bank of Commerce dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang sekarang ini Bumiputra Commerce, 10,000 kesemua pekerja sekarang ini bekerja, dengan izin, the new merge entity, tidak ada masalah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pihak pembangkang memang tidak ada cara lain. Hari ini pun kita dipanggilnya 'bodoh', ini dia contoh Ketua Pembangkang panggil ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini, 'bodoh'. Saya dengar, itu ...

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata bodoh kerana di sebelah sana....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasalah, ini saya hendak menunjukkan

Tuan Lim Kit Siang: Saya balas sahaja, jangan memutarbelitkan.

Seorang Ahli: Duduk, duduk, awak yang bodoh.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini style yang ditunjukkan, style dia, kalau dia boleh mengatakan ini Dewan yang mulia ini, 'bodoh', ahli yang duduk di sini 'bodoh', ini standard yang ditunjukkan oleh Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Style Barisan Nasional mahu menggunakan perkataan bodoh, rela dipanggil balik, itulah Don't be uncivilised.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: You are civilised. Saya malah kata, you are animal sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu gunakan bodoh tetapi apabila digunakan...[Pembesar suara ditutup]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, inilah style pembangkang. Ahli-ahli Dewan yang telah ditauliahkan

Seorang Ahli: Tanjong paling bodoh. Tanjong dan ahli-ahli DAP bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Ya, sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, tak mahu mendengar. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Menteri, ia hendak mengalih perhatian kejayaan kerajaan kita, kita telah pulih keyakinan dalam institusi kewangan kita. Saya hendak bertanya, adakah ini benar, bandingkan dengan negara-negara jiran, sebuah negara jiran., baru-baru ini, bank masih lagi tidak boleh hendak mengeluarkan kredit, adakah ini benar? Betul, masih tidak boleh mengeluarkan kredit. Institusi-institusi bank di negara yang utara begitu juga, masih banyak lagi bank yang tidak dipulihkan lagi. Pertama, kerana hilang keyakinan masyarakat kepada institusi kewangan. Yang kedua, bank-bank masih belum dipulih untuk memberikan kredit. Bagaimana bank-bank ini boleh memulihkan ekonomi negara mereka? Tetapi negara kita sudah pulih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta soalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Soalan saya, adakah ini benar, tujuan pembangkang membangkitkan isu ini adalah untuk menarik perhatian rakyat kepada usaha dan kejayaan negara kita, minta penjelasan.

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dari awal lagi, pembangkang yang pertama, tidak mahu percaya ekonomi kita sudah pulih dan mereka sentiasa berusaha untuk meruntuhkan sistem kita, sistem politik kewangan. [Tepuk] Ini jelas kepada kita. Maka jangan mencedok di air keruh dan benar sekali bahawa hari ini sistem perbankan kita sudah pulih sepenuhnya, kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, bank-bank semuanya ranap, lingkup, tetapi di negara kita bank-bank sudah pulih dan kita hendak buat ini adalah untuk memperkukuhkan lagi. Jadi, Malaysia sebenarnya adalah negara yang maju, yang mampu untuk menangani persaingan daripada bank-bank besar di peringkat antarabangsa. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya kira oleh kerana isu ini dipolitikkan, saya hendak jelaskan sekali lagi, takut diputarbelitkan oleh pihak pembangkang, yang pertamanya, kerajaan fleksibel. Fleksibel ini dalam erti kata 'anchor bank', siapa 'anchor bank'nya, bilangan anchor bank dan fleksibel dari segi timenya, dari segi waktunya, kalau dahulu disebutkan beberapa tarikh tertentu maka hari ini saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan telah menetapkan kita akan fleksibel dalam melaksanakan penggabungan. Ini setelah mengambil kira pandangan daripada semua pihak termasuklah ahli-ahli politik dan juga khususnya daripada institusi kewangan berkenaan. Jangan dipolitikkan isu ini, please!

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri tadi ada memberikan

Seorang Ahli: Eh! Mana boleh?

Tuan Lim Kit Siang: bahawa akan menjawab semua aspek dalam 18 soalan mengenai bank-bank. Sebagai satu contoh, jawab satu soalan yang dikemukakan untuk persidangan pada 29 November yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan, adakah penggabungan bank akan melahirkan 'czar ekonomi' yang terlalu berkuasa di negara ini, di mana penguasaan ekonomi tertumpu kepada seorang individu yang selama ini sangat dicurigai oleh rakyat Malaysia. Apa jawapan? Itu tidak dijawab, harap boleh jawab.

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Itu tohmahan! Saya sudah jawab tadi. Ini dipolitikkan, tidak ada kaitan dengan politik. Saya sudah jawab semua dah, itu merangkumi kesemuanya sekali, tidak ada timbul apa itu 'czar ekonomi', Kubang Kerian hendak tahu, apa benda 'czar ekonomi'? Tidak pernah berlaku dan tidak akan berlaku. Ini tohmahan semata-mata, tuduhan melulu! Cakap kena berasaskan fakta.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: 'Czar ekonomi' takkan tak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat!

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap hendaklah berasaskan kepada fakta.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Dia tanya saya, Datuk tanya saya ...
[Pembesar suara ditutup]

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Dr. Ibrahim bin Saad]: Kalau tak faham ekonomi, tak usah cakaplah.

Datuk Haji Mustapa bin Mohamed: Dipolitikkan, tidak ada kaitan dengan 'czar ekonomi' atau politik, tidak ada kaitan langsung. Sudah pun dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: PAS dan DAP, pasukan 'busuk'.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hoi, kurang ajar ya. Pendek kurang ajar.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia kata ke DAP, bukan dia kata ke PAS! Dia kata ke DAP.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cina jaga

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kubang Kerian, dia kata kepada DAP.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: UMNO kata tak apa. [Ketawa] Jangan beri pendek itu kata.

3. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan, adakah pihaknya bercadang bagi menjadikan "Biomass" sebagai salah satu sumber tenaga di kawasan luar bandar ataupun pedalaman memandangkan sumber tenaga ini lebih murah berbanding dengan sumber tenaga lain.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang bercadang untuk menjadikan sisa "Biomass" sebagai salah satu sumber tenaga yang boleh digunakan di negara ini. Bagi tujuan ini, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia sedang berusaha membangunkan satu program penggalakan, dengan izin, biomass waste to energy cogeneration.

Program ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan sebuah projek demonstrasi penjanaan elektrik yang disambung kepada grid menggunakan sisa biomass. Adalah diharap projek demonstrasi ini akan membuktikan kemungkinan kewangan dan teknikal dalam membangunkan penjanaan elektrik sedemikian di peringkat komersial.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah potensi biomass sebagai satu sumber tenaga dan apakah dasar dan perancangan kerajaan dalam memajukan sumber tenaga yang berbentuk renewable seperti biomass dan solar.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar kepentingan sumber tenaga renewable, dengan izin, termasuk biomass, solar dan mikro-hidro dan ia memang mempunyai potensi yang agak besar, misal kata dalam satu kajian yang dijalankan oleh kementerian saya baru-baru ini mengenai oil palm residue dan didapati bahawa potensinya agak besar.

Potensi penjanaaan oil palm residue itu sendiri adalah sebanyak 2,000 megawatt satu tahun dan dalam ucapan perasmian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam The World Renewable Energy Congress yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, Yang Amat Berhormat telah mengarahkan kementerian saya untuk menjalankan satu kajian tentang kemungkinan untuk menjadikan renewable energy source, dengan izin, untuk menjadikan satu tambahan kepada the four field strategy yang dipraktikkan oleh kerajaan pada masa ini dan ekoran daripada itu, kementerian saya dan EPU sedang menjalankan satu kajian tentang cadangan Yang Amat Berhormat dan kalau sekiranya kajian ini mendapati bahawa cadangan ini adalah viable, kita akan memasukkan renewable energy source ini kepada the fifth energy source kepada negara ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Selain daripada biomass, solar atau hidro sebagai sumber tenaga, saya hendak bertanya dasar kerajaan tentang menggunakan nuklear sebagai satu sumber tenaga, sama ada kerajaan telah menjalankan satu kajian untuk menentukan nuklear sebagai satu sumber tenaga.

Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan masih tidak bercadang untuk menjadikan nuklear ini sebagai satu sumber tenaga kepada negara ini.

4. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab mengapa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja tidak ditubuhkan untuk mengendalikan kes keracunan Dato' Seri Anwar memandangkan orang ramai telah hilang kepercayaan ke atas pihak polis berikutan dengan episod serangan bekas Ketua Polis Negara ke atas Anwar setahun lepas serta cara pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri sendiri, cuba mencemarkan dakwaan Anwar ini sebelum sebarang siasatan dijalankan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan kononnya Dato' Seri Anwar Ibrahim diracuni telah pun disiasat oleh Hospital Universiti Kebangsaan dan telah didapati tidak benar, malah sampel-sampel kuku, rambut dan air kencing Dato' Seri Anwar Ibrahim telah juga dihantar kepada makmal-makmal tempatan yang lain dan juga makmal di luar negara. Kesemuanya mendapati tidak benar Dato' Seri Anwar Ibrahim diracuni. Dengan demikian kerajaan berpendapat bahawa penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja adalah tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar juga dakwaan Yang Berhormat bagi Tanjong bahawa orang ramai telah hilang kepercayaan kepada pihak polis. Sebenarnya orang ramai masih kuat kepercayaan mereka kepada polis tetapi yang tidak percaya hanya pihak pembangkang khasnya parti dan Yang Berhormat bagi Tanjong sahaja serta rakan-rakan mereka yang sentiasa menggembar-gemburkan segala isu yang berkaitan dengan polis supaya rakyat hilang kepercayaan kepada polis.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun tuduhan yang dilemparkan terhadap polis, pihak polis masih dan akan terus menjalankan tugas dan tanggungjawab secara profesional tanpa pilih kasih.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucapkan terima kasih kerana tidak menubuhkan suruhanjaya sebab kalau hendak ikut suruhanjaya yang dicadangkan oleh pembangkang ini, sekarang lebih kurang sudah 200. Tidak ada siapa hendak jadi pengerusi dan tidak ada sesiapa hendak menjadi jawatankuasa suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kajian profesional ini, kita dapati bahawa Anwar Ibrahim ini tidak diracuni. Jadi, timbulnya mereka yang mengeluarkan perkara ini terutama sekali Saudara Anwar Ibrahim, isterinya dan peguamnya yang ada di dalam Dewan ini berbohong bukan sahaja di luar tetapi juga di mahkamah. *[Tepuk]* Tidakkah Kementerian Dalam Negeri tidak usah tubuh, hendak siasat, siasat puak-puak ini yang berbohong di mahkamah dan di luar ini, yang berkempen di kawasan-kawasan mengatakan Anwar Ibrahim ini diracuni dan diberi penerangan terutama sekali parti-parti PAS ini, berkempen dengan hebatnya di kawasan. Tolong siasat tentang pembohongan ini dan ambil tindakan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan kononnya pihak atasan kerajaan yang terlibat dalam komplot untuk meracun Dato' Seri Anwar Ibrahim dilemparkan dalam mahkamah oleh Yang Berhormat bagi Jelutong. Kalau benar apa yang dikatakan kita minta dia mengatakan kata-kata itu di luar mahkamah supaya kita akan siasat dan ambil tindakan sewajarnya. Keduanya, didapati beliau berselindung di bawah kuasa mahkamah, maka kita tidak dapat buat apa-apa dan oleh kerana itu kerajaan sedang berusaha dan akan mempercepatkan penggubalan pindaan undang-undang mengenai apa yang dikatakan penghinaan mahkamah, contempt of court, dengan izin.

Tuan Karpal Singh: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, itu dia bapa bai! You sudah tipu ya.

Tuan Chang Kon You: Pembohong berdiri, pembohong berdiri, duduk!

Beberapa Ahli: Bohong, penipu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 'Belakang' kena jaga ya.

Tuan Chang Kon You: Pembohong, duduk!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Apa tengok-tengok, cakaplah!

Tuan Karpal Singh: Bolehkah

Tuan Chang Kon You: Liar, liar!

Seorang Ahli: Bohong, bohong!

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah mengarahkan 'binatang-binatang' ini.....

Seorang Ahli: A great liar.

Beberapa Ahli: Liar, liar!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, tarik balik dia kata 'binatang' itu, Tuan Yang di-Pertua. Ini 'benggali' sudah kurang ajar, dia kata 'binatang'.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudahlah!

Tuan Chang Kon You: Benggali!

Tuan Karpal Singh: 'Binatang' yang ada di sini boleh dikawal atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini bai-bai ada?

- Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....
- Tuan Chang Kon You:** Benggali haiwan.
- Tuan Yang di-Pertua:**Yang Berhormat di belakang itu.
- Tuan Karpal Singh:** Kawal, kawal 'binatang-binatang' ini dahulu.
- Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini 'benggali belakang' punya orang.
- Tuan Karpal Singh:** Itu kuasa Tuan Yang di-Pertua.
- Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apa fasal you bela Anwar Ibrahim kalau bukan 'belakang' punya fasal!
- Tuan Karpal Singh:** Ada beberapa 'binatang' di sini.
- Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini semua kes 'belakang'lah.
- Tuan Chang Kon You:** Haiwan duduk, haiwan duduk.
- Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, menggunakan perkataan 'binatang' itu tidak boleh, Yang Berhormat.....
- Tuan Karpal Singh:** Bolehkah dia dikawal?
- Tuan Yang di-Pertua:**minta tarik balik, Yang Berhormat.
- Tuan Karpal Singh:** Mana boleh tarik balik, ini semua 'binatang' kerana kelakuan macam binatang.
- Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Eh, apa binatang?
- Tuan Chang Kon You:** Awak binatang, haiwan.
- Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat tidak mahu tarik balik....
- Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Suruh dia keluar, Tuan Yang di-Pertua.
- Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik.
- Tuan Karpal Singh:** Ini kelakuan, itu tidak boleh dimaafkan.
- Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Youlah 'binatang'.
- Tuan Karpal Singh:** Apa yang dilemparkan kepada saya? Benggali dan sebagainya itu, boleh?
- Beberapa Ahli:** [*Bersorak*]
- Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah 'binatang'.
- Seorang Ahli:** Oi, barua!
- Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang you keturunan benggali, Tuan Yang di-Pertua.
- Seorang Ahli:** Tidak punya standard.
- Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tidak mengaku keturunan diakah ini? You memang keturunan benggali, you tidak mengakukah?
- Tuan Karpal Singh:** Apakah semua ini 'binatang liar'?
- Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini takkan keturunan Siam, you keturunan Siamkah?
- Tuan Karpal Singh:** Bukan 'binatang' sahaja, 'binatang liar'.
- Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat gunakan....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang manusia tidak boleh mengaku diri dia, keturunan dia, dia ini jenis 'binatang'lah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Yan, cukuplah, sudahlah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya duduk, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelah kita pun ada juga kata kat dia, tidak apalah, biarlah!

Tuan Karpal Singh: Khasnya 'binatang liar' dari Yan, bolehkah dia dikawal?

Tuan Chang Kon You: Hei, 'binatang besar', duduk!

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila ya, cukuplah.

Tuan Karpal Singh: Inilah standard Barisan Nasional.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ini 'gajah liar', Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Benggali, binatang gajah putih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Gajah liar, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mengaku keturunan dia, bila manusia tidak mengaku keturunan bermakna dia binatang. You keturunan benggali, apa salah? Saya keturunan Melayu.

Tuan Karpal Singh: Bolehkah 'binatang liar' dari Yan dikawal sebelum saya membentangkan soalan saya?

Seorang Ahli: Binatang gila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini 'gajah lapar tebu', Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Binatang gila.

Tuan Chang Kon You: Kurungkan dia, kurungkan dia!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kurung 'gajah', Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila, teruskan.

Tuan Karpal Singh: Semua ini khasnya dihantar ke kandang binatang liar di sana.

Seorang Ahli: Hoi!

Tuan Karpal Singh: Barangkali di sana pun tidak diterima oleh binatang itu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Karpal Singh: Yang dalam Dewan ini sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, keterlaluan!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ini jenis 'lutong', Tuan Yang di-Pertua, lutong pungkong orang pun dia sondol. *[Ketawa]*

Tuan Karpal Singh: Ada lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tarik balik perkataan itu.

Tuan Karpal Singh: Bukan saya yang mulakan ini.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dia kata kita semua 'binatang', suruh dia tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, soalnya sebelah sana pun ada juga yang kata, jika tidak kata bolehlah saya menjalankan tugas saya. *[Ketawa]* Biarlah, Yang Berhormat teruskan.

Tuan Karpal Singh: Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Soalan 'binatang'.

Tuan Karpal Singh: Ini semua boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Tidak apalah, silalah teruskan.

Tuan Karpal Singh: Harus dikawal. Ini bukan satu sarkas di mana 'binatang-binatang' ini boleh menyuarakan apa yang dia sukai, tidak boleh!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan Yang Berhormat ya. *[Beberapa Ahli masih mengganggu]*

Tuan Karpal Singh: Ini semua boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah itu. Sila, jangan bisinglah Yang Berhormat, biarlah dia mengemukakan soalan. Sila, sila. Sila teruskan ya.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, dalam Mahkamah apa yang saya menyatakan, itu tugas saya. Apabila saya menerima satu laporan daripada Gribbles, apa yang ditunjukkan dalam laporan itu menunjukkan kemungkinan besar Dato' Seri Anwar Ibrahim diracuni. Sebagai tugas apa saya jalankan di sana adalah dengan keberanian, bukan kerana ketakutan kepada mana-mana kuasa. Bolehkah saya mendapat tahu daripada kementerian adakah cadangan untuk menghapuskan imuniti peguam dalam mahkamah. Adakah cadangan oleh kerajaan yang akan dibentangkan dalam Dewan ini? Dan bagi kepercayaan dalam polis tidakkah Rahim Nor.....*[Diganggu oleh beberapa Ahli]* No, soalnya, tidakkah Rahim Nor mencemarkan imej polis apabila dia menghentam Dato' Seri Anwar Ibrahim, dituduh di mahkamah, bolehkah dicakap.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukup, soalan sudah cukup.

Tuan Karpal Singh: Bolehkah diterima kepercayaan dalam kerajaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh:kerana kerajaan tanggungjawab bagi polis.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Adakah kepercayaan itu dalam hati rakyat awam.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukup. Ya, sila jawab ya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan itu di luar daripada soalan asal, kalau mengikut tatacara-tatacara biasa saya tidak perlu jawab kerana ini merapu tetapi oleh kerana dia bawa satu perkara yang tidak benar, dia katakan laporan daripada Gribbles....

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab sebenarnya ini tidak keluar, oleh kerana ikut daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri. Dia sebut mahu meminda contempt of court law, itulah susulan daripada itu, tidak keluar. Itu point of order dan perlu jawab.

Seorang Ahli: Mana, tidak perlu!

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab ini ikut landasan soalan dan ikut gerak cara saya menjawab ini dibenarkan dalam peraturan dan tidak ada soalan tambahan yang boleh diizinkan keluar daripada soalan tetapi oleh kerana satu pembohongan sekali lagi yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Jelutong kononnya laporan daripada Gribbles itu memberi satu perkataan 'as if' bermaknanya 'kemungkinan' dia diracuni. Sebenarnya dalam laporan itu tidak pernah disentuh dia diracuni. Laporan itu memberi qualification bahawa orang yang mendapat arsenic level 230 adalah orang yang berkemungkinan besar memakan makanan laut 24 jam sebelum sample itu diambil. Maka, ini adalah satu lagi pembohongan yang sedang dibawa oleh pihak pembangkang. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jimmy Donald.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyuarakan kesusahan di barisan kami ini untuk mendengar suara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Jimmy Donald: Ya, tidak dengar sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa fasal, ya.

5. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pertanian menyatakan kejayaan-kejayaan terbaru yang telah dicapai oleh Lembaga Pemasaran Lada di Sarawak dalam bidang pemasaran dan juga pertemuan-pertemuan yang baru dalam usaha mempelbagaikan kegunaan lada di seluruh dunia supaya harga yang baik sekarang dapat dikekalkan.

Timbalan Menteri Pertanian [Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang Dipertua, Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH) dalam usahanya untuk mengekalkan harga yang baik sekarang terus dikecapi telah meraih kejayaan-kejayaan terbaru dari segi pemasaran dan juga penemuan-penemuan produk baru dalam mempelbagaikan kegunaan lada. Kejayaan-kejayaan tersebut adalah seperti berikut:

(a) Peningkatan Nilai Eksport

Pada tahun 1998, nilai eksport lada telah meningkat sebanyak 20% iaitu sebanyak RM287 juta pada tahun 1997 kepada RM344 juta. Bagi tempoh Januari hingga Jun 1999 pula, sebanyak 11,071 metrik tan lada telah dieksport berbanding 7,348 metrik tan pada tempoh yang sama bagi tahun 1998 iaitu peningkatan sebanyak 51%. Nilai eksport pula bagi tempoh Januari hingga Jun 1999 adalah sebanyak RM200.4 juta berbanding RM140.1 juta bagi tempoh yang sama tahun 1998, iaitu kenaikan sebanyak 43%.

(b) Sambutan Dari Segi Pasaran Hadapan

Pasaran Hadapan lada Sarawak telah diwujudkan pada tahun 1997 bagi membolehkan pekebun-pekebun menjual stok atau hasil baru mereka untuk jualan hadapan telah disambut baik. Pada tahun 1998, sebanyak 91 tan metrik lada telah dipasarkan oleh

pekebun-pekebun kecil terutama oleh Pertubuhan Peladang.

(c) Pengeluaran dan Pemasaran Lada Istimewa

JPLH telah berjaya mengeluarkan dan memasarkan lada istimewa iaitu lada putih krim dan lada hitam bersih asli serta lada steril iaitu yang menggunakan jenama "mikrokleen". Pada tahun 1998, lada istimewa telah berjaya dijual dengan nilai RM3.26 juta. Dengan beroperasinya Loji Pensterilan Lada JPLH bagi Oktober 1998, lada steril telah berjaya dijual dengan nilai RM0.7 juta. Pada tempoh Januari hingga September 1999, sebanyak 600 metrik tan lada steril telah berjaya dipasarkan ke luar negeri dengan premium harga yang menggalakkan.

(d) Pengeluaran Produk Baru

JPLH telah berjaya mengeluarkan produk baru seperti sos lada, pewangi lada, minyak lada, lada berperisa limau, lada bawang putih dan hasilan ekstrak lada.

(e) Peningkatan Keuntungan Dagangan JPLH

Keuntungan perdagangan telah meningkat pada tahun 1998, telah meningkat 6 kali ganda iaitu dari RM1.5 juta pada tahun 1997 kepada RM8.6 juta pada tahun 1998.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan harga lada hitam sekarang begitu tinggi, saya hendak tahu apakah jenis bantuan kewangan yang perlu diberi kepada petani-petani supaya boleh menambahkan lagi pendapatan mereka dan juga sama ada bantuan-bantuan kepada jenis pertanian yang lain memandangkan lada hitam begitu baik sekali, bantuan kepada getah dan pertanian-pertanian lain boleh dipotong dan diberikan kepada petani-petani yang ingin menghasilkan lada hitam Sarawak.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Seseorang petani yang hendak menanam lada hitam ini pertamanya kesesuaian tanah, jadi kementerian melalui Jabatan Pertanian boleh membuat kajian sama ada sesuai atau tidak. Yang kedua, kemudahan asas seberapa yang mampu, kementerian akan cuba beri bantuan. Tetapi walau bagaimanapun, semenjak tahun 1986 hingga sekarang, inilah masa lada hitam yang paling tinggi iaitu bernilai di antara RM1,647 bagi lada hitam dan RM2,240 bagi lada putih. Jadi, biasanya kalau harga terlalu tinggi, maka bantuan kerajaan mungkin akan dikurangkan tetapi kalau harga itu agak begitu rendah, maka bantuan sewajarnya diberi.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penanam-penanam lada hitam di negeri Sarawak dan dengan keseluruhannya saya rasa sangat berterima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa berusaha secara aktif dan proaktif untuk mencari pasaran di seluruh dunia untuk menjualkan lada hitam kita dan juga menjalankan usaha bagi mempelbagaikan kegunaan lada yang kesemuanya bertujuan untuk mempertingkatkan lagi pendapatan penanam-penanam lada hitam ini. Saya ingin bertanya bolehkah kementerian memberi penjelasan tentang trend harga lada pada masa hadapan dan sejauh manakah kerajaan boleh memainkan peranan mengawal harga lada ini pada masa-masa akan datang?

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Baram. Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi bahawa trendnya sentiasa berubah. Kita tidak dapat hendak menentukan trendnya itu akan statik atau akan tetap, biasanya berdasarkan tawaran. Kalau pengeluaran terlalu

banyak, permintaan sedikit, maka harganya akan jatuh. Walau bagaimanapun, kementerian sehingga ini telah berjaya mengesan sekurang-kurangnya 40 buah negara sekarang yang menggunakan lada kita dan yang paling banyak sekali ialah Singapura, Japan, Germany dan USA juga. Jadi, kita akan memperluaskan lagi.

Di samping itu, yang penting di sini ialah produktiviti. Harga yang baik, kalau produktiviti rendah mungkin juga keuntungan tidak tinggi. Jadi, apa yang penting, kementerian tekankan supaya produktiviti bagi petani-petani kecil ini akan dapat kita tingkatkan dan juga kita akan memperibagakan lagi produk-produk baru dengan harapan pasaran lebih meluas. Jadi, itulah usaha-usaha yang sedang dijalankan.

[Soalan No. 6 - Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) tidak hadir]

7. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) mengikut negeri-negeri. Juga minta dinyatakan setakat ini, berapa buah daripadanya yang mendapat sumbangan daripada pihak kementerian dan berapa banyak pula yang bersedia untuk diserahkan kepada pihak kementerian.

Menteri Pendidikan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah Sekolah Menengah Agama Rakyat di seluruh negara ialah 211 buah. Kesemua sekolah tersebut mendapat bantuan kewangan terutama geran per kapita daripada Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan telah menawarkan dua model kepada SMAR sama ada untuk menjadi sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Untuk tujuan tersebut, Kementerian Pendidikan akan membuat tawaran rasmi kepada SMAR setelah mendapat persetujuan daripada kerajaan-kerajaan negeri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sekolah agama ini dia orang dapat bantuan daripada kerajaan beratus-ratus ribu ringgit, malah dalam kawasan Parlimen saya berjuta ringgit dia orang dapat bantuan daripada kerajaan. Tetapi sekolah-sekolah ini juga dijadikan kubu ataupun pusat latihan pelajar-pelajar ini untuk menentang kerajaan, memaki kerajaan dan militan, membenci kerajaan dan mereka juga bertanggungjawab bawa turun poster, bakar bendera dan sebagainya.

Jadi, apakah kerajaan akan terus membantu sekolah seperti ini ataupun kerajaan akan mengambil sesuatu inisiatif dan tindakan untuk menyekat ataupun mengambil alih terus sekolah-sekolah ini dan memastikan pelajar-pelajar sekolah ini sebenarnya pergi menuntut pelajaran untuk masa depan mereka, bukan untuk menjadi alat kepada parti-parti pembangkang terutama sekali parti PAS. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, apabila sekolah-sekolah ini diambil alih oleh kementerian ataupun dijadikan sebagai sekolah bantuan kerajaan, maka guru-guru di sekolah itu akan menjadi guru-guru Kementerian Pendidikan. Dengan ini, maka sebarang penyelewengan dari segi tugas utama mereka boleh diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini pihak kementerian telah mengumumkan cadangan untuk mengambil alih sekolah-sekolah ini termasuklah sekolah di negeri Kelantan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah melenting marah kepada kumpulan guru-guru yang telah bertemu dengan Yang Berhormat Menteri sendiri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa tanpa mengambil kira apa pun pandangan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap masalah ini supaya Kementerian Pendidikan menjaga nasib di kalangan guru-guru yang telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri sendiri dan

seterusnya mengambil tindakan perlu bagi membaik pulih ataupun memperbaiki kedudukan mereka. Dari segi kepentingan mereka dan kepentingan sekolah-sekolah ini kepada masa depan rakyat negeri Kelantan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan kenapa Menteri Besar Kelantan cepat sangat melenting atas perkara yang sebenarnya mereka ini berjumpa dengan saya kerana tujuan yang baik, tujuan yang ikhlas. Bincang tentang masa depan sekolah agama rakyat, tidak pernah bincang pun tentang hendak jatuhkan Kerajaan Negeri Kelantan.

Jadi, saya tidak tahu apa sebab dia melihat ini sebagai satu ancaman kepada Kerajaan Negeri melainkan dia menggunakan sekolah-sekolah ini dengan tujuan politik, maka sekiranya kita dapat menyelesaikan urusan ini dengan Majlis Agama Islam Negeri Kelantan, maka kita akan dapat menentukan masa depan guru-guru di Sekolah-sekolah Agama Rakyat di Kelantan itu terus terbela dengan diberi perkhidmatan yang lebih baik daripada apa yang mampu diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan berhasrat untuk menambah bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hoi, tambah hangpa dok maki, hendak minta lagi?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: negeri Kelantan ini.

Seorang Ahli: Suruh tok guru baginya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bersyukur.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebenarnya tugas pendidikan ini adalah tugas kerajaan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Memaki, maki tugas siapa?

Tuan Yunus bin Rahmat: Kerajaan Barisan Nasional, selalu kena maki.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Maki, maki tugas siapa? Maki tugas PAS kah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biarlah dia bertanya, biarlah dia tanya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, budak-budak depa ajar jadi jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Muka tidak malu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Muka tidak malu, duit mahu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah kerajaan sekiranya sekolah-sekolah agama rakyat ini diambil alih oleh kerajaan, kerajaan berhasrat untuk mengubah Sistem Pendidikan Sekolah-sekolah Agama? Misalnya, Sistem Pendidikan Sekolah Agama di negeri Kelantan sekarang ini adalah menggunakan Sistem Pendidikan Sekolah Agama Azhari iaitu Sistem Pendidikan Al-Azhar.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sistem bergaduh adalah Al-Azhar.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Hasil daripada rundingan Kerajaan Negeri Kelantan dengan Universiti Al-Azhar. Lantaran itulah

Universiti Al-Azhar telah memberi pengiktirafan kepada semua sijil daripada Sekolah Agama Rakyat di negeri Kelantan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak banyak dulu

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: tetapi sampai itu apakah

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dok bersyarahkah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: kerajaan tidak berhasrat untuk memberi

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: bantuan kepada pendidikan sekolah pondok yang ada di seluruh negara kita ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:sebab sekolah pondok ini adalah

Seorang Ahli: Hendak berceramah, ceramahlah. Hoi, ah!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: tempat rakyat bagi negeri ini Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tengok Tuan Yang di-Pertua, bukan depa dengar cakap orang ini, itu budak-budak macam itulah Tuan Yang di-Pertua perangnya kurang ajar. Tuan Yang di-Pertua, suruh berhenti dia tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, sudahlah. Yang Berhormat Menteri, ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yan hendak kalahlah itu, pilihan raya akan datang ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya cabar, kalau berani mari bertanding di Yan. *[Tepuk]*

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Kita akan lawan, kita akan lawan di Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Haji, mai di Yan. Mai di Yan. Sekali balik dengan kain tidak ada kot.

Tuan Yunus bin Rahmat: Hei, Arau. Cukuplah Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila-sila, ya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kerajaan akan memberi bantuan yang lebih tinggi kepada sekolah-sekolah yang menjalankan kewajibannya sebagai sekolah yang mengikut landasan yang betul. Bagi sekolah-sekolah agama rakyat di negeri Kelantan pada masa ini pencapaian mereka amat rendah sekali dan ramai pelajar yang pergi ke Al-Azhar gagal dalam peperiksaan.

Jadi, apabila sekolah-sekolah ini diambil alih ataupun diberi bantuan kerajaan, kita beri jaminan bahawa pencapaian pelajar-pelajar di sekolah-sekolah itu akan ditingkatkan kepada tahap yang lebih tinggi lagi. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 6 dan 8 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG JUALAN DADAH (PINDAAN) 1999****Bacaan Kali Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jualan Dadah 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1999)(NO.2) 1999****Bacaan Kali Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL**MERENTIKAN KUAT KUASA MANA-MANA PERATURAN MESYUARAT
MENGIKUT PERATURAN MESYUARAT 90(2)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan;

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 90(2), Majlis dengan ini merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 48 di sepanjang tempoh perbincangan Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 1999.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Point of Order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of Order ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya meminta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 90(2) yang berbunyi,

"Sesuai masalah yang bertujuan hendak merentikan kuat kuasa mana-mana peraturan mesyuarat atau harus menyebabkan boleh terhenti kuat kuasa peraturan-peraturan mesyuarat boleh dicadangkan hanya selepas dikeluarkan pemberitahu atau dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, yang hendak dengan serta merta mengemukakan untuk diputuskan tanpa dibenarkan apa-apa perbincangan".

Saya minta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dalam usul ini ada dikatakan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, atas sebab Tuan Yang di-Pertua memberi izin ini - bukan saya mahu mencabar keputusan tetapi minta panduan atas sebab sama ada oleh kerana ini sangat segera perlu disegerakan, kalau tidak 105 orang akan mati macam dalam JE atau Nipah Virus. Tidak boleh, tidak mahu 'suspend Standing Orders' oleh kerana mengikut jadual esok rang undang-undang ini akan timbul dan dibahas dan diluluskan atau tujuan usul ini ialah untuk menghalang urusan Parlimen yang biasa dijalankan oleh kerana sebenarnya bukan tidak ada urusan

Parlimen adalah 19 usul yang dikemukakan dan semua usul ini adalah usul-usul yang sangat penting macam di nombor tujuh di atas nama saya usul mengenai rang undang-undang ahli persendirian mengenai kawalan sewa untuk panjangkan lagi lima tahun 600,000 orang penduduk di George Town tunggu hari ini.

Harap bahawa ini boleh dibincangkan, satu perkara demi kepentingan orang ramai. 100,000 orang di negara ini ada pada 13 Disember apabila Rent Control Act dimansuhkan tidak menghadapi masalah dan inilah tempat kita perlu bincang dan adalah lagi hal-hal, unsur-unsur persendirian yang lain yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan, Yang Berhormat bagi Kepong mengenai pembunuhan arbitrary trigger happy pihak polis, Dr. Tai Eng Tek dan Ceylamala, semua ini penting dan mustahak dan kenapa perlu usul ini untuk suspend Standing Orders. Usul ini lebih penting dan tidak ada sebab yang menunjukkan ini lebih mustahak. Bukankah Yang Berhormat Menteri, menteri-menteri MCA, Gerakan sudah patut bersetuju khasnya bahawa memberi keutamaan (priority) kepada usul nombor tujuh mengenai Rent Control Repeal Act atau adakah menteri-menteri MCA, Gerakan sudah pun mengetepikan hak-hak rakyat yang dijanjikan. Saya harap ini tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh timbang semula untuk kaji supaya rang undang-undang ini akan dibahas esok, kenapa tidak boleh tunggu? Supaya tarik balik izin Tuan Yang di-Pertua, supaya 'normal course of the business', urusan-urusan Parlimen dijalankan, bukan satu usaha untuk 'subvert Parliamentary process'. Inilah satu usaha 'subvert Parliamentary process'.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sebabnya saya telah memberi kebenaran atas dua sebab iaitu pertama, usul ini ataupun rang undang-undang ini telah pun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lebih awal lagi iaitu pada 11 haribulan. Jadi, masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengkaji berkenaan dengan perkara ini adalah mencukupi.

Kedua, saya telah diberitahu bahawa perkara ini amat mustahak dari segi kerajaan. Yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat 15, maka urusan-urusan kerajaan hendaklah didahulukan. Jadi, yang demikian saya telah pun memberi kebenaran saya atas alasan-alasan yang telah pun saya sebutkan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat perkara ini mengikut Peraturan 90(2) itu tidak ada perbahasan. Yang demikian, saya kemukakan usul ini untuk dipersetujui ataupun tidak. Ahli-ahli Yang Berhormat usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN DADAH (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.16 pagi.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Jualan Dadah (Pindaan) 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Chua Jui Meng: Akta Jualan Dadah 1952 telah digubal untuk mengawal ubat-ubatan untuk kegunaan manusia sahaja. Pada masa ini Kementerian Kesihatan melalui Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang dibuat di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dapat mengawal ubat-ubatan dan lain-lain keluaran pharmaceuticals serta kosmetik untuk kegunaan manusia. Hanya keluaran yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dibenarkan diimport, dikilang atau dijual oleh pemegang lesen yang dikeluarkan oleh PBKD. Dengan

sistem pendaftaran dan pelesenan ini, keselamatan, keberkesanan dan kualiti ubat-ubatan di pasaran dapat dipastikan.

Pada masa ini akta ini tidak mengawal apa-apa bahan hasil atau barang yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang berupaya untuk digunakan pada haiwan. Untuk memastikan ubat-ubatan haiwan juga berkualiti dan negara kita tidak menjadi negara lambakan bagi ubat yang tidak berkualiti atau diharamkan di negara asing. Pindaan ini mencadangkan luasan akta untuk meliputi ubat-ubatan yang digunakan untuk haiwan. Konsep kawalan yang dilaksanakan terhadap ubat-ubatan untuk manusia akan digunapakai untuk memastikan keselamatan, keberkesanan dan kualiti ubat-ubatan haiwan juga.

Mengikut konsep yang sama ubat untuk haiwan juga akan dinilai sebelum ianya didaftarkan dan ubat-ubatan perlu dikilang mengikut amalan perkilangan baik. Untuk ubat-ubat yang diimport, perakuan jualan bebas dari pihak berkuasa di negeri asing perlu dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik Tahun 1984 yang dibuat dibawah Akta Jualan Dadah 1952 keluaran pharmaceuticals dalam bentuk dos pharmaceuticals untuk kegunaan manusia kini perlu didaftarkan. Fasal 1 untuk pendaftaran keluaran yang mengandungi racun dimulakan pada bulan November tahun 1985 diikuti dengan Fasal 2 untuk keluaran bukan racun pada bulan Ogos 1988 dan Fasal 3 untuk keluaran tradisional pada bulan Januari 1992. Pendaftaran untuk kosmetik adalah di bawah Fasal 4 kecuali untuk kosmetik yang mempunyai bahan aktif atau mengandungi tuntutan perubatan di bawah Fasal 2. Fasal 4 belum bermula lagi. Dari tahun 1985 apabila pendaftaran dimulakan sehingga tahun 1998, 39,747 permohonan telah diterima. Untuk tempoh yang sama 22,000 dan 85 keluaran telah didaftarkan.

Apabila cadangan pindaan ini diluluskan satu tarikh akan ditetapkan melalui pewartaan kerajaan untuk mula berkuat kuasa pendaftaran bagi ubat untuk haiwan yang dalam bentuk DOS pharmaceuticals dibawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik.

Proses pendaftaran akan melalui tiga peringkat di mana peringkat satu pemohon mengemukakan surat dengan beberapa maklumat berkaitan produk diikuti dengan peringkat dua di mana produk akan dianalisis. Peringkat tiga adalah peringkat akhir di mana dokumentasi lengkap dikemukakan untuk kajian penuh terhadap keluaran yang ingin didaftarkan. Walaupun proses pendaftaran akan mengambil masa di antara enam hingga dua belas bulan kementerian akan membenarkan keluaran sedia ada terus berada di pasaran selagi pemohon telah mengemukakan permohonan untuk pendaftaran. Ini adalah untuk memastikan bekalan ubat-ubatan yang berterusan sementara proses pendaftaran. Walau bagaimanapun, keluaran baru tidak akan dibenarkan diimport dan diedarkan untuk jualan sebelum ianya didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan penting yang dicadangkan terhadap akta ini ialah:

- (i) pindaan kepada takrif 'drug', memperkenalkan takrif baru 'medicinal purpose' dan pindaan kepada takrif 'sale or sell';
- (ii) meningkatkan kuman pemenjaraan dan denda. Denda maksimum hukuman untuk kesalahan kedua dan berikutnya adalah digandakan berbanding dengan kesalahan pertama. Untuk kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan jumlah denda maksimum digandakan; dan
- (iii) meminda Seksyen 17 untuk meluaskan kawalan terhadap ubat-ubatan untuk kegunaan haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal dua, mencadangkan supaya takrif 'drug' dipinda. Definisi ini perlu supaya drug sekarang meliputi untuk kegunaan haiwan dengan ini kawalan ke atas ubat-ubatan untuk haiwan dapat dimulakan.

Oleh kerana dalam definisi "drug", terdapat ungkapan "for medicinal purpose". Pindaan Seksyen 2 juga memperkenalkan definisi baru "medicinal purpose". Takrif baru ini diperlukan untuk menerangkan medicinal purpose untuk meliputi rawatan, penjagaan, diagnosis penyakit dan aspek-aspek lain seperti kontrasepsi, anastesia, pengawalan berat badan dan secara am, penjagaan kesihatan. Takrif baru "sale" or "sell" di bawah Seksyen 2 juga perlu dipinda supaya kawalan penjualan ubat-ubatan tidak dihadkan kepada kegunaan manusia sahaja tetapi akan meliputi penjualan ubat-ubatan untuk kegunaan haiwan juga.

Hukuman denda yang diperuntukkan di bawah Akta ini iaitu tidak melebihi RM2000 dianggap terlalu ringan dan tidak mencerminkan keperluan semasa.

Fasal 4 dengan ini mencadangkan Seksyen 10, subseksyen 4 bagi hukuman untuk kesalahan di bawah Seksyen 10 dimansuhkan.

Berikutan itu, Fasal 5 adalah untuk meminda Seksyen 12 supaya hukuman yang lebih tinggi dan setimpal ke atas pesalah individu. Seseorang boleh dihukum denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan bagi satu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya, bagi sabitan pertama.

Bagi sabitan berikutan, penalti ialah hukuman tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan bagi satu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Fasal 5 juga memperkenalkan subseksyen 12(2) untuk memperuntukan hukuman bagi badan pertubuhan yang melakukan kesalahan di mana pertubuhan berkenaan boleh dihukum dengan tidak melebihi RM50,000 bagi kesalahan kali pertama.

Bagi sabitan berikutan, badan pertubuhan boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000. Di bawah akta ini, Seksyen 17 merupakan satu anggapan jualan ubat-ubatan untuk kegunaan manusia sahaja.

Fasal 6 adalah untuk meminda seksyen ini supaya meliputi ubat-ubatan untuk kegunaan binatang-binatang selaras dengan pindaan tersebut di atas.

Selaras dengan cadangan peningkatan hukuman pada Fasal 5, dicadangkan juga pindaan supaya subseksyen 26(1)(k) yang disebut dalam Fasal 8 untuk membolehkan Menteri Kesihatan mengenakan satu hukuman maksimum RM50,000 atau 5 tahun penjara bagi kesalahan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Fasal 3(7) dan dalam perenggan 2(a) adalah untuk membetulkan kesalahan cetakan kecil yang dikesan dalam Akta.

Pindaan kepada Akta Jualan Dadah 1952 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Siapa ingin menyokong?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta

untuk meminda Akta Jualan Dadah tahun 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

11.26 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sayalah yang menyelamatkan Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk]*.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tak payah berlakonlah. Ada orang nak bercakap juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana berlakon? Tidak ada orang hendak bercakap tadi. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana hendak bercakap pula. Dia peguam sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam dia tahu mengenai ubat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat. Hendak cakapkah atau hendak cakap yang lain, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan rang undang-undang ini dengan tujuan untuk memberikan peringatan dan nasihat, juga cadangan yang bernas kepada Yang Berhormat Menteri.

Pada mulanya hendak saya sebutkan di sini, kita perlukan undang-undang yang lebih ketat, bukan sahaja untuk jualan kepada manusia bahkan juga kepada haiwan. Ini memang kalau Yang Berhormat bangkitkan lebih awal lagi, saya berpendapat yang lebih tepat kerana kita sudah merdeka 42 tahun dan dalam tempoh 42 tahun ini, kita sudah jual ubat kepada manusia selama 42 tahun. Sekarang baru sahaja kita sedar bahawa ubat-ubat yang digunakan untuk manusia ada juga digunakan untuk haiwan terutamanya ternakan. Jadi, kesedaran itu sangat lambatlah. 42 tahun yang diperlukan untuk kesedaran.

Begitu juga untuk masalah-masalah yang lain, bukan sahaja ubat. Seperti ordinan untuk haiwan, Animal Ordinance yang dibentangkan pada tahun-tahun 50-an lagi tetapi sampai sekarang Animal Ordinance tidak dipinda atau akta yang baru dikemukakan. Jadi, ini menunjukkan kekurangan kesedaran, kekurangan prihatin oleh pihak kerajaan. Saya sebutkan hal ini kerana Yang Berhormat Menteri sendiri apabila timbul masalah wabak pada bulan Mei dan Jun lepas, beliau datang ke sini dengan kucar-kacir, tidak keruan, dia tidak dapat jawab. Sebab apa? Sebab tidak ada ordinan haiwan yang cukup berkesan untuk mengawal pemindahan haiwan dari setempat ke setempat. Bagi saya, salah satu faktor yang menyebabkan wabak virus Encephalitis.

Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang walaupun wabak mujurlah sudah tidak ada lagi saya harap tetapi punca virus itu kita belum tahu lagi. Yang Berhormat kata ini virus Nipah tetapi bagi saya, sebab apakah. Cuma beliau kata ini kerana pakar kita di Universiti Malaya sudah mengesahkan ada virus baru daripada kawasan Kampung Nipah. Kampung Baru Nipah di Negeri Sembilan. Sebab itulah kita namakan virus ini, Nipah. Tetapi kita belum tahu dari latar belakang, punca dan haiwan yang terlibat untuk jangkitan virus ini. Belum tahu, source of transmission dan sebagainya, belum tahu. Tidak diterangkan di dalam Dewan ini dan salah satu sebab Yang Berhormat tidak dapat terangkan kerana kita tidak mempunyai ordinan haiwan yang cukup ketat, sebab apabila timbul masalah virus di Tambun, maka kita masih lihat ada haiwan seperti khinzir dipindahkan, diangkutkan dari Tambun, Negeri Sembilan ke Bukit Pelandok, ke Nipah dan sebagainya.

Ini bermakna kita tidak mempunyai kaedah atau penguatkuasaan yang ketat untuk meng'control'kan pengangkutan haiwan-haiwan termasuk kuda dan sebagainya. Sebab itu saya bangkitkan hal pihak kementerian, pihak kerajaan tidak begitu prihatin mengenai masalah-masalah termasuk masalah wabak di negara ini. Dan dengan

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. *[Ketawa]*

Datuk Chua Jui Meng: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Kepong. Tadi kata yang saya datang sini tidak dapat jawab. Kalau ingat Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Tanjong, saya jawab dengan panjang lebar. Lepas itu, Dewan ini puas hati dengan jawapan saya, hanya pembangkang tidak. 'Pembengke', 'pembengke' juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Kepong sama ada beliau sedar Animal Act 1952 bukan di bawah kuasa Kementerian Kesihatan tetapi di bawah kuasa kementerian yang lain dan sejauh mana yang saya tahu, Kementerian Pertanian bercadang untuk meminda Animal Act 1952. So, okay, jangan salah menyalurkan kenyataan yang tidak membabitkan Kementerian Kesihatan yang membentangkan rang undang-undang ini pada hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembiralah Yang Berhormat Menteri dapat sedikit sebanyak memberi penjelasan. Dapat memberi penjelasan. Ini juga menunjukkan dia mengambilalih bidang kuasa Menteri Pertanian semasa mengumumkan mengambil langkah untuk mengawal wabak virus Encephalitis itu. Dan patut dia jadi merangkap dua-dua kementerian, Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pertanian. Saya.....

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, salah anggapan lagi. Bila penyakit haiwan menjangkiti manusia, maka ini adalah dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan dan kita perlu mengambil tindakan, bukan seperti DAP, hanya menyorak di Dewan sahaja, menyorak di media massa tetapi sedikit pun tidak prihatin. Umpamanya, semasa wabak JE dan Nipah berlaku di Malaysia, saya tidak nampak Yang Berhormat dari Tanjong, saya tidak nampak Yang Berhormat dari Kepong pergi ke Hospital Seremban umpamanya, di mana menjadi pusat kepada kebanyakan pesakit, untuk menunjukkan keprihatinan, kesayangan, simpati terhadap pesakit-pesakit, oleh kerana Kepong, Tanjong ini semua takut dijangkiti dengan penyakit Nipah dan JE ini. Manakala wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional, ada penyokong-penyokong Barisan Nasional telah pergi ke hospital-hospital untuk menunjukkan simpati terhadap pesakit mereka ini tetapi Kepong ini secara teori sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa seronok jugalah sekali lagi kerana mendapat penerangan tambahan daripada Yang Berhormat Menteri. Cuma saya nampak, dia asyik kepada hendak merangkap dua kementerian, dia tidak nampak pada awal-awal lagi, kita pergi ke Kampung Nipah. Saya sendiri pergi dengan Tanjong, sekurang-kurangnya tiga kali termasuk jalan untuk ke tempat-tempat ladang khinzir. Saya pergi. Jalan ke dalamnya dan juga Yang Berhormat mungkin tidak tahulah, kita pun pergi, saya sendiri dan dengan Tanjong dan kedua-dua kita masuk ke Universiti Malaya untuk melihat dengan mata sendiri kes-kes Encephalitis.

Kalau kata kita takut, saya pun tidak tahulah. Kebetulan semasa kita pergi ke Bukit Pelandok, Yang Berhormat dari Tanjong pun menjemput Yang Berhormat Menteri pergi bersama untuk bersama-sama kita mengatasi masalahnya tetapi Yang Berhormat, dia sibuk dengan pilihan raya di negeri Sabah. Dia pergi ke negeri Sabah dan tidak mahu datang ke Bukit Pelandok dan kita tahulah iaitu hatinya bukan kerana rakyat, kerana pilihan raya di Sabah sahaja. *[Disampuk]* Inilah penjelasan itu. Tetapi Timbalan Menteri Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri Pertanian bangun.

Dr. Tan Seng Glaw:dia patut berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana semasa wabak ini berlaku, dia mengambilalih dan kesalahan ditumpu kepada Kementerian Kesihatan, tidak ditumpu kepada Kementerian Pertanian yang salah juga kerana kekurangan kawalan ke atas haiwan yang sakit. Tidak cukup kawalan, tidak berkesan dan Yang Berhormat Menteri itu, dia ambil alihlah kesalahan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak beri jalankah?

Dr. Tan Seng Glaw: Boleh.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kepong ini merapu sahaja.

Sepatutnya tumpu kepada bil yang berkenaan. Ini kalau tak tahu jangan bercakap. Kita ada akta yang menghalangkan perpindahan daripada satu state ke satu state, sebab itu kita dapat kawal. Tetapi sebelum itu perpindahan itu bukan dari segi legal, tidak legalize di mana dia dengan cara mencuri sahaja. Jadi sebab itu berlakulah satu dua transport yang terlepas sebagaimana Yang Berhormat kata itu. Tetapi saya percaya Yang Berhormat, Yang Berhormat sahaja yang begitu bersungguh-sungguh dalam DAP, yang lain seorang pun tidak ada. Itu saya worried juga takut nanti esok dia buang Kit Siang pula. Jadi Yang Berhormat kalau hendak tumpukan, ini satu lagi Bagan, bagus juga Bagan, yang lain tidak nampak muka jadi sebab itu benda ini serius, yang dibentangkan bil ini serius, melibatkan manusia dan juga yang pentingnya tumpukan kepada bil ini jangan merapu sahaja.

Dr. Tan Seng Glaw: Kita tidak merapu. Tuan Yang di-Pertua, saya seronok juga kerana dengar penjelasan daripada Timbalan Menteri Pertanian kerana mengakuilah ada perpindahan haram daripada setempat ke setempat sehingga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan mengeluarkan kenyataan yang mengatakan mengapa khinzir itu dipindahkan daripada Tambun ke Negeri Sembilan. Dia bantah, dia kata mengapa ini berlaku, tetapi dia tidak membidas Menteri Pertanian. Itulah masalahnya sehingga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan tidak puas hati mengapa berlaku perpindahan haiwan sakit daripada satu tempat ke satu tempat. Ini menunjukkan pihak Kementerian Pertanian tidak prihatin, tidak peka kepada masalah wabak yang dibawa oleh haiwan sehingga ordinan haiwan tidak dapat dipinda atau dimansuh atau diganti dengan ordinan yang benar-benar berkesan untuk zaman terkini ini iaitu semasa kita hendak meloncat kepada alaf baru atau millenium baru kita mesti adakan ordinan haiwan yang lebih lengkap, lebih moden, lebih canggih untuk mencegah wabak yang dibawa oleh haiwan, sama ada haiwan jinak atau haiwan liar di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Yang Berhormat, beri peluang kepada saya sekali lagi untuk penjelasan. Soal smuggle ini ada undang-undang apa pun akan berlaku terutama ini pada peringkat awalnya. Jadi sebab itu kalau Yang Berhormat tengok rokok setiap masa ada di 'smuggle' kan daripada negara-negara luar. Tapi takkanlah kerana satu dua transport yang terlibat kita mengatakan yang undang-undang itu lemah dan kawalan itu lemah. Jadi sebab itu apa yang penting kepada saya ialah kita kalau boleh hendak mengukuhkan lagi pintu-pintu masuk itu supaya mengurangkan kegiatan kemasukan haram sama ada ternakan daripada satu negeri ke satu negeri. Sebab itu selepas itu kita sudah berjaya. Jadi kita Barisan Nasional ini memang mengakui bahawa ada lemah kita mengakui tetapi tindakan segera kita ambil. Tidak seperti DAP ulang-ulang cerita yang sama walhal

cerita itu telah pun selesai dan sehingga ini semua pihak boleh dikatakan telah pun berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian.

Dr. Tan Seng Glaw: Tuan Yang di-Pertua, malangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini walaupun dari semasa ke semasa beliau berada di dalam Dewan yang mulia ini tetapi pada beberapa bulan ini saya nampak tidak begitu prihatin kepada perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam Dewan ini. Sepanjang pengetahuan saya ordinan haiwan atau animal ordinance ini tidak pernah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini sejak berlakunya wabak. Bukan sahaja sejak berlakunya wabak, satu dua tahun ini pun tidak pernah dibangkitkan dan dikatakan sekarang sudah basi, inilah masalahnya. Kali yang pertama saya bangkitkan ordinan haiwan di dalam Dewan yang mulia ini, ini jelas menunjukkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak begitu mendalami masalah yang ditimpa oleh negara ini. Tambah pula semasa penyeludupan, bukan Kementerian Pertanian yang salah, si penyeludup yang salah. Memang salah, tetapi pihak kementerian Pertanian pun ada salah juga sehingga kita tidak tahu sebelum berlakunya wabak Encephalitis itu.

Tuan Yang di-Pertua, haiwan-haiwan seperti kuda yang diimport daripada Hendra, kelawar-kelawar, anjing-anjing dan kucing-kucing yang mati dalam beberapa bulan sebelum itu, apakah kajian dan laporan mengenai penyakit yang dibawa oleh haiwan-haiwan ini di seluruh negara Malaysia terutamanya di kawasan Tambun. Sampai sekarang tidak dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Pada suatu ketika beberapa bulan yang lepas Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah mengatakan dia akan siasat dan kemukakan satu laporan tetapi sampai sekarang tidak nampak lagi laporan, mungkin akan mengambil masa yang lebih lagi walhal wabak itu mujurlah sudah terkawal. Inilah masalah daripada Kementerian Pertanian juga, mujur bagi Yang Berhormat kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan lebih aktif. Pada mulanya dia anggap ini peluang keemasan untuk menonjolkan diri di dalam masalah untuk mencegah wabaknya dan dia mengambil alih bidang kuasa Kementerian Pertanian, patut kita gabungkan kerana kita sibuk dengan penggabungan bank-bank di negara kita, kita pun boleh gabungkan kementerian juga, dengan serentaklah kita membuatnya. Krisis penggabungan.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyeronokkan hati sekali lagi Yang Berhormat bagi Kepong dengan memberi penjelasan terhadap kenyataan beliau yang panjang lebar tadi. Peranan DAP ialah untuk menonjolkan imej mereka, bukan kerajaan. Kerajaan prihatin terhadap pesakit kita, tidak kira apa penyakit yang berlaku kita hendak ambil tindakan yang tegas untuk membantu mereka. Saya hendak beritahu Kepong, sebelum wabak ini melanda kawasan Negeri Sembilan saya sudah pergi ke Tambun, Ulu Piah untuk menyaksikan dengan mata saya sendiri apa yang berlaku di sana. Kerap kali pergi ke hospital. Seremban sudah lapan kali, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ipoh, Hospital Universiti di bawah Kementerian Pendidikan, oleh kerana kita prihatin terhadap mereka yang sudah jatuh sakit dengan penyakit JE dan selepas itu campur lagi penyakit Nipah ini. Kita hendak ambil tindakan yang tegas untuk membantu mereka.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya nampak tindakan yang baik jugalah kerana dia ada melawat ke hospital, membuat kenyataan yang banyak dan untuk membeli vaksin pula kalau tidak silap saya sampai RM20 juta vaksin JE dibeli untuk apa yang disebutkan Encephalitis atau Nipah. Saya pun kurang faham tindakan dan langkah yang diambil untuk membeli vaksin dan membelanjakan lebih kurang RM20 juta untuk penyakit yang lain. Kalau langkah itu yang diambil jadi sia-sia sahajalah, bukan sahaja sia-sia pemborosannya amat sangat, inilah masalah.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya lagi membetulkan kenyataan Yang Berhormat bagi Kepong. Kita sudah kerap kali memberikan kenyataan, bukan kita sahaja tetapi Centers for Disease Control, Amerika Syarikat yang datang membantu kita mengatakan juga selain daripada penyakit virus Nipah yang baru ini ada juga JE, ada kedua-dua virus ini yang menjangkiti orang kita. Jumlah orang yang dijangkiti oleh virus JE ini adalah 48. Oleh kerana itu Kementerian

Kesihatan pada awalnya telah mengambil keputusan untuk membeli vaksin untuk membantu mereka. Vaksin ini daripada Jepun yang telah didaftarkan dengan Drug Control Authority Kementerian Kesihatan. Kalau kita tidak ambil tindakan tersebut maka Kepong dan DAP akan naik di Dewan ini untuk mengkritik dan mengutuk kita dan katakan kita tidak prihatin terhadap penyakit pesakit kita dan tidak mahu berbelanja untuk menyelamatkan nyawa mereka dengan membeli vaksin. Lepas itu dia minta ada vaksin untuk Nipah atau tidak. Kalau ada vaksin dan kalau kita tidak beli vaksin untuk Nipah maka mereka akan terus mengkritik kita. Untuk mereka hitam adalah putih, putih pun boleh jadi hitam. Itulah cara Yang Berhormat bagi Kepong dan daripada pembangkang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya pun rasa gembira sekali lagi kerana dapat penjelasan kali yang ketiga daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan seolah-olah sekarang kita sudah ada vaksin Nipah. Apakah vaksin Nipah sekarang? Saya tidak nampak siapa yang membuat vaksin Nipah.

Datuk Chua Jui Meng: Saya kata

Dr. Tan Seng Giaw:yang membuat vaksin Nipah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Datuk Chua Jui Meng: ...kalau ada vaksin Nipah dan kita tidak membelinya Kepong akan terus mengkritik kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita mesti ada pencegahan untuk wabak. Selepas berlakunya wabak baru kita hendak buat rawatan walaupun perlu tetapi terlewat. Itupun walaupun Yang Berhormat kata 48 daripada 105 yang mati itu ada juga virus Japanese Encephalitis, ini daripada CDC Atlanta kononnya, bolehkah Yang Berhormat dengan di dalam satu dua hari lagi bagi kita butiran yang lengkap mengenai daripada awal lagi bila virus ini dikenal pasti, bilangan virus yang terlibat dan punca virus ini. Kerana kita Malaysia bukan daripada hutan besar-besaran daripada Afrika. Di Afrika memang kita boleh dapati ada virus-virus yang tidak pernah dikenali oleh manusia kerana dibawa oleh monyet, gorila, bonorbause dan sebagainya.

Seorang Ahli: Bonorbause?

Dr. Tan Seng Giaw: Bonorbause, satu jenis monyet yang hampir sama dengan chimpanzee dan gorila, hampir serupa dengan bonorbause. Tetapi memang sifatnya dalam sosialnya ada berbeza dengan chimpanzee. Kalau Yang Berhormat Menteri Kesihatan hendak mirip kepada bonorbause bolehlah, saya tidak bantah. Tetapi cuma hari ini kita bangkitkan masalah bonorbause pula dan Timbalan Menteri Pertanian kata ini bosan tahu tidak. Tidak dengar bonorbause itu seperti animal ordinance berapa kali dia sudah kata tetapi saya tidak pernah sebutkan bonorbause, cuma kali yang pertama sehingga Menteri Kesihatan nampak terkeliru sedikit tadi. Dia pun tidak tahu apa itu bonorbause.

Walau bagaimanapun di dalam Malaysia ini kita tidak ada hutan seumpama itu dan dari manakah punca virus kita ini tidak jawab. Saya hendak tahu daripada mana virus ini dan mengapa tindakan dan langkah tidak diambil oleh pihak Menteri Pertanian. Itu memang suatu perkara yang penting sekali sebelum berlaku wabak.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi, ada kata mengambil tindakan vaksin RM20 juta dibelanjakan untuk Japanese Encephalitis. Kalau ada vaksin Nipah pun hendak beli juga. Saya tidak tahulah dari mana vaksin Nipah yang diwujudkan di negara ini. Walau bagaimanapun soal pokok walaupun ada tindakan selepas itu tetapi selepas tindakan yang diambil oleh kedua-dua kementeriannya tetapi wabak ini boleh merebak dari Tambun ke Negeri Sembilan, ke Johor dan ke Selangor. Tetapi hairan juga saya mengapa wabak ini boleh berlaku seumpama ini dan kalau tidak silap saya mungkin di Kelantan pun ada juga.

Seorang Ahli: Pulau Pinang.

Seorang Ahli:seorang sahaja.....

Dr. Tan Seng Giaw: Seorang kena, ya. [*Ketawa*].

Jadi, daripada mana euro itu datangnya, daripada mana?

Dato' Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua....

Dr. Tan Seng Giaw: Ini Tuan Yang di-Petua, sejak tahun 1998 lagi kita tahu ada wabak.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Menteri bangun.

Datuk Chua Jui Meng: Saya hendak tambah kegembiraan Yang Berhormat daripada Kepong lagi.

Tuan Yang di-Petua, kalau kita pandang kepada penyakit HIV AIDS, HIV AIDS yang mula melanda manusia sejagat pada penghujung tahun 70 an sampai kini sudah 20 tahun dan sudah menjangkiti lebih daripada 40 juta manusia sejagat. 14 juta telah meninggal dunia akibat daripada serangan AIDS.

Tuan Yang di-Petua, sampai hari ini saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong sama ada para saintis daripada Amerika Syarikat dengan teknologi perubatan yang begitu canggih dapat memberitahu kita dengan pasti apalah asalnya virus HIV ini?

Tambahan lagi, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong yang selalu mengkritikkan kerajaan kita, kebolehan akal kita dalam bidang sains dan perubatan sama ada dia sedar di Amerika Syarikat, di New York satu penyakit Viral Encephalitis seperti yang dijangkiti oleh orang kita, virus yang menjangkiti orang Malaysia adalah JE dan tambahan lagi Nipah. Di Amerika Syarikat sudah beberapa orang terkorban hampir lapan puluh lebih orang yang kita tahu telah dijangkiti dan dimasukkan ke dalam hospital-hospital di New York, kota raya terunggul, terbesar di dunia, terancang sekali teknologi mereka.

Pada masa permulaan wabak ini, beberapa bulan sebelum ini, di Amerika Syarikat doktor, pakar, saintis mereka kata ini adalah diakibatkan oleh virus St. Louis Encephalitis. Tetapi baru-baru ini kita dikejutkan dengan kenyataan daripada Timbalan Setiausaha Negara yang menjaga bidang kesihatan, yang kata ini bukan St. Louis Encephalitis. Ini adalah West Nile Virus daripada Egypt. Manakala kita sudah pastikan di negara kita ada JE, Nipah, walaupun kita hanya satu negara yang sedang membangun sahaja tidak boleh dibanding dengan kuasa besar dunia, Amerika Syarikat tetapi Amerika Syarikat hari ini katakan West Nile Virus bukan St. Louis Virus yang membawa kepada penyakit Viral Encephalitis juga.

Janganlah sentiasa Kepong, DAP mengkritikkan kerajaan kita. Semua sains perubatan ada hadnya. There's a limitation to what know about medical science, about viruses dan kita masih memerlukan masa untuk mengkaji mana virus ini datang dan saya harap pakar kita di dalam negeri dengan kerjasama World Health Organisation dengan CDC, pakar dari Australia, Animal Health Lab Melbourne, sekarang yang menjalani kajian terhadap ini tidak lama lagi boleh memberikan satu laporan kepada kita. I cannot guarantee berapa lama lagi, ini terpulang kepada pakar untuk membentangkan satu laporan muktamad mengenai penyakit ini. Tetapi saya hendak mengingatkan Kepong ada banyak penyakit di dalam dunia sekarang yang dijangkiti oleh virus-virus yang baru, yang muncul semula pun ada. Sampai kini kita tidak tahu asal dari mana. Tetapi kita haraplah Malaysia, dengan kerjasama pakar-pakar luar negeri dapat membentangkan satu laporan kepada negara.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Petua, satu perkara yang saya setuju iaitu mengenai jangkitan sama ada virus atau bakteria ataupun kuman yang lain. Memang ini merupakan satu masalah bukan sahaja untuk satu negara bahkan untuk seluruh dunia, masalah antarabangsa. Begitu juga kepakaran untuk penyakit ini kita

mesti bekerjasama di antara satu negara dengan satu negara yang lain dan kita sentiasa menyelaraskan dan berkomunikasi untuk maklumat mengenai jangkitan kuman ini. Itu saya setuju. Tetapi kalau banding dengan Amerika Syarikat kita memang ada pakar dan cuma kalau kita banding dengan New York misalnya State of New York, Malaysia kecil kalau dibandingkan dengan State of New York bukan seluruh Amerika Syarikat kerana ia banyak virus encephalitis, banyak jenis seperti River Valley, Mississippi, St. Louis dan banyak jenis penyakit yang lebih banyak daripada kita kerana kawasannya besar dan kita di Malaysia ini kalau banding dengan State of New York itu kita kecil sahaja dan bilangan penduduk pun tidak sampai bilangan yang terdapat di New York. Kalau New York City sahaja pun lebih 10 juta. Jadi, kita ingat ini, kita tidak boleh banding macam itu, tidak boleh sebab kita negara kecil dan kita mempunyai pakar. Bukan tidak ada, kita ada cuma masalah kita macam mana kita boleh menggunakan kepakaran yang ada di Malaysia ini dengan lebih berkesan, itu masalahnya.

Tuan Yang di-Petua, kalau tidak silap saya akan menumpu perhatian kepada masalah jualan ubat. Tetapi pada suatu ketika Yang Berhormat sendiri kata, "wabak di Sabah itu coxsackie. Coxsackie itu apa. Saya ada baca laporan baru-baru ini satu penyelidikan yang dikeluarkan daripada Sarawak, UNIMAS yang kata itu Enterovirus 71. Itu bukan coxsackie. Tetapi sampai sekarang tidak datang ke sini untuk memperbetulkan di dalam Dewan yang mulia ini, itu masalah kita.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Petua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang sekarang mengakui kita ada kepakaran di dalam negara kita. Walaupun negara kita kecil kita ada kemampuan yang tinggi, okay.

Mengenai Sarawak ini yang sentiasa ditimbulkan oleh DAP, kita sudah cakap di dalam Dewan ini mungkin Yang Berhormat Kepong sudah lupa, ini Enterovirus 71, ya. Kita sudah cakap Enterovirus 71. Saya ucapkan terima kasihlah kepada UNIMAS yang sekarang mengesahkan itu virus Enterovirus 71.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dr. Tan Seng Glaw: Sekarang diakuilah tetapi kenyataan itu mengenai coxsackie, Tuan Yang di-Petua. Itu masalah kita, coxsackie dia kata. Kalau tidak silap di dalam Dewan yang mulia ini, kita dengar coxsackie sahajalah, seolah-olah tidak ada penyakit yang lain. Walau bagaimanapun yang penting sekali kita mesti gunakan pakar-pakar yang kita ada di Malaysia ini dengan lebih berkesan. Itu memang Yang Berhormat mesti mengambil tindakan untuk memastikan semua pakar di negara ini dapat digunakan dengan baik, ini memang penting.

Tuan Yang di-Petua, saya hendak alih kepada masalah di dalam tangan kita sekarang ini. Bukan sahaja masalah Ordinan Haiwan, bahkan jualan dadah dan bukan sahaja jualan dadah, alat-alat kelengkapan perubatan sekarang pun tidak dikawal dengan baik sama ada laser ataupun alat-alat canggih yang lain tidak dikawal. Dan undang-undang yang terdapat sekarang pun tidak cukup untuk mengawal semua ini. Adakah pihak Kementerian menggunakan undang-undang yang ada sekarang untuk mengawal semua kelengkapan yang digunakan di dalam hospital dan di klinik-klinik di seluruh negara? Bagi saya kawalan itu tidak berkesan. Bukan sahaja tidak berkesan saya pun hairan juga di dalam Kementerian Kesihatan sama ada pasukan yang lengkap untuk mengawal alat-alat perubatan yang digunakan di dalam Malaysia ini. Kalau tidak ada kawalan yang lebih ketat kita akan nampak banyak kerosakan, kecederaan yang didapati ke atas pesakit-pesakit di dalam negara ini. Bukan sahaja begitu, kita pun tidak ada daftar doktor pakar pun tidak ada di dalam negara ini. Itu masalah yang belum lagi dialami oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Petua, sehingga saya, walaupun MRCP saya didaftar tetapi kedokteran saya, Doctorate of Medicine yang saya ambil pada tahun 1976 sampai sekarang tidak didaftar, saya tahu sebab saya sendiri tahu. Ini menunjukkan pihak Kementerian Kesihatan mengenai daftar doktor pakar tidak mengambil langkah yang berkesan untuk menentukan semua doktor pakar adalah benar-benar pakar dan tidak

dapat memastikan semua alat kelengkapan yang digunakan di dalam bidang perubatan adalah digunakan dengan baik, berkualiti, keberkesanan itu dan kawalan ke atas kerosakan ataupun side effects, akibat sampingannya tidak dapat diadakan di dalam kementerianannya. Saya rasa akan berulang lagi masalah pendaftaran doktor kepakaran dan kawalan ke atas alat kelengkapan. Cuma hari ini kita tumpu kepada jualan dadah.

Yang pertamanya, mengenai medicinal purpose. Kita memang tidak boleh elakkan kerana dunia moden ini kita mesti ada definisi yang lebih baik dan walaupun ia ada sampai (a) hingga (g) itu tidak lengkap lagi juga itu. Ini mungkin kita mesti kira sama ada akan masukkan alat kelengkapan juga walaupun mungkin akan mempertimbangkan sama ada lebih baik kita masukkan alat kelengkapan di sini atau dengan satu undang-undang yang baru untuk

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu cadangan baik yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat dari Kepong. Memang kita telah mewujudkan satu unit untuk mengkaji medical devices atau alat-alat yang digunakan, peralatan yang digunakan di dalam bidangan perubatan. Pada masa kini, kita telah berusaha merancang satu Medical Devices Act atau Rang Undang-undang Medical Devices. Saya menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kedua iaitu Specialist Register, itu telah lama dibincangkan tetapi belum menerima keputusan sepakat daripada pengamal-pengamal perubatan di negara kita dan kita tunggulah pengamal-pengamal perubatan untuk membuat satu cadangan yang bernas mengenai cadangan ini. Ini bukan satu perkara yang baru seperti yang Yang Berhormat tahu dan saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Kepong. Walaupun saya tahu Yang Berhormat adalah seorang pakar kulit tetapi saya tidak tahu ada kedokteran. Tahniah, baru kita tahu setelah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini. Tahniah lagi kepada Yang Berhormat dan keputusan belum dibuat lagi mengenai Specialist Register.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini bukan masalah persendirian dan.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin bangun hendak minta jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini Ph.D untuk kejuruteraan, di satu Universiti McGill yang kurang terkenal.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak ucapkan tahniah, hendak puji pun tidak beri. Yang Berhormat dari Kepong saya ucapkan syabas dan saya pun rasa bangga kerana dapat Kedokteran dalam bidang perubatan. Tetapi sekarang ini Yang Berhormat juga ahli politik, adakah berhajat untuk mendapatkan Kedokteran dalam bidang politik pula. Tumpuan Yang Berhormat kepada Kedokteran itu kami hormati tetapi bila menyimpang kepada politik itu yang kadang-kadang merosakkan imej Yang Berhormat. Minta penjelasan sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat dia hendakkan penjelasan mengenai jualan ubat, jualan dadah tetapi nampaknya dia lebih asyik kepada Ijazah pula, sebabnya Ijazah saya pun tidaklah besar sangat, kecil sahaja kerana ilmu pengetahuan ini sangat luas. Kita tidak dapat mendalami semua, yang kita tahu pun sedikit sahaja, banyak bidang yang kita jahil lagi. Saya setuju ada kejahilan juga kita ini, ada cacat cela juga kerana kita bukan insan yang kamil. Saya berharaplah Yang Berhormat bagi Rompin.....

Dr. L. Krishnan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada doktor yang bangun pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Doktor, saya layanlah doktor.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat sebab sungguhpun ini hal persendirian, tetapi hal ini telah dikemukakan kepada Dewan ini, mula-mula saya ingin ucapkan tahniah kerana mendapat tahu bahawa Yang Berhormat mempunyai MRCP. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, dalam bidang apakah Yang Berhormat dapat MRCP, dalam bidang sakit kulitkah ataupun lain?.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu tidak pentinglah, itu masalah peribadi. Itu bukan Ijazah yang begitu besar. Daripada Universiti Leeds, kalau dibandingkan dengan Universiti McGill, tidak serupalah Leeds dengan McGill. McGill daripada Kanada tetapi di kawasan Perancis. Kita hairan juga sebab kadang kala nampak Rompin tetapi bukan Rompin pun boleh jadi juga kerana belajar di Universiti McGill itu di kawasan Perancis, di dalam kawasan Lautan Inggeris, di province Perancis, Quebec Que.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Rompin dapat meningkatkan ilmu pengetahuan seperti mana yang terdapat dalam kitab suci.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak melanjutkan ucapan saya mengenai dadah, medicine. Sebenarnya saya berucap ini berdasar dan berkisarkan kepada prinsip bahawa ubat ataupun dadah mestilah digunakan hanya jika diperlukan dan semua kesnya mestilah membawa kebaikan dan kesan kebaikan ini mestilah dikira, ditimbangkan untuk diseimbangkan dengan risiko yang kita alami bila kita makan atau menerima ubat ini ataupun dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rang undang-undang ini, saya berharap masalah-masalah yang timbul mengenai ubat yang digunakan oleh para penternak, kita mesti mengambil langkah yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Menteri telah mengatakan langkah diambil untuk mengawal penggunaan '*Beta-agonis*' yang digunakan untuk Asma iaitu lelah benigit dan banyak jenis digunakan seperti '*Salbutermal, Tebeuthalin, Limeral dan Phinoterol*'. Biasanya bila ubat ini digunakan untuk manusia dengan cepat sekali, ia pun digunakan untuk haiwan kerana ini satu daya kreatif manusia, inovatif. Bila digunakan untuk manusia ia nampak berkesan dengan lebih cepat kerana kuantiti atau amaun jualan itu memang lebih banyak untuk haiwan daripada untuk manusia dan boleh meraih keuntungan yang lebih banyak kerana diberi kepada haiwan.

Untuk '*Beta-agonis*', ubat seperti yang telah saya sebutkan namanya tadi, digunakan untuk haiwan terutamanya untuk ternakan khinzir kerana bila haiwan ini makan '*Beta-agonis*', lemaknya kurang dan warna dagingnya lebih merah. Sehingga sekarang, saya percaya pihak kementerian tidak dapat mengawal penggunaan '*Beta-agonis*'. Meskipun, Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana hendak menjaga jawatannya, dia kata semua itu beres sekarang. Semua itu selesai, tuntas belaka. Saya hairanlah, macam mana tuntas sekarang.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, salah lagi. Saya tidak pernah berkata semua beres, saya baru keluarkan kenyataan di mana saya beri amaran kepada mereka yang mengamalkan tabiat menggunakan '*Beta-agonis*' atau '*Nitrofuron*' untuk makanan haiwan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Kita bangkang ini dan kita baru-baru ini telah menangkap enam orang dan kes mereka dikaji oleh pendakwaraya sama ada dihadapkan ke mahkamah atau tidak. Ini mengenai '*Beta-agonis*'.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya seronok kerana ada langkah yang diambil sekarang, entahlah berapa tahun sudah '*Beta-agonis*' digunakan dengan meluas. Ini untuk Khinzir, saya percaya ubat-ubat seumpama ini mungkin digunakan untuk lembu, kambing dan untuk binatang yang lain.

Bagi saya, apa pun tindakan yang diambil oleh pihak kementerian ada kelemahan. Misalnya darah, pihak makmal kementerian mengambil sampel-sampel daripada haiwan dan sebab satu sampel darah yang diambil untuk kajian itu mungkin RM25 ataupun RM30 untuk satu ujian. Mungkin kerana kekurangan wang ataupun kekurangan juruteknik ataupun kekurangan alat kelengkapan, maka saya tidak nampak

macam mana pihak kementerian menggunakan prosedur yang berkesan untuk mengambil sampel-sampel bagi memastikan pihak penternak menggunakan '*Beta-agonis*'.

Jadi di sini, kita mesti lihat bagaimana di Singapura apabila binatang dieksport ke Singapura, pihak Singapura memang menggunakan cara yang lebih berkesan sebab penternak Malaysia ini bila mengeksport haiwan kepada Singapura ia lebih berhati-hati, lebih berwaspada kerana di Singapura ia gunakan mungkin keberkesannya lebih sama ada untuk haiwan atau untuk sayur-sayuran. Ia lebih berkesan tetapi di Malaysia kita kurang bukan sahaja untuk makanan, daging dan sebagainya bahkan juga untuk sayur-sayuran. Kawalan ke atas penggunaan racun dan penggunaan ubat tidak begitu berkesan. Saya terangkan hal ini dan mungkin 5-10 tahun akan datang Ahli-ahli Yang Berhormat akan terangkan, akan bawa, akan bangkitkan masalah yang serupa kerana kekurangan kesan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan..

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong sentiasa begitu asyik terhadap kebolehan Singapura dan mengecilkan negara kita. Sebaliknya kita sudah bekerjasama dengan pihak Singapura dalam aspek kawalan keselamatan makanan. Malaysia juga ada tindakan kita, kita sentiasa memperbaiki teknologi yang kita ada agar kita dapat memastikan sama ada makanan kita bebas atau tidak daripada ubat-ubatan haiwan yang telah diharamkan tetapi saya bersetuju daripada segi teknologi-teknologi pada masa sekarang kita ada sedikit masalah. Sebelum ini ada masalah mengenai kebolehan kita untuk memastikan sama ada daging mengandungi *Beta-agonis*, oleh kerana amau *Beta-agonis* dalam daging adalah dalam paras yang rendah dan teknologi kita tidak dapat mengesan kehadiran ubat-ubatan yang diharamkan di dalam daging itu tetapi usaha telah diambil, kita perihatin dan kita sudah minta Jabatan Kimia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengkaji semula dan memperbaiki teknologi dan pada masa ini saya hendak memberitahu Yang Berhormat bagi Kepong kita sudah ada kebolehan untuk mengesan kehadiran *Beta-agonis* dalam daging-daging kita, *Nitrofurantone* kita tidak ada masalah, hanya ubat kita tidak ada masalah tetapi *Beta-agonis* kita telah mengatasinya. Mengenai sayur-sayuran, tindakan telah diambil di antara Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan untuk memastikan sayur-sayuran kita bebas daripada racun yang tidak dibenarkan digunakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita memang perihatin kepada ubat-ubat seperti *Beta-agonis* yang dijual kepada penternak-penternak kerana kesan ke atas manusia itu banyak dan termasuk menjejaskan itu urat saraf kita, menjejaskan jantung kita dan juga menjejaskan muscle kita dan sebagainya. Ini memang merosakkan badan dan tidak boleh digunakan untuk ternakan tetapi maklumiah walaupun kita terima dengan baik kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi mengenai kecanggihan sekarang ini. Saya bukan hendak bandingkan semata-mata dengan Singapura, cuma saya kata mungkin kaedah yang digunakan oleh Singapura kerana itu kawasan kecil mungkin ia lebih berkesan, kita lebih besar berbanding dengan Singapura mungkin kerana itu keberkesannya tidak nampak sangat. Tetapi ini kita perlu mempertingkatkan cara-cara prosedur dan kaedah kita untuk mencegah daripada penyalahgunaan dadah untuk ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang timbul mengenai penggunaan ubat antibiotik walaupun disebutkan '*Nitrofurantone*' ada cara yang baik untuk mengesan, tetapi Tuan Yang di-Pertua, masalahnya begini, kerana itu lebih keuntungan diraih oleh pihak pembuat ubat untuk dijual kepada penternak-penternak kerana kuantitinya memang besar. Dengan besar kuantiti dia dapat keuntungan yang lebih banyak tetapi pihak penternak kerana itu faktor-faktor yang tertentu tidak mengikut prosedur yang tertentu kerana ada prosedur untuk memberi makanan iaitu dicampur dalam makanan ataupun suntikan, untuk haiwan memang dosagenya, yang tertentu dan selepas bagi antibiotik ini termasuk '*Nitrofurantone*', dalam tempoh beberapa hari tidak boleh dijual, kalau dijual memang salah tetapi masalah Kementerianannya termasuk di Kementerian Pertanian, tidak dapat mengesan kerana penternak banyak termasuk lembu, kambing, itik, ayam dan sebagainya dan kawalan

itu kurang. Tidak dapat kawal samada antibiotik ini dia sebutkan 'Nitrofurantone' itu salah satu antibiotik yang paling laris dijual kerana bila makan antibiotik ini haiwan itu lebih sihat, tetapi dalam tempoh yang tertentu tidak boleh dijual, bila dijual akan menjejaskan kesihatan manusia dan di sinilah letaknya kelemahan Kementerian untuk mengawal selia penggunaan antibiotik. Mengapa kita perlu mengawal dengan ketat, ini kerana antibiotik kita ini untuk manusia pun begitu, untuk haiwan pun begitu. Bila kita gunakan antibiotik kita mesti gunakan yang tepat, yang sesuai, tidak boleh kita menyalahgunakan.

Datuk Chua Jul Meng: Yang Berhormat, kita salah tujuan Yang Berhormat yang pertama 'good animal husbandry' (pengawalan haiwan yang baik) bukan diuruskan oleh Kementerian Kesihatan tetapi di bawah kuasa Kementerian Pertanian dan saya anggap yang dilafazkan tadi terkeluar daripada Rang Undang-Undang Jualan Dadah di bawah Kementerian Kesihatan. Apa yang kita cadangkan ialah selepas kita berbincang dengan Kementerian Pertanian kita anggap sekarang di Kementerian Kesihatan kita ada satu Drug Control Authority yang sudah berkesan sejak 1984 telah dapat melaksanakan pendaftaran ubat-ubatan untuk manusia oleh kerana pharmacology-pharmacology ubat-ubatan haiwan adalah bersamaan dengan manusia. Maka kedua-dua kementerian menganggap lebih sesuai jika Kementerian Kesihatan mendaftarkan ubat-ubat haiwan tetapi penggunaannya di bawah pakar veterinar dan mereka di bawah jagaan Kementerian Pertanian. Saya haraplah Kepong jangan terkeluar daripada tajuk pada hari ini dan kita beri fokus kepada apa yang relevan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua fokus saya memang kepada Rang Undang-Undang Jualan Dadah tetapi kenyataan Yang Berhormat tadi bukan 100% betul kerana dengan adanya Rang Undang-Undang ini bermakna ubat yang diimport, yang dijual itu adalah dikawal oleh pihak Kementerian walaupun kesan penggunaan dikawal oleh Kementerian Pertanian. Jadi, pada peringkat awalnya ini adalah tanggungjawab dan bidang kuasa Kementerian Kesihatan dan kenyataan Yang Berhormat tadi tidak betullah, kalau boleh dikatakan tidak sampai 50% betul, 60% itu salah kerana jualan dan pendaftaran ubat yang dijual kepada haiwan itu dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Datuk Chua Jul Meng: Saya ingat Yang Berhormat bagi Kepong masih lagi tidak faham. Kegunaannya dikawal oleh Kementerian Pertanian, pendaftaran hanya dibuat oleh Drug Control Authority di bawah Kementerian Kesihatan. Selepas kita mendaftarkan ubat haiwan itu terpulang kepada Kementerian Pertanian yang ada kepakaran dalam bidang veterinar untuk menggunakan ubat itu secara rasional dan mengikut 'good animal husbandry' tetapi kita sentiasa bekerjasama. Antara agensi-agensinya kerajaan kita bekerjasama, kita memberikan maklumat yang kita tahu daripada drug control authority kepada pihak veterinar dan sebenarnya kita akan melantik Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan sebagai seorang ahli Lembaga Drug Control Authority agar kita dapat bekerjasama dengan rapat, dan dengan harapan pada satu hari nanti bila kita sudah daftar ubat kita untuk haiwan adalah selamat untuk digunakan untuk haiwan dan tidak akan menjejaskan kesihatan manusia oleh kerana kita memakan dagingnya. Kita harap dengan kerjasama ini juga Jabatan Perkhidmatan Haiwan lebih berkesan untuk melaksanakan 'good animal husbandry,' semua itu untuk memanfaatkan rakyat kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kita alu-alukan kerjasama dan penyelarasan di antara kedua-dua kementerian. Memang itu perlu dibuat tetapi pendaftaran dan jualan ubat itu dan kesan kepada manusia adalah tanggungjawab dan bidang kuasa Kementerian Kesihatan dan Yang Berhormat sekarang setujulah dengan kenyataan saya. Cuma kawalan penggunaan ke atas haiwan peringkat itu sahaja tetapi daripada pendaftaran, daripada jualan, penggunaan dikawal oleh Jabatan Veterinar yang kurang cekap juga dan kemudian penggunaan jualan daging kepada manusia adalah tanggungjawab Yang Berhormat dan apa yang saya sebutkan di sini tidak salahlah, cuma sebahagian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan hal antibiotik ini kerana memang ada kesan buruk yang meluas. Bila kita gunakan dosage yang tidak tepat ini akan menimbulkan kuman-kuman yang resistant bermakna kuman ini bila kita gunakan antibiotik yang sama akan datang tidak berkesan lagi. Bukan sahaja untuk seseorang itu, bukan sahaja untuk seekor haiwan itu sahaja bahkan juga kuman ini kadang kala lebih cerdik daripada manusia, dia boleh menyebarkan maklumat ini kepada kuman yang lain, dia boleh menyebar, genetic, dia lebih pandai daripada manusia, kerana di dalam penggunaan antibiotik apa yang kuat untuk kebaikan ada juga kuat untuk keburukan.

Bila ternakan timbulkan kuman yang resistant sebab itu kita senantiasa menasihati bahawa apabila kita gunakan antibiotik sama ada untuk manusia ataupun untuk penternakan kita mesti gunakan dengan dosage yang betul, tempoh penggunaan yang betul dan juga, Jabatan Veterinar mesti memastikan bahawa tempoh jualan itu ditetapkan dan dilihat, jangan kita tengok bila dia ambil antibiotik dan sebelum tempoh itu tamat dia jualan haiwan itu kerana dia takut haiwan itu sakit pula. Ini hal keuntungan, masalah keuntungan hendak dapat meraih keuntungan yang banyak. Sebab itulah kita perlu adakan undang-undang yang lebih ketat untuk mengawal penyalahgunaan dadah seperti ini dan ada bahan-bahan yang lain pula yang kalau kita nak sebutkan pun mengambil masa yang panjang kerana banyak lagi di dalam buku ini mengandungi bahan-bahan yang digunakan untuk dijual kepada penternak-penternak.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi itu pihak kementerian hendak mengadakan kaedah tiga peringkat untuk pendaftaran. Pertama, surat dan maklumat, yang kedua, penganalisaan, yang ketiga kajian yang sepenuhnya dengan dokumentasi yang lengkap tiga peringkat, dan dikatakan ini akan mengambil masa enam sehingga dua belas bulan. Di sini saya hendak bangkitkan masalah kelulusan untuk permohonan. Saya setuju bahawa kementerian mesti mengambil sikap yang tegas sebelum kita luluskan permohonan untuk sesuatu jenis ubat. Memang satu perkara yang penting kerana kita mesti jaga kepentingan rakyat jelata. Tetapi, pada saya, pasukan dan kakitangan untuk meluluskan semua permohonan ini, mungkin kaliber itu ada setengah-setengahnya tidak begitu tinggi. Kualiti itu ada yang baik tetapi ada yang kurang. Bila kita ada kriteria yang tertentu memang kita mesti ikut kriteria itu. Ada sungutan-rungutan bahawa ubat yang diluluskan kadangkala kualiti tak baik pun diluluskan, dan ada kualiti yang baik pun mengambil masa yang begitu panjang, sebab saya ada pengalaman sendiri kadangkala ubat yang kita gunakan untuk bertahun-tahun, kemudian pihak kementerian mengambil tindakan, ini mungkin pendaftaran ada salah dan ditarik balik dan kita tidak ada ubat untuk berminggu-minggu, berbulan-bulan dan bertahun-tahun kadangkala kerana ada proses untuk permohonan itu. Ada rumit sedikit, kerumitan itu memang timbul dari semasa ke semasa. Sebab itulah saya semasa berbahas di dalam undang-undang ini saya berharap pihak Yang Berhormat dapat mengambil perhatian proses kelulusan untuk permohonan didaftarkan ubat.

Datuk Chua Jui Meng: Saya hanya nak beritahu Yang Berhormat, jauh daripada yang apa diperkatakan tadi oleh Yang Berhormat, iaitu pihak Berkuasa Kawalan Dadah Malaysia adalah diiktirafkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebagai satu pusat unggul yang sudah jadi teladan kepada banyak negara sedang membangun dan pada masa kini ada ramai daripada kalangan mereka datang ke negara kita untuk belajar daripada kita cara kita mendaftarkan ubat-ubatan secara baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya seronok jugalah kalau pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dapat mengiktiraf, tapi contoh banyak kita boleh bagi, makmal untuk menyelidik dan mengkaji coxsackie dan enterovirus pun diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Makmal untuk mengkaji dan menyelidik virus encephalitis pun sudah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, tapi masalah masih timbul. Pengiktirafan WHO pun bukan semestinya ada keberkesanan. Pengiktirafan itu pun tidak menentukan pihak Kementerian Kesihatan dapat menjalankan tugas dengan lebih baik, lebih berkesan, lebih beramanah, tidak semestinya.

Datuk Chua Jui Meng: Saya hanya nak mengingatkan Yang Berhormat bagi Kepong iaitu pusat yang kita ada, sekarang kita bincang mengenai Sales of Drug Act, kita berbincang mengenai sektor farmasi, bukan perubatan manusia. Tetapi saya hendak mengingatkan Yang Berhormat dari Kepong iaitu satu pusat yang telah diiktirafkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu makmal di Universiti Malaya telah berjaya untuk mengesan virus yang baru ini yang pertama kali dikenali di seluruh dunia dalam sejarah manusia iaitu virus Nipah. Jangan lupa, manakala di Amerika Syarikat yang mempunyai banyak pakar, banyak wang, banyak peruntukan, banyak teknologi yang canggih, St. Louis encephalitis, sekarang dia bukan cakap St Louis, sekarang dia cakap 'west Nile virus' selepas beberapa orang sudah mati, Iktirafkanlah kebolehan Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang iktiraf kebolehan orang-orang Malaysia, di banyak bidang orang-orang Malaysia boleh menonjolkan bakat dan potensinya. Memang ada, di sini pun ada, di situ pun ada, di jabatan-jabatan kerajaan, kakitangan, semua orang pun ada bakat juga, ini tidak boleh dinafikan, cuma saya sebutkan tadi kita mesti menggalakkan orang menggunakan bakat itu, orang yang berpotensi ini dengan baik sahaja. Itu masalah yang pertama.

Yang kedua, yang penting sekali pusat kelulusan pendaftaran ini, walaupun diiktiraf oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia ini tak semestinya akan meluluskan pendaftaran itu dengan lebih teratur, lebih baik, lebih berkesan kerana saya sendiri dalam beberapa tahun ini mengalami kesusahan untuk mendapat ubat. Mungkin ada kesalahan pihak syarikat, mungkin ada kesalahan pihak kementerian, saya tidak tahu dari mana letaknya masalah. Sebab itulah saya menyeru supaya pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji proses dan kaedah kelulusan pendaftaran ubat.

Datuk Chua Jui Meng: Yang Berhormat, tidak ada kaitan sama sekali, kalau tidak dapat bekalan daripada swasta yang menjual ubat kepada Yang Berhormat bagi Kepong, mungkin ada sebab-sebabnya, mungkin Yang Berhormat tidak bayar bil.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan Yang Berhormat ini peguam sahaja, dia, lebih biasa menjadi peguam, itu pun saya tak nampak dia pergi ke mahkamah langsung. Peguam tak pergi ke mahkamah, berapa kali pergi ke mahkamah? Mungkin selok-belok mahkamah pun tak tahu juga. [Ketawa]. Jadi masalah penggunaan ubat itu saya tahu, bukan syarikat yang nak untung, nak jual...[Seorang ahli menyampuk] tiada ubat nak jual macam mana, ..ini masalah....Cuma saya mengambil masa yang agak panjang, kalau nak bincang pun banyak juga kerana maklumat-maklumat mengenai ubat yang akan dijual banyak juga di sini, cuma saya nak bagi peluang kepada rakan-rakan sekarang dan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya ada tekankan beberapa perkara mengenai pendaftaran tadi yang walaupun pusat pendaftaran dianggap oleh Yang Berhormat Menteri lebih baik sekarang dan diiktiraf dunia tetapi saya berpendapat keberkesanan itu masih kurang dan juga mengenai alat-alat kelengkapan perubatan itu mesti kita adakan iaitu undang-undang dan penguatkuasaan yang ketat dan cerita lama mengenai daftar doktor pakar pun mesti kita adakan dan juga makmal yang digunakan untuk mengesan semua itu, penggunaan ubat akan dijual itu di bawah bidang kuasa pihak kementerian itu mesti kita mempertingkatkan keupayaan makmal-makmal yang ada di pihak kementeriannya dan akhir sekali mengenai proses permohonannya, mesti kita memastikan semua ini boleh dijalankan dengan berkesan, lebih beramanah untuk kebaikan semuanya.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sipitang
12.43 tgh.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana membuat pindaan ke atas Akta Jualan Dadah 1952.

Memang dalam masyarakat kita di Malaysia ini dadah ataupun ubat-ubatan dalam istilah bahasa harian begitu popular dan memang wajarlah perlu ada pindaan garis panduan dari segi penggunaan dadah-dadah ini. Permintaan terhadap dadah ini begitu tinggi oleh kerana masyarakat kita lebih tertumpu kepada rawatan. Apa yang saya lihat, kita masih perlu memperkuatkan fahaman dalam masyarakat kita bahawa kawalan atau pencegahan itu adalah lebih baik daripada rawatan atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, prevention is better than cure. Inilah perkara yang masih kurang dan dari hari ke hari ianya semakin dilupakan.

Memang hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju, soal kawalan ini akan semakin kurang perhatian kerana penyakit-penyakit berjangkit khususnya akan kurang dengan sendirinya apabila negara itu maju. Tetapi kedudukan negara kita iaitu berada di kawasan tropika dan kedudukan kita yang berjiran dengan negara-negara yang membangun lain yang masih banyak penyakit berjangkit. Jadi soal kawalan penyakit berjangkit ini adalah begitu penting berbanding dengan rawatan yang juga perlu. Banyak penyakit dapat dikawal dengan mudah. Oleh kerana penyakit-penyakit yang berjangkit ini adalah timbul sama ada berpunca daripada bakteria dan juga daripada virus, dan jikalau tidak dikawal dalam keadaan kita menuju ke alaf baru ini, kesan daripada penyakit berjangkit ini kepada negara adalah begitu membahayakan.

Yang pertama sekali penyakit ini boleh merebak begitu cepat kalau tidak dikawal. Yang kedua ia boleh memberi ketakutan dan juga satu keadaan kelam-kabut di kalangan masyarakat kita sendiri dan juga tanggapan dunia luar. Dan dengan sendirinya ia akan menjejaskan ekonomi negara iaitu segi semasa keadaan kita kelam kabut, menakutkan orang luar dan industri pelancongan begitu teruk sekali terjejas.

Kalau kita lihat kesan daripada wabak JE yang lalu, yang mana sebilangan besar juga akibat daripada berita ini dibesar-besarkan oleh media antarabangsa, ekonomi kita terjejas. Tambahan pula masa itu keadaan ekonomi yang merudum, ditambah juga keadaan penyakit JE ini. Banyak laporan, kalau kita melihat, industri perhotelan di Negeri Sembilan khususnya di Port Dickson, 'occupation rate' begitu rendah sehingga mencapai cuma 10 ke 20 peratus oleh kerana akibat daripada wabak ini. Ada juga saya diberitahu ada yang tidak beroperasi dan banyak tempat pelancongan ini hendak dilelong ataupun hendak dijual.

Jadi saya melihat, walaupun kita menuju ke arah negara maju, soal kawalan penyakit berjangkit yang senang merebak berbanding dengan penyakit-penyakit yang lain misalnya kencing manis, penyakit jantung, ia tidak merebak, kerana berlaku mengikut proses dalaman individu tetapi penyakit-penyakit berjangkit seperti Malaria, Denggi, JE, kolera dan Aids, penyakit yang merebak begitu cepat. Kalau kita tidak kawal ia boleh melumpuhkan negara tersebut dan sebab itu saya mengatakan tadi bahawa kawalan ini juga perlu diberi tumpuan kepada masyarakat umum. Perkara ini perlu kita perjelaskan khususnya kepada generasi-generasi baru, anak-anak muda kita yang oleh kerana adanya sistem kita yang canggih, adanya pusat-pusat perubatan yang baik, langsung kita tidak melihat kembali kepada perkara-perkara pencegahan ini. Walaupun penyakit-penyakit moden ini ada cara-cara pencegahannya, misalnya penyakit kencing manis yang tinggi risikonya terhadap orang gemuk akibat daripada makanan yang lebih. Kita boleh cegah dengan menetapkan dengan pengurangan pengambilan makanan tertentu.

Aktiviti kawalan ini perlu dipertingkatkan dan masih ada keperluan pakar-pakar dalam negara kita yang memberi tumpuan khusus kepada kawalan ini. Mungkin saya prejudis sedikit oleh kerana saya ada kelulusan Public Health, saya mohon juga kementerian mengiktiraf rakan-rakan yang mempunyai kelulusan dalam DPH, MPH, MSCPH supaya mendapat layanan ataupun kedudukan yang baik dalam kementerian bukan sahaja mereka yang mempunyai kelulusan kepakaran dalam Internal Medicine seperti MRCP, MRCOG, FRCS dan sebagainya. Jadi mestilah seimbang kerana keperluan itu adalah sama.

Kadang-kadang kita terlupa bahawa oleh kerana sistem peralatan yang moden, kawalan ini tidak lagi glamor, tidak lagi begitu mempunyai kedudukan yang baik

kerana permintaan pakar-pakar internal medicine ini dengan izin, lebih mendapat tempat. Tetapi sebenarnya perbelanjaan kerajaan untuk merawat apa juga penyakit menggunakan sistem kepakaran dalam perubatan moden ini begitu tinggi berbanding dengan kalau kita mengawal penyakit itu daripada berlaku. Memang apabila sudah berlaku, perlu perbelanjaan itu lagi tinggi kerana kita tidak begitu awas ataupun kita mengabaikan soal-soal kawalan misalnya seperti baru-baru ini yang pembangkang timbulkan, dia cuma tahu membangkang sahaja, saudara daripada Kepong, kenapa kita membeli vaksin yang begitu mahal.

Ini memang dalam keadaan kelam-kabut, dalam keadaan wabak, kita mesti menyelesaikan masalah. Saya menyokong penuh tindakan kementerian berbuat apa sahaja untuk mengawal keadaan termasuk membelanjakan sebilangan wang yang besar untuk mengawal dan merawat penyakit tersebut. Memang kadang-kadang target tidak tepat. Tetapi apakah pilihan kita, apakah kita berdiam diri sahaja melihat tidak berbuat apa-apa untuk membiarkan penyakit itu baik dengan sendiri ataupun menunggu sehingga ubat yang tepat kita dapat.

Dalam proses perubatan kalau orang datang ke tempat kita, kita tidak memberi rawatan, orang itu akan marah kalau kita kata tunggu dahulu kita lihat. Sekurang-kurangnya paling tidak kita beri vitamin ataupun ujian-ujian tertentu untuk memberi mereka keadaan yang lebih selesa. Tetapi dalam keadaan negara kelam-kabut kita berbelanja apa sahaja termasuk membeli ubat ataupun vaksin untuk mengawal keadaan. Bila kita buat, keyakinan awam dan juga kawalan boleh dibuat. Kalau kita tidak kawal keadaannya akan lebih buruk. Ini akan dapat liputan daripada media asing, pelancong tidak datang dan itu juga menambah kerugian kerajaan yang lebih besar berbanding dengan berbelanja cuma RM20 juta misalnya untuk membeli vaksin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada soal akta yang akan dipinda ini, iaitu Sale of Drugs (Amendment) Act 1999. Saya ingin menyentuh sedikit dari segi perkara yang pertama iaitu takrif. Ini memang telah dikaji, tetapi dari segi takrif ini apakah telah diikuti takrif yang telah dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sama ada ianya sepadan, kerana takrif ini ialah takrif sejagat seluruh dunia. Kita tidak mahu takrif 'ubat' ataupun 'dadah' di negara kita berbeza dengan takrif yang digunakan di antarabangsa kerana apabila kita bercakap soal dadah, kita mestilah menggunakan istilah yang sama di seluruh dunia. Bila kita bercakap di Malaysia perkara yang sama, bila kita bercakap di Geneva dalam istilah yang sama. Apakah ini telah diambil kira. Saya tadi tidak sempat melihat definisi WHO mengenai dengan dadah. Tetapi dalam definisi ini kalau saya tidak silap tidak dimasukkan 'medicinal purpose', ia cuma ada sebarang bahan kimia yang mempunyai kesan dalaman atau luaran terhadap sesuatu objek sama ada manusia ataupun haiwan. Jadi, ini perlu dikaji.

Dari segi istilah itu kita tidak boleh ubah sebenarnya. Kita mesti ikut istilah antarabangsa. Tetapi pengkhususan ataupun sub-definition dari segi kegunaannya, itu boleh kita ubah suai mengikut keperluan kita dalam akta yang ada dalam negara kita kerana tindakan untuk akta ini adalah untuk negara kita. Sebarang pelanggaran akta adalah cuma akan dilaksanakan di negara kita. Kalau dilihat seksyen 2(c) iaitu dalam kegunaan perubatan telah digariskan oleh beberapa kegunaan, tetapi apakah diambil kira juga ubat-ubat ini untuk kegunaan ujian saintifik kerana bukan sahaja ubat ini digunakan seperti yang digariskan itu tetapi ada juga ubat-ubat ini sebagai ujian yang tertentu untuk beri ubat-ubat baru ataupun untuk tujuan-tujuan tertentu dalam ujian saintifik. Saya tidak tahu di mana ini hendak diletakkan. Kalau boleh kita masukkan perkara tersebut.

Dalam akta ini juga kita tidak sebutkan dari segi ubat-ubat atau peralatan yang digunakan dalam diagnosis penyakit. Apakah juga itu termasuk dalam takrif ini. Ini yang kita ingin penjelasan. Apa yang penting dalam perkara ini ialah ubat-ubat ini begitu berleluasa. Pada masa ini ada diberi kepada awam mengenai dengan senarai dadah-dadah atau ubat-ubat mengikut kategori masing-masing. Di Malaysia ini, kalau kita pergi ke kedai-kedai runcit di kampung memang ada dijual ubat-ubat tertentu -- memang ada ubat yang dibenarkan tetapi tidak kurang juga ada ubat yang tidak

dibenarkan. Kalau kita bertanya kepada tuan kedai itu kita minta ubat-ubat tertentu – tetapi dia tidak tahu nama. Yang dia tahu cuma ubat sakit tulang, ubat bunuh kuman, ubat bisul dan sebagainya, istilah-istilah mengikut kegunaan ubat. Tetapi dari segi kandungan kita tidak tahu sumber dari mana dia dapat. Selalunya dia taruh di tempat-tempat yang sulit sedikit yang tidak ditunjukkan. Tetapi dia kata kalau mahu, ada.

Saya mohon kementerian supaya bukan kegunaan ubat itu yang perlu tetapi apakah jenis-jenis kandungan bahan aktif dalam ubat tersebut dan apakah jenama-jenama yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tertentu yang mengandungi bahan kimia tersebut, bahan aktif tersebut. Memang ada Panadol atau Paracetamol dijual tetapi kalau kita tengok di pasaran, ubat demam, kalau istilahnya ubat demam tahan sakit begitu banyak jenisnya bermacam-macam jenama ataupun panggilan. Apa yang penting saya katakan tadi bahawa bahan aktif yang dibenarkan ada di dalam kandungan ubat tersebut. Kalau ini kita perluaskan kepada masyarakat kita supaya boleh menyemak apakah bahan aktif dalam ubat tersebut, apakah ia dikategorikan dalam kategori yang dibenarkan ataupun yang tidak dibenarkan. Inilah yang kurang kepada orang-orang di kawasan di luar bandar.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, pengawalan ubat ini tadi memang seperti yang saya kata tadi bercanggah tentang kegunaan ubat ini. Tetapi kita tidak tahu dari mana mereka dapat ubat-ubat ini. Siapakah yang dipersalahkan dalam penggunaan bahan-bahan ini. Terdapat bahan-bahan ubat ini memang disalahgunakan. Memang pengedar dadah, itu salah menagih dan menjual heroin, morphine, tetapi ada juga digunakan sebagai bahan pengawet, misalnya antibiotik, *tetracycline* digunakan supaya daging itu kelihatan segar. Dadah untuk pengawet ikan juga digunakan. Bidang kuasa siapakah ini, sama ada Kementerian Pertanian ataupun Kementerian Kesihatan. Tetapi saya pasti ubat-ubat ini didapati daripada outlet ataupun ejen-ejen penjual yang didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan.

Begitu juga penggunaan bahan-bahan dalam komestik yang mempunyai bahan-bahan kimia hormon yang tidak terkawal yang banyak di pasaran. Saya minta penjelasan daripada kementerian apakah cara ataupun sistem kawalan yang dilakukan sekarang ini untuk menghalang daripada penggunaan dadah-dadah yang berbahaya ini.

Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan alat-alat ujian yang banyak di pasaran. Kalau tadi dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong bahan-bahan perubatan, tetapi alat-alat ujian dan selalunya alat-alat ujian ini digunakan begitu berleluasa dan definisi dan interpretasinya dibuat sewenang-wenangnya oleh pemakai. Ada orang yang membuat ujian darah dia kata kamu ada sakit jantung, kamu ada darah tinggi, kamu ada kencing manis. Tetapi apakah ujian ini sesuai atau tidak dan mulalah sipenjual ubat ini katakan “kamu makan ubat ini” tanpa mengira sama ada nasihat profesional ataupun tidak. Inilah perkara yang sedang berlaku di kawasan luar bandar dan juga orang-orang tertentu yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahajalah saya ingin mengambil bahagian. Jadi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk pagi ini sudah cukup, kita sambung di sebelah petang. Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masalah berkenaan dengan rang undang-undang ini dibuka semula untuk disambung. Gelang Patah.

2.30 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Jualan Dadah (Pindaan) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk memuji pihak kerajaan kerana dapat mengadakan pindaan akta ini, Akta 368 untuk menjaga kepentingan kesihatan orang ramai dan dengan pindaan ini terkandung seksyen-seksyen yang dapat memperluas ruang lingkup akta ini kepada apa-apa bahan hasil atau barang yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang berupaya untuk digunakan kepada haiwan dan untuk menambah penalti yang diperuntukkan dalam Akta 368 ini. Kita semua sedia maklum bahawa pada masa ini Seksyen 17 dalam akta ini hanya menyebut makanan dan kegunaan manusia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk memberikan cadangan-cadangan kepada pihak Kementerian Kesihatan bahawa kita perlu mempertingkatkan kawalan penyalahgunaan dadah dan jualan ubat tiruan supaya kepentingan kesihatan orang ramai dapat dijaga dan dalam hal ini, saya berpendapat bahawa pihak berkuasa perlu mempertingkatkan penguatkuasaan.

Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Kesihatan tentang bilangan pegawai-pegawai seperti inspektor-inspektor yang terlibat dalam kerja kawalan dan penguatkuasaan rang undang-undang ini.

Dan selama ini, bilangan pemeriksaan yang dijalankan seperti bilangan pemeriksaan yang dijalankan dalam tahun 1998 hingga hari ini supaya kita dapat daripada jumlah pemeriksaan itu dapat maklumat tentang kerja-kerja penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan sama ada semasa pemeriksaan dijalankan adalah diberikan notis terlebih dahulu atau pemeriksaan dijalankan secara mengejut.

Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan, bila pegawai mereka mengambil tindakan pemeriksaan, adalah lebih baik dengan cara mengejut supaya dapat mendatangkan kesan yang lebih baik dalam penguatkuasaan.

Saya ingin tahu daripada Kementerian Kesihatan, berapa kes tuduhan di mahkamah selama ini daripada tahun 1998 hingga sekarang terhadap penyalahgunaan dalam jualan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa untuk memastikan kesan penguatkuasaan yang sempurna, kita pun perlu kerjasama yang rapat daripada orang ramai supaya mereka akan memberikan maklumat kepada pihak penguatkuasa dalam hal ini.

Di sini saya juga ingin mengambil perhatian kepada Kementerian Kesihatan tentang kawalan terhadap penjualan terus yang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat diadakan kawalan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal penguatkuasaan ini, saya dapati bahawa dalam pindaan rang undang-undang ini, tiada pindaan terhadap Seksyen 15 tentang adulteration dan tiada pindaan terhadap tentang warranty yang diberikan kepada penjual atau pengedar daripada pembuat.

Dalam rang undang-undang yang asal, Seksyen 25 memang denda untuk warranty yang palsu adalah sebanyak RM500 dan untuk kesalahan yang kedua atau lebih adalah tidak lebih daripada RM2,000.

Saya ingin tahu mengapa dalam pindaan kali ini tiada pindaan dibuat atas seksyen yang saya sebutkan tadi, cuma ada pindaan untuk Seksyen 26(1) tentang kesalahan dalam peraturan dan yang mana amaun denda ditambah supaya dapat menyekat penyalahgunaan undang-undang dalam jualan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang terkandung dalam rang undang-undang ini dalam Seksyen 14 bahawa bila sesuatu kesalahan dilakukan dan dihukum di mahkamah, memang boleh buat notification of conviction in newspaper yang terkandung dalam seksyen ini, ini adalah satu seksyen yang mana saya ingin mengambil peluang ini mengatakan bahawa bila sesuatu kesalahan dilakukan selain daripada kita membuat liputan dalam surat khabar, adalah baik kita membuat liputan

dalam massa media yang lain seperti TV, radio dan lain-lain supaya orang awam dapat tahu nama pesalah, pekerjaanya, tempat kesalahan dilakukan dan nama syarikatnya dengan memberitahu pihak orang awam tentang denda yang telah dikenakan kepada pesalah dan apa rampasan yang telah dibuat terhadap penguatkuasaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kerja-kerja penguatkuasaan kita juga perlu mempertingkatkan pendidikan kesihatan kepada orang ramai. Kita perlu memperbanyakkan ceramah dan mengadakan poster dan lain-lain supaya kita dapat mewujudkan kesedaran tentang bahaya terhadap kesihatan kerana penyalahgunaan dadah. Kita harap dengan usaha ini, orang awam akan peka tentang kesan sampingan yang buruk terhadap kesihatan jika sesuatu dadah itu disalahgunakan kepada haiwan ataupun manusia.

Saya juga ingin mencadangkan supaya lebih usaha dapat diadakan supaya kita dapat mewujudkan kesedaran tanggungjawab sosial di kalangan pembuat atau pengedar tentang ubat atau dadah yang merbahaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha tersebut adalah penting demi memastikan kes-kes penyalahgunaan dadah dikurangkan atau dihapuskan supaya dapat menjaga kesihatan manusia dan haiwan seperti kita sedia maklum bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan kerana dengan kawalan yang sempurna, pihak kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan rawatan oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana dapat mengambil tindakan yang proaktif dalam kawalan pencegahan penyalahgunaan ubat 'beta-agonist' oleh penternak-penternak khinzir, lembu dan kambing.

Perkara ini telah diumumkan dalam surat khabar, TV, radio dan lain-lain media massa dan dengan ini usaha Yang Berhormat Dato' Menteri Kesihatan berkenaan kegunaan 'beta-agonist' ini, saya berpendapat ia telah dapat kesedaran daripada pembuat, penjual dan pengedar tentang bahayanya ubat ini digunakan untuk haiwan kerana ia akan menjejaskan kesihatan manusia yang memakan daging khinzir atau lembu atau kambing yang mana ubat 'beta-agonist' digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, kegunaan ubat 'beta-agonist' ini dalam haiwan jika digunakan dengan berlebihan akan menyebabkan keracunan makanan, pening kepala, bahaya kepada pesakit jantung jika dimakan oleh manusia. Daging khinzir atau lembu atau kambing yang pernah diberikan ubat 'beta-agonist' itu.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan terhadap pencegahan ubat-ubat tiruan yang dijual di pasaran pun perlu dipertingkatkan demi menjaga kesihatan orang ramai. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat memberikan senarai ubat-ubat tiruan serta jumlah-jumlah ubat tiruan yang terdapat dalam pasaran dalam kerja-kerja kawalan dan penguatkuasaan selama ini sejak tahun 1998 hingga sekarang supaya kita dapat memberikan satu gambaran kepada pihak orang ramai tentang kes-kes ubat tiruan di masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin sekali lagi ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Kesihatan dalam pindaan rang undang-undang ini demi memastikan bahawa dengan tambahan denda dan hukuman yang akan dikenakan kepada sesiapa yang disabitkan kesalahan dalam rang undang-undang ini supaya kita dapat mengurangkan atau menghapuskan kes-kes penyalahgunaan rang undang-undang ini.

Dengan kata-kata yang demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

2.46 ptg.

Datuk Philip Yong Chiew Lip [Gaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, kerana memberikan keizinan kepada saya untuk ikut membahaskan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Jualan Dadah 1952.

Satu masalah sosial yang begitu serius di Sabah mengenai penyalahgunaan ubat batuk yang meracuni fikiran generasi muda negara kita. Salah satu masalah sosial yang merunsingkan adalah masalah najis dadah.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan sangat memandang serius terhadap masalah najis dadah di negara kita. Kerajaan telah mengambil tindakan yang tegas terhadap usaha membasmi masalah najis dadah. Antara kerajaan telah mendapat kerjasama daripada kementerian, pihak polis, persatuan sukarela dan sebagainya untuk membasmi masalah tersebut bagi mengelakkannya bertambah merunsingkan. Selain dari itu, setiap tahun kerajaan juga memperuntukkan berjuta-juta ringgit bagi menangani masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sindiket penjualan dadah sangat mahir dengan kelonggaran undang-undang untuk mengelakkan hukuman mati. Mereka akan mengenalpasti jenis dadah yang belum disabitkan hukuman mati. Dalam Akta Dadah Berbahaya iaitu seperti ecstasy dan ubat yang mengkhayalkan untuk meneruskan kegiatan mencari untung yang akan meracuni masyarakat kita. Masalah penyalahgunaan ubat batuk di Sabah menjadikan semakin serius. Kerajaan sewajarnya mengambil tindakan tegas menangani masalah tersebut. Keadaan penjualan ubat batuk di Sabah pada suatu ketika adalah sungguh membimbangkan.

Sindiket ubat menyewa bilik-bilik sulit di atas rumah kedai untuk memudahkan penjualan ubat batuk kepada golongan peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak berkuasa sering mengambil tindakan dan membuat tangkapan malangnya mereka yang tertangkap adalah pengedar kecil sahaja dan bukan datang sebenarnya. Tambahan pula ubat batuk belum dikategorikan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

Selain itu, hukuman yang ringan iaitu setakat denda dengan wang ringgit adalah tidak dapat memberikan kesan bagi usaha menangani masalah tersebut. Masalah ini jika dibiarkan berterusan, generasi negara kita sudah tentu akan diracuni terutamanya golongan pelajar. Justeru itu, saya mencadangkan agar kerajaan mengkategorikan ubat batuk sebagai ubat merbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya serta mengetatkan hukuman ke atas sindiket ubat batuk. Langkah tersebut adalah bertujuan membasmi dan membendung masalah ubat batuk menular di dalam masyarakat dan meracuni generasi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa masalah penjualan ubat batuk di negeri Sabah semakin berleluasa. Masalah tersebut telah meracuni fikiran pemuda-pemuda di negeri Sabah. Kerajaan sewajarnya memandang serius dan mengambil tindakan menggubal undang-undang yang ketat untuk mbanteras masalah tersebut. Oleh itu saya berharap dan merayu kepada pihak yang berkenaan agar dapat mengambil tindakan dan meneliti cadangan yang berfaedah untuk kesejahteraan rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

2.53 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil sedikit peluang membahaskan Akta Jualan Dadah (Pindaan) 1999 ini untuk Akta Dadah Induk 1992 dan walaupun pindaan ini amat sedikit tetapi implikasinya memang amat menyeluruh juga oleh kerana takrifan dadah di bawah undang-undang induk hanya menyebut dadah ini maknanya satu-satu benda ataupun mixture ataupun substance tetapi dalam pindaan ini memasukkan "...product or article intended to be used or capable, or purported or claimed to be capable, of being used on humans or any animals,...".

Jadi, amat menyeluruh sekali. Berkemungkinan takrifan ini termasuklah benda-benda macam Tongkat Ali, untuk ketahanan kepada segolongan masyarakat

manusia, Rumput Siti Fatimah di Sarawak dan juga pokok bintangor di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia juga kita dapati, saya berfikir sedemikian, bahkan banyak lagi benda yang boleh dimasukkan dalam takrifan drug" ini.

Begitu juga kalau kita lihat soal medicinal purpose atau kegunaan perubatan. Ini telah diperbesarkan penggunaannya. Mungkin juga termasuk kalau kita guna mana-mana article ataupun substance, dengan izin, untuk mendandan wanita sebagai cosmetic material dan sebagainya itu, juga dimasuk bersama. Jadi, ini amat jelas, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, Saya belum menghabiskan cerita ini. Amat jelas sekali iaitu undang-undang ini banyak melibat persoalan undang-undang berhubung dengan dadah. Jadi, bukanlah persoalan perubatan sahaja.

Dengan kata sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan yang Yang Berhormat bagi Kepong tidak ada hari ini, mengatakan undang-undang ini sepatutnya dibahas oleh doktor sahaja. Peguam tidak payah bahas kerana peguam tidak tahu tentang perubatan, malangnya pandangan Kepong itu sempit sebagaimana semua orang DAP sempit, cetek sebagaimana semua orang DAP cetek pandangannya. Saya rasa sedih dia tidak ada di sini tengah hari ini, kalau tidak saya memang hendak beritahu macam mana dia sepatutnya lebih dalam sedikit, lebih tahu banyak sedikit dan more knowledgeable sedikit dalam persoalan-persoalan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat juga perubahan yang dibuat iaitu daripada segi definisi drug itu tadi dan kedua penggunaan perubatan dan ketiga untuk persoalan hukuman. Jadi, saya akan sentuh satu-persatu persoalan hukuman.

Memang benar undang-undang ini digubal pada tahun 1952. Perubahan telah banyak berlaku semenjak itu dan berkemungkinan sebelum ini perundangan ini belum perlu dipinda untuk menyesuaikan keadaan semasa. Jadi, kalau kita lihat juga persoalan ini berbangkit bermacam-macam, persoalan benda, kayu, materials, products, substance dan sebagainya. Ini termasuklah kalau kita lihat di kaca-kaca TV orang berjual secara direct selling, bermacam-macam yang dijual oleh pihak peniaga, mengatakan produk-produk dan benda-benda mereka yang boleh menurunkan berat badan kerana dalam definisi medicinal purpose ini controlling of body weight, introducing anesthesia, contraception, macam-macam benda disebut.

Jadi, maknanya semua benda yang dilaung-laung di kaca TV itu termasuk samalah dalam perundangan yang kita baru pinda yang mana dahulunya tidak termasuk. Jadi, saya memang mengucap tahniah kepada kementerian dan berterima kasih oleh kerana telah memandangkan keperluan ini memang sudah wujud terutama sekali dalam masa setahun ataupun dua ini yang mana penjualan secara direct selling menerusi kaca televisyen dan sebagainya kepada orang ramai dan benda-benda ini belum boleh kita kawalkan secara undang-undang. Dengan wujudnya undang-undang ini nanti bolehlah juga benda ini kita kawalkan.

Kalau kita lihat dari segi hukumannya meningkat daripada RM1,000 dahulu kepada tidak lebih daripada RM50,000 tetapi apa yang saya lihat juga ialah dalam Seksyen 9 - ada juga hukuman di bawah subseksyen ataupun seksyen kecilnya 4(4) yang mana hukuman ini tidak dinaik - hukuman tahun 1952 dahulu tidak dinaikkan, masih dikekalkan RM1,000 sahaja. Jadi, saya berpandangan kalaulah hukuman - hukuman lain itu dinaik, oleh kerana tahun 1952 dibanding dengan 1999 perlu dinaikkan daripada RM1,000 ke RM50,000 kenapa pula Seksyen 9 ini tidak dipinda bersama untuk menyesuaikan keadaan kerana nilai RM1,000 pada tahun 1952 sepatutnya memang sudah berubah pada ketika ini. Walaupun ini bukanlah ada hubung kait sangat dengan penjualan, pemasaran, pembelian ataupun pengedaran dadah tetapi sekurang-kurangnya ini adalah berhubung dengan komunikasi ataupun benda-benda yang kita tidak beri ataupun kita beri maklumat kepada orang yang tidak patut menerima maklumat tetapi hukumannya sepatutnya memang patut dinaikkan juga bersama.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh perkara-perkara lain iaitu persoalan kawalan. Memang kita sudah lihat sekarang undang-undang ini menyeluruh

iaitu melibatkan bukan sahaja manusia sebagai pembuat undang-undang asal tetapi sekarang sudah melibatkan binatang dan binatang ini pula ialah sebahagian darinya menjadi makanan manusia. Jadi, oleh kerana benda ini makanan manusia, ada kesan yang buruk mungkin akan berlaku kalau ubat-ubat ini ataupun drug ini digunakan ke atas binatang. Sebagai satu misalan iaitu 'Beta-agonis' yang disebut oleh banyak kawan tadi boleh diberi kepada khinzir, lembu, kambing dan sebagainya. Begitulah juga benda-benda lain yang kita beri kepada ayam, itik dan sebagainya.

Selama ini kita dengar kawalan kepada benda-benda ini dibuat oleh pihak Kementerian Pertanian dan ada juga tempat yang tidak mempunyai kawalan tertentu oleh kerana pegawai yang dilantik di bawah undang-undang ini tidak mencukupi ataupun pegawai yang dilantik oleh Kementerian Pertanian itu sendiri belum mencukupi untuk mengawal keadaan ini pada keadaan yang ada sekarang ini. Kalau di kampung saya, kalau hendak kenduri baru makan daging dan lembu tetapi sekarang ikan itu lebih mahal daripada daging lembu, kambing ataupun ayam dan sebagainya. Jadi, orang makan daging kambing, ayam, lembu dan sebagainya itu tiap-tiap hari, alternative protein kepada orang yang berpendapatan sederhana. Orang yang kaya makan ikan, yang sederhana ini makan daging-daging, yang dahulunya sebagai makanan orang kaya.

Jadi, kalau kita lihat dari segi itu maknanya orang kaya boleh menjagakan keselamatan mereka sendiri daripada makan benda-benda yang mungkin tercemar oleh kerana perubatan yang mungkin diberi berlebihan daripada sepatutnya yang diberi kepada binatang-binatang berkenaan umpamanya kambing, lembu, khinzir dan sebagainya sebagaimana yang saya sebutkan tadi yang mana ikan menjadi makanan orang yang mampu membeli kerana ikan bawal ataupun ikan 'due' kata orang Sarawak, kalau bawal ataupun 'due' hitam ini di Sarawak mungkin RM8, yang putih mungkin RM18 sekilo. Jadi, sebahagian kecil sahaja orang yang boleh makan ikan bawal tetapi ayam RM5, daging RM9 ataupun RM10, banyak orang yang mampu memakannya.

Jadi, dalam keadaan demikian, pengawalan penggunaan perubatan kepada binatang-binatang ternakan yang bakal menjadi makanan atau hidangan manusia dan masyarakat itu sepatutnya mendapat kawalan yang jauh lebih rapi. Selain daripada benda-benda yang kita sebut, juga penyakit JE yang banyak disebutkan yang mana asalnya boleh menjangkiti binatang dan manusia dan binatang-binatang ini mempunyai kawalan ubat dan sebagainya dan ubat-ubat ini juga mesti ada kawalan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, berpindah dari situ saya mengucapkan tahniah kepada kementerian, kalau tidak salah pendengaran saya tadi mengatakan kita akan menubuhkan satu pusat untuk penyelidikan penyakit dan kawal selia penyakit di negara kita ini. Jadi, kalau benarlah yang saya dengar tadi, saya ucap tahniah dan berterima kasih kepada kerajaan kerana kita telah melihat juga penyakit yang dikatakan Cocksackie dahulu menyerang Sibu Sarawak ataupun telah didapati sebagai Enterovirus 71 baru-baru ini didapati oleh pihak UNIMAS di Sarawak. Kita tertunggu-tunggu apakah sebenarnya penyakit yang telah mendatangkan kematian kepada anak-anak yang masih muda di Sibu pada ketika itu. Ada orang yang berpendapat mengatakan Cocksackie ini tidak menyerang orang yang di peringkat itu, mengatakan dia menyerang orang yang di peringkat lebih tua daripada apa yang telah berlaku di Sibu. Jadi, berkemungkinan penyakit itu bukan penyakit Cocksackie.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah pergi ke seluruh dunia mencari apa sebenarnya penyakit Cocksackie tetapi menerusi Internet dan maklumat yang saya dapati itu penerbangan yang begitu jauh sekali ke Amerika dan sebagainya di dalam bilik perpustakaan di rumah saya tidak memberi maklumat yang lengkap. Jadi, kalau kita ada pusat penyelidikan - disease control center ini diadakan di negara kita ini memang baik sekali kerana kita telah diterima, diiktirafkan, mempunyai cukup kepakaran, cukup kemahiran dan mempunyai pengalaman untuk mentadbir negara ini dengan begitu baik sekali. Jadi, saya cukup yakin kita boleh mewujudkan pusat penyelidikan dan kawalan ini supaya kita tidak perlu meminta pertolongan daripada

tempat-tempat lain umpamanya kita hendak hantarkan ke Seattle untuk center of disease control di Amerika dan Melbourne untuk lihat di Australia dan di Jepun dan sebagainya untuk mendapat pengesahan kalau negara kita diserang penyakit kerana sekarang banyak manusia yang kurang berperangai baik, berkemungkinan Tuhan menurunkan penyakit-penyakit macam ini kerana kesalahan manusia itu sendiri kerana Tuhan memang telah menjanjikan akan dibinasakan masyarakat manusia ini kalau kita bersifat tidak baik.

Masa dulu "Sodom & Gemorah" pun dibinasakan oleh Tuhan dan sekarang ada orang Islam mengkafirkan orang Islam lain dengan tidak menentu. Ada juga mengatakan kalau tidak masuk kumpulan mereka ini orang kafir dan kalau masuk kumpulan mereka baru jadi Islam dan sebagainya. Ini sudah berlaku di sini dahulu tetapi sekarang sudah menular ke Sarawak. Jadi, banyaklah orang Islam sembahyang lima waktu sehari semalam, berpuasa dan mengucap dua kalimah syahadah itu tidak menjadi Islam lagi. Seumpamalah manusia yang ada di sini boleh menentukan seseorang itu kafir ataupun Islamnya atau betul ataupun salahnya macam Tuhan, lebih daripada malaikat. Jadi, kemungkinan Tuhan merasa sepatutnya diajar sedikit manusia ini. Jadi, Tuhan tidak menentukan kepada siapa terkena, jadi siapa yang cuai akan terkena juga. Jadi, dengan keadaan sedemikian kita terpaksa berusaha dan meminta kepada Tuhan supaya center disease control dan investigation ini diadakan di negara ini supaya kita meningkatkan lagi satu kawalan perubatan kita untuk keselamatan negara kita dan keselamatan orang kita kerana kadang-kadang kita kena lihat juga di samping kita membangunkan negara ini, ada juga rakyat kita ini tidak hendak melihat negara ini membangu dengan sebaiknya.

Semasa kebakaran di Indonesia, Malaysia yang terkena. Kalau kita lihat media di luar negara, kita lihat tidak ubah seperti Malaysia ini sendiri yang terbakar. Banyaklah bijak pandai dan pihak yang tertentu mengeluarkan macam-macam pendapat mereka dalam surat khabar menyatakan yang jerebu (haze) ini mendatangkan penyakit ini, penyakit itu. Jadi, bagaimana sama ada kalau orang itu membakar hutan dan jerebu menyelubungi satu bandar bolehkah jerebu ini juga dikata orang bakar hutan itu boleh dituduh di bawah penguatkuasaan ini kerana mendatangkan penyakit menerusi satu produk ataupun substance yang tertentu. Jadi, kalaulah ini juga boleh dimasukkan di bawah rang undang-undang ini memang juga baiklah selain daripada mengambil tindakan alam sekitar, kita boleh menuduh di bawah seksyen undang-undang ini juga - dihukum RM50,000.

Jadi, sepatutnya kita mempunyai pusat penyelidikan kerana pusat penyelidikan kita tidak payahlah tunggu orang lain untuk memastikan apa penyakitnya. Umpamanya Cocksackie yang baru, ini baru ditentukan oleh pihak UNIMAS, pihak universiti di Sarawak mengatakan Enterovirus 71 yang telah mengena anak-anak di Sibul dahulu dan sekarang kita ada selepas ini kita dapat JE. Yang ganjilnya pula, apabila benda ini berlaku ada orang yang mengambil kesempatan ataupun political mileage, mengata ini dan itu, mengatakan pihak kerajaan ataupun pihak kementerian tidak mengambil tindakan yang khusus ataupun tidak mengambil tindakan yang cukup baik dan cukup rapi untuk mengatasi masalah di samping mereka itu tidak mengambil tindakan secara sendiri, hanya pandai berpidato, pandai bercakap yang kita ini tidak mengambil tindakan.

Jadi, kalau kita ada mempunyai disease control center ini di negara kita, mereka ini akan membuat penyelidikan dan mereka ini juga akan membuat pengumuman, apakah benda dan pendapat mereka berhubung dengan soalan-soalan sedemikian. Begitulah juga perkara-perkara lain supaya pihak politik yang menyeleweng ini, yang tidak kisah sama ada apa yang mereka sebut ini akan mendatangkan masalah ataupun kemudaratan kepada negara kita sendiri ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat undang-undang ini, kita juga melihat, umpamanya dalam Seksyen 13, saya lihat ini ada pemupusan barang-barang yang mana dikatakan menjadi dadah ini apabila seseorang itu telah didapati salah di

mahkamah dan pemupusan dadah ini adalah ditentukan oleh Ketua Menteri ataupun Chief Minister di dalam buku yang saya dapat ini menggunakan bahasa Inggeris Chief Minister dan saya percaya takrifan chief minister ini juga termasuk menteri besar kalau di Semenanjung Malaysia tetapi walaupun takrifan ini tidak ada disebut di dalam buku ini, saya berharap ini boleh dipastikan juga supaya tidak mengelirukan.

Persoalan saya kenapa ini tidak dipinda dan diberi kuasa pemupusan dadah di mana pesalah yang telah didapati salah tidak payah diserahkan kepada orang politik, bahkan lebih baik kalau benda ini diserahkan kepada Director General of Drug Control ini sahaja. Kenapa pula kepada orang politik? Saya tidak melihat apa 'significant'nya kalau benda ini perlu sampai ke pejabat menteri besar ataupun ketua menteri untuk dibinasakan yang mana mahkamah telah mendapati salah mereka yang terlibat dengan pembawaan, penjualan dan sebagainya dadah-dadah ini.

Jadi, saya harap kalau pihak kementerian dan sesiapa sahaja membuat satu-satu penggubalan undang-undang sepatutnya melihat secara menyeluruh undang-undang tersebut. Oleh kerana kita bimbang kita hari ini membuat satu pindaan iaitu takrifan drug, penggunaan perubatan, hukum dan sebagainya. Tetapi dalam kita melihat itu perkara lain yang sepatutnya telah di 'update'kan mengikut zaman yang ada pada masa sekarang dan kita lihat zaman kita sekarang yang mana sebagai menteri besar, ketua menteri dan sebagainya sepatutnyalah dibiarkan membuat dasar dan sebagainya. Tetapi untuk implementasi undang-undang itu kita serahkanlah sahaja kepada pihak eksekutif ataupun pihak daripada badan kerajaan, tidak payah dilibat kepada pihak ketua menteri ataupun menteri besar.

Jadi, kalau kita buat macam itu ia akan menyenangkan lagi pihak kerajaan itu sendiri, pihak jabatan itu sendiri senang oleh kerana dia tidak perlu menghantar surat, mengurangkan sedikit pekerjaan kita, 'paper work' dan sebagainya. Walaupun kita menuju ke hala yang mana kita ini akan membuat 'paper less' bukan 'paperless', administration tetapi sekurang-kurangnya dikurangkan undang-undang ini juga dengan semakin berkurangan penggunaan kertas dalam pentadbiran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dalam seksyen 10 undang-undang ini ada menyebut beberapa alkohol. Saya bukanlah betulkan hal ini, saya setuju bahawa saya bukan seorang doktor. Jadi, nama alkohol, apabila saya tengok alkohol, saya kata alkohollah.

Jadi, *methyl alcohol*, *asop*, *propell alcohol* dan macam-macam lagi alkohol disebut dalam seksyen itu. Mungkin ada yang dimasukkan ke dalam ubat untuk perubatan dan sebagainya. Ubat ini bila ia sampai ke pasaran ia tidak kira kepada siapa ubat itu dijual sama ada kepada orang PAS, orang UMNO, orang MCA, PBB dan sebagainya. Jadi, kita bimbang benda ini alkohol dalam takrifan secara umumnya ialah benda yang orang Islam tidak boleh ambil. Sama ada label di botol ataupun di bungkusan itu mengandungi dan memberi penjelasan sama ada alkohol ini boleh diambil oleh orang Islam ataupun tidak dan apakah fatwa yang telah diberi daripada pihak Majlis Agama Islam kita iaitu benda-benda ini dibolehkan, diharuskan ataupun dihalalkan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting dalam kita melonjak ke satu peringkat iaitu peringkat teknologi, peringkat sosial kita, begitu juga peringkat keagamaan tidak terjejas oleh kerana ada masalah-masalah yang sedemikian. Umpamanya dahulu pada dua, tiga tahun yang lepas ada satu substance yang digelar, kalau tidak salah saya 'gelatin' yang dikata diperbuat daripada kulit khinzir ataupun kulit babi. Dibuat daripada kulit babi tetapi sebaliknya kepada orang yang manufacture gelatin ini ada juga yang artificial gelatin yang diperbuat daripada benda lain. Bahkan ada dibuat daripada 'jelly fish', diperbuat daripada benda-benda lain yang tidak ada kena mengena dengan binatang ataupun babi. Jadi, apabila kita lihat gelatin di dalam bungkusan, kita menjadi curiga dan keliru yang mana satu gelatin, adakah ini gelatin babi ataupun binatang yang tidak disembelih ataupun gelatin daripada ikan ataupun pokok-pokok buah-buahan yang boleh dimakan walaupun tidak ada proses penyembelihan.

Saya berharap kerana kita lihat pengaruh penjualan, pengaruh pemasaran amat menyeluruh sekali. Jadi, dalam kita menerima pengaruh ini kita tidak dapat mengelakkan yang rumah-rumah kita dimasuki semua salesmen and saleswomen ini, orang penjual ini. Sama ada secara badan dia datang ke rumah kita ataupun menerusi kaca televisyen. Jadi, kita tidak dapat mengelak iaitu kita akan terpengaruh tetapi dalam kita terpengaruh ini kita boleh membeli secara direct.

Tuan Yang di-Pertua, ini belum lagi e-commerce, kalau kita laksanakan e-commerce di negara ini nanti secara menyeluruh yang mana peti ais kita pun boleh order benda yang sudah kurang dalam peti ais. Ini e-commerce sebenarnya. Umpamanya kalau kita ada peti ais, peti ais kita ini di 'equipped' dengan e-commerce punya connection, peti ais kalau sudah kosong macam saya minum 10 liter susu dalam peti ais kalau susu ini sudah berkurang daripada 10 liter, peti ais buat automatic, buat order di supermarket minta hantar susu semula to replenish peti ais tersebut. Ini e-commerce. Jadi, ini kita tidak tahu sama ada peti ais kita order benda yang betul ataupun tidak betul. Jadi, pembungkusan itu sekurang-kurangnya mesti baik supaya peti ais yang kita order, stove kita order, kitchen kita order, bahkan mungkin juga katil kita juga order. Takut nanti lain kali kasut pun kalau *Hush Puppies* dulu ada dibuat daripada kulit babi, kalau benda yang macam itu di 'order' oleh 'wardrobe' kita dan sebagainya nanti benda yang tidak boleh diguna ataupun pakai oleh orang Islam.

Jadi, dalam kita meminda undang-undang ini pandangan kita bukan lihat apa yang berlaku ataupun 'to take care of the present' ataupun menangani masalah semasa. Sepatutnya kita meminda undang-undang bukan sahaja untuk menangani masalah semasa. Masalah penjualan menerusi kaca televisyen, menangani masalah yang ada di market place ataupun di supermarket yang ada pada kita, kita juga mesti melihat secara ke hadapan supaya pindaan yang kita buat sekaligus supaya undang-undang kita itu lebih canggih daripada zamannya. Boleh dilihat dalam masa lima, enam tahun kerana kemasukan elektronik ini sangat cepat dan kadang-kadang sebelum habis kita berfikir benda ini sudah out-dated. Jadi, kita kena berfikir begitu canggih dan berfikir ke hadapan, benda yang akan berlaku itu akan berlaku dan benda itu dimasukkan dalam pemindaan kita. Jangan tunggu sudah menjadi masalah, baru kita ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara sedemikian bukan sahaja saya sebut dari segi undang-undang ini. Saya ingin menyarankan tiap-tiap perundangan yang kita ada, kalau hendak buat satu pindaan sepatutnya memang dimasukkan ke dalam ini. Sebagai misalan, umpamanya pada sesi yang lepas, saya membincangkan soal keselamatan jalan raya. Jadi, saya mengatakan undang-undang ini adalah amat menyedihkan sekali, undang-undang yang kurang menepati apa yang sepatutnya dipinda secara menyeluruh dan dilihat secara menyeluruh dan di 'overhaul' undang-undang itu.

Saya mencadangkan supaya undang-undang kita ini sepatutnya diserahkan kepada commission, satu suruhanjaya dan jika suruhanjaya tidak ada, kita mesti ada mempunyai satu suruhanjaya undang-undang untuk menyelidik undang-undang kita dan melihat undang-undang kita sebelum undang-undang ini patut dipinda. Secara automatik setiap undang-undang itu dilihat untuk dikaji oleh pihak suruhanjaya untuk melihat apa benda yang patut dipinda dan diubah. Suruhanjaya ini patut bukan sahaja dianggotai oleh pihak peguam iaitu orang yang mahir dari segi ini tetapi juga memasuki orang yang mahir dari segi bidang elektronik, pihak multimedia dan pihak komputer dan sebagainya.

Jadi, supaya mereka lebih mengetahui apa akan terjadi pada masa yang akan datang. Umpamanya, saya menyebut oleh kerana saya rasa terdesak, dalam masa seminggu dua ini saya telah didesak oleh beberapa orang mengenai persoalan jalan raya umpamanya. Dia kata, kenapa pula jalan raya kita ini 90 km, tidak bolehkah ia dibuat 60 km, 50 km. Jadi, apabila diselidik terdapat undang-undang kita hanya membenarkan kementerian men 'declare' kan standard speed untuk seluruh Malaysia umpamanya. Speed ini 90 km, walaupun ada provision mengatakan yang local council boleh membuat speed yang berlainan tetapi kalau local council buat speed yang berlainan, dengan sendirinya bercanggah dengan apa yang menteri telah buat.

Percanggahan ini akan mendatangkan masalah kepada local council punya declaration dan maknanya, bila menteri sudah meng'exercise' power di bawah undang-undang itu, kuasa local council itu become redundant, tidak diguna lagi tetapi masih wujud dalam undang-undang kita.

Jadi, ini sepatutnya tidak berlaku. Begitu jugalah perkara yang saya sebutkan di sini tadi. Semasa kita meminda hukuman-hukuman lain daripada RM1,000 kepada RM50,000, kenapa pula seksyen 10 ini ditinggal, hukumannya dikekalkan RM1,000. Kenapa tidak dinaikkan juga orang yang membuka rahsia soalan-soalan dadah dan drug ini kepada orang yang tidak berhak menerimanya dihukum dahulu tahun 1952 – RM1,000. Sekarang pun masih RM1,000. Saya percaya benda ini sepatutnya juga telah dinaikkan supaya sejajar dengan keadaan yang ada pada masa sekarang ini. Ataupun adakah ini bermakna kerajaan tidak melihat iaitu penyebaran maklumat berhubung dengan penyelidikan, penyiasatan dadah di bawah undang-undang ini tidak begitu penting sangat, maka barang siapa mengumumkan rahsia-rahsia kerajaan itu dianggap tidak mendatangkan mudarat sangat.

Jadi, kalau inilah pendapat kerajaan, saya menerima kerana landasannya mengapa hukuman ini hanya diberi sebagai token sahaja dan bukan sebagai 'punitive measures' ataupun melarang orang membuat benda-benda yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara. Undang-undang ini melibatkan perkara-perkara kosmetik. Jadi, pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada kawalan langsung. Kalau kita lihat di pekan-pekan, di kedai-kedai beauty saloon dan sebagainya, dia kata kalau hendak muka yang cantik, macam-macam sahaja promosinya di luar itu – mengatakan dia boleh buat ini dan itu. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, saya dalam masa dua bulan ini telah mendapat laporan daripada dua orang wanita umpamanya. Semasa pergi ke beauty saloon ini, telah mendapat rawatan daripada beautician yang telah menunjukkan beliau sendiri sebagai seorang pakar beautician tetapi selepas itu mukanya dulu ditakdirkan Tuhan memang tidak begitu cantik tetapi sekarang sudah menjadi hodoh.

Mungkin semasa mukanya di buat begitu oleh semulajadi, memang untuk mewarnakan dunia ini – tidak semua orang itu macam Geta Jones dan sebagainya. Ada juga yang mungkin kurang daripada itu. Tetapi oleh kerana dia hendak menjadi macam bintang filem, macam Siti..... apa nama. [*Merujuk kepada Ahli Parlimen di barisan hadapan*] Siti penyanyi itu, saya tidak minat, itulah saya tidak tahu nama dia. Siti Nurhaliza..... ha..... yang Datuk ini peminat. Saya kurang minat. Kalau semua muka macam Siti Nurhaliza, susahlah orang macam Datuk-datuk ini hendak mencari semua sama macam ini. Dia hendak dapat muka macam ini, jadi dia pergi ke beauty saloon tetapi beauty saloon ini, orang pengamal beautician ini memangnya tidak mempunyai kepakaran yang tertentu dan mereka ini bukannya plastic surgeon, bahkan tidak mempunyai ijazahpun dalam mengamalkan pembedahan dan sebagainya atau treatment kepada kulit-kulit mereka ini.

Kalau Kepong ada sini, memang dia boleh kerana dia doktor kulit. Itupun tidak mencantikkan – biasanya orang DAP ini kalau dia treatment itu boleh jadi buruk, jadi teruk lagi. Jadi, saya berharap pihak kementerian, di dalam kita mempunyai kawalan-kawalan yang sedemikian sama ada kawalan ini jatuhnya ke tangan Kementerian Pertanian ataupun kawalan ini jatuhnya di bawah undang-undang ini yang mana masih di bawah kawalan Kementerian Kesihatan, saya berharap kita mempunyai cukup tenaga manusia, bukan sahaja cukup tetapi juga mempunyai kemahiran untuk mengawalselia masalah sedemikian – pembungkusan, pembotolan, iklan, pengamalan di seluruh negara kita ini supaya tidak ada suatu benda pun yang mungkin mendatangkan satu masalah kepada masyarakat digunakan sewenang-wenangnya dan apabila didapati menjadikan kemudaratan kepada pelanggan nanti tetapi pelanggan dan sebaliknya pula, kita tidak ada mempunyai satu skim penginsuranan.

Di Amerika, umpamanya, pengamal kosmetik, apa sahaja benda yang hendak dijual atau hendak didagang ini, dia ada insurans yang tertentu. Tetapi kalau di sini, kalau kita hendak ambil tindakan guaman kepada beautician ini, mereka sendiripun

bukannya kata kais pagi, makan pagi, cukuplah boleh beli kereta Proton Wira dan Proton Saga umpamanya tetapi belum mencukupi untuk memberi gantrugi yang berpatutan kepada pelanggan mereka yang telah mendapati kerosakan oleh kerana benda yang mereka amal di dalam itu – oleh kerana perubatan-perubatan yang mereka beri kepada pelanggan itu adalah diberi secara tidak profesional perlu menepati caranya dan tidak cukup researchnya untuk mencari sama ada benda yang diberi, yang disebut di dalam undang-undang pindaan baru ini iaitu Substance Product of Article ini tidak mencukupi sama ada darahnya boleh menerima, sama ada badannya ada resist antibody dan sebagainya kepada benda yang diadminister kepadanya.

Ada seorang lagi kawan kepada kawan saya, isteri kepada kawan saya – dia pergi beautician, sekarang hidungnya sudah collapse kerana benda yang dimasuk ke dalam hidung itu collapse. Saya tidak tahu apa benda yang dia masuk dalam hidung itu. Mula-mula hendak jadi Michael Jackson kerana Michael Jackson dulu hidungnya macam African punya nose tetapi sekarang sudah menjadi macam....[Merujuk kepada Ahli Parlimen di barisan hadapan] Ohh.... macam Jelutong katanya. Macam hidung Jelutong. Jadi, dia pun pakai dua tiga bulan sahaja. Lepas dua tiga bulan, hidung dia collapse. Jadi maknanya, termasuk dalam undang-undang ini, alhamdulillah, undang-undang kini sudah ada peruntukan untuk mengawalkan keadaan sedemikian. Dahulunya kita tidak ada kerana dahulu dia ada substance sahaja, sekarang article pun boleh juga. Kalau dimasuk dalam hidung, hidungnya collapse dan boleh mungkin melapor kepada pihak yang tertentu supaya diselidikan dibuat dan orang ini boleh dituduh ke mahkamah dan mungkin dihukum.

Tetapi pengamal ini tidak mempunyai insurans. Jadi, bila hidung dia hendak dibuat tadi – mula-mula African ataupun Mongoloid nose tetapi sekarang hendak jadi [Disampuk] Tidak payah dua tiga kalilah, sekali cukup. Kasihan dengan kawan, rambut sudah putih. Jadi, dia hendak buat hidung mancung sedikit tetapi tidak lama selepas itu hidung itu collapse pula. Jadi, tidak ada undang-undang yang tertentu untuk mengambil tindakan sebagai jenayah. Mungkin ada dari segi sivilnya tetapi oleh kerana tidak ada insurans tadi, jadi mereka ini tidak dapat mengambil tindakan peguam kepada pihak pengamal beautician ini. Jadi, tinggallah wanita ini mendapat penyakit dan banyak lagi persoalan orang memasukkan benda-benda ke dalam badannya – macam wanita hendak membuatkan dia punya front itu lebih menarik. Tetapi apabila dimasuk sebulan dua, sebelah besar, sebelah kecil tinggal.

Jadi, benda macam ini banyak berlaku, ada berlaku. Saya tidak boleh sebut secara terus. Saya sebut macam itu sahaja. Perkara ke hadapan.... [Ketawa] roket. [Disampuk] Jadi, walaupun saya cerita secara very light dan humor Tuan Yang di-Pertua, banyak berlaku, banyak wanita kita yang ingin cantik jadi hodoh, ingin menarik menjadi lebih tidak menarik bahkan mendatangkan satu penyakit kepada mereka oleh kerana memasukkan benda-benda macam substance article product ke dalam badan mereka untuk memperbaiki wajah dan paras tubuh badan mereka.

Alhamdulillah, dengan adanya pindaan ini, persoalan ini telah dapat diatasi menerusi undang-undang. Tetapi apa yang tidak itu ialah secara menyeluruh lagi saya sebutkan iaitu soalan orang awam itu. Di sini, pegawai-pegawai, inspector-inspector ataupun apa inspector ini dalam bahasa Melayu. [Disampuk] Inspector – mana penyelia, Datuk. Merinyu – merinyu di bawah undang-undang ini boleh mengambil sampel daripada mana-mana pedagang, mana-mana pengimport, mana-mana orang menjual dadah ini untuk dianalisa dan sebagainya. Tetapi tidak ada peruntukan yang mewajibkan pegawai ini menerima kalau mana-mana orang luar yang tidak berpuas hati dengan satu-satu benda, article dan ubat itu yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada mereka untuk dianalisis. Umpamanya, kalau saya pergi ke kedai mendapati atau mempunyai satu kecurigaan yang benda ini mungkin mendatangkan kesan buruk kepada saya – saya tidak mempunyai kuasa di bawah undang-undang ini untuk memaksa merinyu ataupun pegawai ini menerima benda yang saya hantar ini untuk dianalisa dan kalau didapati benda ini boleh mendatangkan kemudatan yang pegawai ini boleh pergi membuat laporan polis ke atas perkara sedemikian.

Jadi, sepatutnya semasa kita membuat pindaan ini, ini sepatutnya juga boleh dimasukkan kerana kita di dalam menguatkuasa mana-mana undang-undang. Sebagaimana undang-undang lain, jalan raya, jenayah dan sebagainya, kita mesti meminta pertolongan orang awam dan orang ramai. Kalau tidak ada pertolongan daripada orang awam dan orang ramai untuk menguatkuasa undang-undang, kerja pegawai-pegawai untuk menguatkuasa ini akan berat sedikit bahkan.... [Diganggu]minta maaf. Bahkan lebih berat sedikit oleh kerana maklumat, kerjasama daripada orang awam ini, orang luar ini tidak ada. Jadi, peruntukan yang sedemikian sepatutnya ada dalam undang-undang ini supaya orang awam juga boleh membuat laporan, orang-orang awam juga boleh mengambil sampel dan sampel yang diterima itu juga boleh diterima sebagai sah di bawah undang-undang ini untuk dianalisa dan diambil tindakan oleh pihak pegawai dan merinyu yang kita lantik di bawah undang-undang ini.

Oleh kerana saya menyebut ini, undang-undang ini memang sudah undang-undang lama walaupun keadaan berpuluh tahun selepas undang-undang ini dibuat pada tahun 1952, 1962, 1972, persoalan sedemikian belum berbangkit. Jadi, saya tidak menerima cakap Kepong tadi yang mengatakan kenapa tunggu hampir 40 tahun baru buat pindaan. Memang betul kerana dahulu perkara sedemikian belum berbangkit. Tetapi dalam masa setahun dua ini, perkara ini sudah berbangkit dan sepatutnya ditangani dan semasa kita membuat undang-undang untuk menangani masalah yang baru berlaku sekarang. Sepatutnya kita melihat undang-undang secara menyeluruh dan orang kita jangan di peringkat AG atau di mana, sepatutnya membuat satu pindaan menyeluruh supaya sidang Dewan Rakyat ini tidak digunakan hari ini. Pindaan satu mungkin dua tiga bulan akan datang, satu lagi pindaan untuk mengatasi satu masalah yang akan wujud lagi dan penyakit ini bukanlah dikata ini lebih bijak daripada manusia.

Memang Tuhan itu lebih jauh, lebih bijak daripada manusia. Ini memang takdir Tuhan mendatangkan penyakit kepada manusia. Di negara-negara maju sekalipun, umpamanya di New York kita dengar sekarang sudah mendapat malaria. Yang mana malaria ini boleh jadi satu benda yang orang New York tidak tahu pun, tidak kenal pun. Berapa generasi dah tetapi sekarang sudah ada nyamuk bawa malaria di New York. Jadi, penyakit ini ada yang berpusing-pusing – zaman ini dia hilang, zaman akan datang, dia akan datang semula. Ada juga penyakit baru yang diturun kepada manusia mengamalkan, menyelidik sesuatu perkara, ini konsisten dengan agama Islam kerana ilmu mesti dicari dan diselidik sentiasa. Dengan adanya penyakit, manusia mesti mencari ubatnya. Insya-Allah pada satu ketika nanti HIV pun boleh. Bahkan mungkin di Sarawak, ada ubatnya, pokok 'bintangau' umpamanya. Mungkin menjadi satu ubat HIV. Hanya yang belum kita dapat ialah penentuan secara research oleh pihak saintis-saintis di bidang ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong pindaan ini dan saya amat bersetuju iaitu definisi drug yang diubahkan iaitu hukuman yang telah dinaikkan selain daripada seksyen 10 yang dikata sepatutnya juga dinaikkan dan saya juga bersetuju iaitu pentakrifan baru medicinal purpose dimasukkan dalam undang-undang ini untuk meluaskan lagi bidang-bidang dan perkara-perkara yang dahulunya dalam undang-undang tahun 1952 yang diguna pakai hingga sekarang walaupun ada perubahan pada tahun 1989 sebenarnya tetapi ia belum mencukupi dan sekarang kita masukkan peruntukan baru termasuk untuk kegunaan.... ini....mencegah apa ini. [Disampuk] Ohh.. family planning. Ha... ini untuk family planning.

Ini juga saya tidak sebutlah kerana kita banyak takrif ini sepatutnya diberi dengan betul. Kalau di Sarawak, ada dua tiga macam takrif-takrif family planning ini. Tidak payah disebut di sini kerana mungkin tidak sesuai dimasukkan dalam *Hansard*. Tetapi, walau bagaimanapun bidangnya telah begitu luas sekali dan wajar sekali dimasukkan.

Jadi dengan kata-kata yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua saya berharap pihak kementerian, saya ulangkan sekali lagi sedikit perkara iaitu saya ingin agar Pusat

Penyelidikan dan Pengawalan Penyakit ini kita perluas dan kita besarkan bidangnya untuk penyiasatan untuk negara kita melonjak ke millenium yang akan datang atau abad yang akan datang dan penggunaan perubatan ataupun dadah untuk binatang-binatang makanan itu dikawal dengan rapi supaya tidak menjejaskan kesihatan masyarakat negara kita sama ada ini untuk makanan kita sendiri ataupun dijual ke luar negara, kita hendak barang jualan negara kita itu diterima negara lain dengan tidak ada persoalan kerana kawalan kita baik dan rapi dan kemasukan hukuman yang ditinggikan itu memang wajar dan patut dan saya harap pihak kementerian melihat lagi semula Seksyen 10 supaya hukumannya mungkin juga dinaikkan sedikit melainkan alasan yang kita tidak kisah sangat perkhabaran ini dikeluarkan secara menyeluruh. Soal-soal rahsia-rahsia penyelidikan dan pendapatan berhubung dengan dadah ini kepada awam oleh pegawai-pegawai yang diberi maklumat-maklumat yang sedemikian.

Jadi dengan kata-kata yang sedemikian, saya ingat ada dua tiga orang kawan, saya tengok Yang Berhormat itu hendak cakap tadi, jadi saya tunggu dia datang, bila saya tengok dia datang saya sekarang duduklah.

Terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Machang.

3.42 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suatu akta untuk meminda Akta Jualan Dadah 1952. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua kita mempunyai Akta Dadah Berbahaya dan Akta Jualan Dadah 1952.

Akta Dadah Berbahaya seperti yang ada sekarang lebih menumpukan kepada persoalan pemilikan dadah dan pengedaran dadah yang merupakan satu kesalahan jenayah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun dalam negara kita beberapa jenis dadah boleh dibekalkan dan tertakluk kepada suatu akta iaitu Akta Jualan Dadah yang dibuat dalam tahun 1952. Rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini ialah untuk memperkemas proses penjualan dan pemilikan berbagai-bagai jenis dadah yang boleh dimiliki oleh mereka yang dilesenkan untuk menjual dadah tersebut tetapi tertakluk kepada peraturan-peraturan Akta Jualan Dadah yang sudah sedia ada. Dan saya nampak tujuan akta ini ialah untuk memperkemas dan memperbaiki akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan akta ini pertamanya kerana menganggap bahawa dadah walaupun pemilikan dadah jenis keras ataupun hard drugs sama ada heroin atau morfin, ataupun pemilikan dadah yang dibenarkan di sisi perubatan, kedua-duanya kalau tidak dikawal Tuan Yang di-Pertua akan menyebabkan suatu bahaya yang amat besar kepada rakyat negara ini dan kepada masa depan dan generasi yang akan datang. Jadi sama ada ianya merupakan dadah jenis heroin, morfin atau jenis dadah terkawal yang boleh dijual oleh pengamal-pengamal perubatan ataupun farmasi ianya mestilah tertakluk kepada peraturan-peraturan tertentu sebab kita semua menerima hakikat bahawa dadah dalam apa bentuk sekalipun, jika tidak dikawal dan dibendung ataupun jika tidak dikenakan peraturan-peraturan tertentu akan memberikan suatu akibat dan kesan yang amat berat kepada rakyat, kepada negara dan generasi yang akan datang.

Saya tidak berhajat untuk membincangkan masalah penggunaan dadah berat yang tertakluk kepada Akta Dadah berbahaya, termasuk pengedaran dadah, pemilikan dadah yang tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Dadah Berbahaya yang ada misalnya Seksyen 39(b), Seksyen 6, Seksyen 12 dan sebagainya kerana itu semua kita sudah tahu dan tindakan-tindakan yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengawal dadah-dadah merbahaya ini adalah merupakan satu tindakan yang paling keras dalam sebuah negara di dunia ini pada pandangan saya kerana dalam konteks ini kita telah memperkenalkan hukuman mati semenjak lama dulu. Tetapi walaupun demikian kita tengok, walaupun kerajaan memperkenalkan hukuman mati sudah sekian lama tetapi jumlah mereka yang ditangkap di bawah Seksyen 39(b) kerana penyalahgunaan pengedaran dadah masih berlaku secara berterusan. Kita melihat akta tersebut dari

masa ke semasa dicabar di mahkamah. Ahli-ahli peguam seperti daripada Jelutong sentiasa membangkitkan isu-isu baru. Sehingga menyebabkan pada suatu peringkat akta tersebut terpaksa dipinda semula. Maklumlah undang-undang ini semua buatan manusia seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupa tadi bahawa undang-undang itu mesti berubah mengikut suasana dan keperluan keadaan tempatan dan jika ianya perlu dipinda maka kerajaan tidak akan teragak-agak untuk membuat pindaan supaya ianya sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa pada masa itu.

Akta Dadah Berbahaya dan akta-akta lain yang ada di bawahnya tidak kurang Tuan Yang di-Pertua mengalami cacat cela dan perlu dipinda dari masa ke semasa. Baru-baru ini Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan). Kalau tidak silap saya dalam Parlimen ini kita telah meluluskan pindaan kepada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) tetapi apabila pergi ke mahkamah banyak masalah yang berbangkit yang melibatkan keputusan-keputusan mahkamah, memerlukan undang-undang tersebut terpaksa dipinda. Saya tidak berhajat untuk menyentuh undang-undang itu kerana undang-undang di hadapan kita ini lebih relevan dan lebih sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berbangkit sekarang khususnya di negeri Kelantan dan Terengganu. Saya telah bangkitkan dalam Dewan ini banyak kali iaitu masalah penggunaan ubat batuk. Penggunaan ubat batuk atau codein. Codein dalam bentuk debu atau codein dalam bentuk cecair. Ia ada dua bentuk. Ubat batuk ini menjadi masalah kerana di bawah Akta Dadah Berbahaya yang sedia ada ianya bukan ditakrifkan sebagai satu dadah. Bukanlah merupakan dadah yang ditakrifkan di bawah akta yang sedia ada. Jadi masalah yang berbangkit ialah bagaimana pihak penguatkuasaan hendak membawa mereka ini ke muka pengadilan.

Saya telah cadangkan dalam Dewan ini kalau tidak silap saya pada tahun lepas semasa membahaskan pindaan Akta Dadah Berbahaya supaya mengklasifikasikan codein ubat batuk ini sebagai suatu jenis dadah di bawah Jadual 9 Akta Dadah Berbahaya dan dengan demikian memudahkan pihak pengawasan. Saya bangkitkan ini Tuan Yang di-Pertua kerana codein ini banyak betul penyalahgunaannya. Saya mempunyai pengetahuan misalnya beberapa klinik swasta di Kota Bharu yang secara terang-terang menjual ubat batuk ini kepada penagih-penagih dadah. Kalau pergi ke hospital ataupun klinik swasta mendapat satu botol ubat batuk itu munasabah untuk ubat batuk, tetapi kalau dua belas botol sekali jual, lima belas botol sekali jual ini sudah berlaku penyalahgunaan. Inilah yang perlu dikawal Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak berhajat untuk mendedahkan pengamal-pengamal perubatan ini tetapi kita mempunyai maklumat sebagai peguam yang aktif ke mahkamah sampai sekarang ini pun saya bertemu dengan keadaan-keadaan di mana terdapat klinik-klinik swasta yang menjualkan jumlah ubat batuk ini dalam keadaan yang melebihi. Oleh kerana bekalnya adalah mudah Tuan Yang di-Pertua, maka penyalahgunaan ubat batuk ini berleluasa di Kelantan. Cuba pihak kementerian mendapatkan maklumat yang tepat daripada pihak Kota Bharu. Saya percaya tiba kepada satu peringkat yang cukup membahayakan terutamanya di Pasir Mas, di Kota Bharu dan Rantau Panjang. Ini kawasan-kawasan di mana ubat batuk ini diperolehi dengan mudah dan kawalan cukup sukar untuk mengawal mereka ini kerana yang terlibat Tuan Yang di-Pertua ialah mereka yang pada hakikatnya dibenarkan oleh undang-undang untuk memiliki dadah berkenaan misalnya pengamal perubatan.

Pengamal perubatan memang dibolehkan undang-undang untuk tujuan perubatan tetapi pada masa yang sama telah menyalahgunakan lesen atau permit untuk memiliki dadah ini menyalahgunakan penjualannya dengan menjualkan jumlah kuantiti yang lebih dan kemudian disalahgunakan oleh anak-anak muda. Ini yang perlu dikawal. Jadi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua saya minta pihak kementerian mengkaji secara serius supaya meminda definisi dadah, mentakrifkan atau mengklasifikasikan codein ini juga sebagai dadah merbahaya.

Walaupun penggunaan codein dalam jumlah yang sedikit iaitu dalam jumlah 0.25ml ke bawah adalah merupakan bukan satu penggunaan yang merbahaya tetapi

jika lebih daripada itu ianya akan menjadikan satu penggunaan yang merbahaya. Tetapi oleh kerana codein ini telah disalah guna dan nyata telah disalahguna. Misalannya satu peraturan boleh dibuat supaya mereka yang dilesenkan untuk memiliki codein ini terutamanya pengamal-pengamal perubatan atau pihak farmasi dibenarkan hanya mempunyai jumlah codein tertentu dan dibenarkan membekalkan codein untuk pesakit-pesakit dalam jumlah yang terhad. Jumlah terhad maksud saya jumlah yang munasabah untuk mengubati penyakitnya, misalannya kalau batuk biasa satu botol mungkin munasabah tetapi kalau dua belas botol ubat batuk, ini bukan ubat batuk lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini makan pun sudah mengantuk. Satu gelen kadang-kadang. Satu gelen.

Selain daripada itu puncanya di Kelantan bukan sahaja daripada pengamal-pengamal perubatan ini yang menyalahgunakan codein ubat batuk ini kepada mereka yang ingin mendapat khayalan dalam dunianya sendiri sebabnya ubat batuk ini kalau diminum dalam keadaan tertentu ianya jadi khayal dan hasilnya minum ubat batuk ia akan keluar misalnya kalau buat urine test ialah morfin. Tetapi malangnya ubat batuk ini, codein ini sendiri tidak diklasifikasikan sebagai jenis dadah. Ini yang menjadi masalah. Sebab itu saya mencadangkan tahun lepas supaya penyalahgunaan codein ini diambil tindakan yang serius, pengawalan perlu dibuat.

Saya juga mencadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya pembekalan codein ini kepada pengamal perubatan yang berlesen. Itu yang kita tidak boleh elak. Saya bersetuju pihak kementerian mesti memberikan lesen kepada pengamal perubatan, doktor-doktor swasta seperti Kepong dan sebagainya ini dia perlu ada codein ini. Tetapi preskripsi ataupun jumlah pemberian ataupun jumlah pengedaran kepada pesakit mestilah dalam kuantiti yang terhad dan munasabah. Tidak boleh dalam satu jumlah yang membolehkan penyalahgunaan terhadap ubat batuk ini berlaku.

Punca yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah pengimportan daripada luar terutamanya dari sebelah Siam. Pernah ditangkap sampai satu lori ubat batuk Tuan Yang di-Pertua. Tindakan-tindakan ini adolah jelas bahawa berlaku penyalahgunaan ini. Saya percaya kalau ada pihak pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan yang pernah bekerja di Kelantan memang mengakui hakikat bahawa penyalahgunaan codein di Kelantan ini adalah merupakan satu perkara yang amat serius. Bila kita pergi ke mahkamah kita tengok mereka ini, anak-anak muda ini ditangkap dan direman dihantar untuk urine test, dihantar ke pusat pemulihan. Boleh dikatakan kerja pihak penguasaan bertali arus dan yang lebih malangnya lagi Tuan Yang di-Pertua ialah orang Melayu luar bandar yang tidak ada kerja yang hendak mencari kesenangan sementara dengan cara yang mudah mendapat khayalan dalam dunianya sendiri dan cara yang cepat dan mereka menyalahgunakan ini.

Jadi saya sekali lagi hendak mencadangkan supaya pihak kementerian memandang serius kepada perkara ini dan saya juga hendak mendapatkan maklumat daripada pihak kementerian, sampai sekarang sudah berapa pengamal-pengamal perubatan ini yang ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan kerana menyalahgunakan ubat batuk ini, menjual ubat batuk atau codein ini secara berleluasa. Saya faham memang banyak tangkapan dibuat tetapi perkara ini masih lagi berlaku. Saya pernah berjumpa dengan pelanggan saya sendiri. Saya tanya di mana dapat, dia boleh beritahu, dia kata dapat di kedai ini, di klinik swasta ini dengan mudah sekali Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sebab itulah peraturan-peraturan untuk meminda Akta Jualan Dadah ini perlu diperkemas. Perlu diperkemas ini supaya menjadikan pengedaran melalui cara yang sah ini juga diperketatkan. Kita semua tahu dan menerima hakikat ini bahawa penyalahgunaan dadah walaupun codein walaupun ianya bukan merupakan dadah merbahaya tetapi jika kita biarkan secara berterusan, ianya akan menjadi suatu bahaya yang amat besar dan kerajaan juga mesti lihat ianya menjadi suatu racun yang meracuni fikiran rakyat. Racun ini bukan sahaja dadah, Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini racun daripada pihak pembangkang kepada rakyat pun makin bahaya, Tuan Yang di-Pertua.

Ini pun juga perlu diambil kira dalam soal meracuni fikiran rakyat, bukan sahaja dadah, jangan kita kata hanya dadah boleh meracuni fikiran rakyat sehingga menjadikan generasi kita generasi yang tidak boleh memberi apa-apa makna kepada negara dan bangsanya. Tetapi racun-racun fitnah, racun-racun pembohongan yang didedahkan kepada rakyat ini juga jika dibiarkan tanpa batasan akan menjadikan rakyat negara ini ialah rakyat yang suka menyebarkan fitnah dan fikirannya adalah tertutup, kaku dan beku, ini pun perlu dilihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan Macang tentang racun yang boleh dimadu dan dara yang boleh merosakkan bangsa dan negara ini. Ini yang menggunakan imuniti mahkamah ini, meracuni rakyat ini. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Semasa dibahaskan tadi Yang Berhormat Jelutong bangun tadi, saya bangun untuk bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Mengikuti Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dia kata tadi, "seorang peguam bila hadir mahkamah mempunyai imuniti". Saya minta maaf saya tidak bersetuju dengan pendapat ini. Seorang peguam menghadiri mahkamah tidak mempunyai imuniti.

Tuan Yang di-Petua, dalam negara ini tidak ada siapa pun immune, malah raja-raja Melayu pun tidak immune. Kita Ahli-ahli Parlimen tidak immune, kita Ahli-ahli Parlimen walaupun bebas bercakap dalam Dewan ini, tetapi kita tertakluk kepada peruntukan Akta Hasutan, kita tidak boleh membincangkan Akta Hasutan. Dengan kata lain, "tidak ada siapa pun dalam negara ini yang immune dari segi tindakan undang-undang", apatah lagi peguam yang hadir di mahkamah. Memang berbicara menyebarkan fakta kepada mahkamah tidak apa, tetapi kalau menuduh, misalnya membuat tuduhan ini adalah suatu pakatan jahat pemimpin atasan untuk membunuh bekas Timbalan Perdana Menteri, ini adalah suatu tuduhan yang amat bahaya, suatu racun yang amat bahaya kalau kita tidak bendung sebab itu beberapa laporan polis sudah dibuat, Yang Berhormat bagi Rompin. Beberapa laporan polis sudah dibuat dan kita ingin tahu apa hasil daripada penyiasatan ini. Ini juga racun selain daripada [Disampuk].

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan, sebab ini

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Nanti saya habiskan ayat ini. Selain daripada rakan-rakan misalnya daripada PAS dan sebagainya cukup-cukup bahaya, Tuan Yang di-Petua. Saya pernah mendengar racun, saya hendak sebut ini contoh racun sebab ini pun bab racun juga. Misalnya seorang penceramah PAS berucap dalam suatu majlis di Tumpat. Ia bangun berucap ia kata, "tuan-tuan dan puan-puan, sesiapa yang merasa kecil hati dan didosai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, minta maafilah kepadanya, sebab ia sekarang sedang nazak". Boleh ia berucap begitu dalam suatu majlis semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri balik daripada menunai fardu haji dan sakit. Ia kata, "dokter, seorang pun tidak boleh jumpa hendak mati bila-bila masa sahaja". Dalam ceramah ia boleh cakap, mendoakan orang Islam lain supaya mati cepat, itulah hakikatnya. Ini juga racun yang amat bahaya. Racun-racun seperti ini yang terdapat dalam *Harakah* cukup banyak, Tuan Yang di-Petua, racun-racun fitnah. Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Machang tentang Akta Hasutan. Bermakna seseorang yang mengeluarkan sesuatu kenyataan yang boleh dianggap sebagai menghasut ia boleh diambil tindakan sama ada beliau itu di Parlimen atau di mana-mana dalam negara ini termasuk di mahkamah. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Machang sedikit.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Benar itu, Tuan Yang di-Petua. Sebab itu saya katakan tadi memang benar itulah hakikatnya. Kalau kita dalam Dewan ini tidak immune daripada Akta Hasutan, kita masih ingat seorang Ahli Parlimen yang pernah dituduh di mahkamah iaitu kalau tidak silap saya bekas Yang Berhormat Saudara Mark Koding - saya boleh sebut nama sebab ia bukan Ahli Parlimen lagi sekarang. Ia dituduh di mahkamah kerana menyentuh perkara-perkara yang tersentuh di bawah Akta Hasutan. Kalau tidak silap saya pada masa itu ia membangkitkan masalah Sekolah Tamil, kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Petua. Ia sudah dituduh di mahkamah dan dihukum.

Kalau kita Ahli-ahli Parlimen ini tidak immune, apakah pula seorang peguam di mahkamah. Saya tahu, saya sendiri peguam, saya bimbang. Kalau ia mendapat arahan daripada pelanggannya, mendapat maklumat yang tidak betul barangkali boleh dimaafkan. Tetapi kalau ia sahaja menggunakan forum, menambah cerita-cerita yang tidak betul untuk membangkit sesuatu perkara yang begitu sensitif dan akhirnya meracuni fikiran rakyat negara ini, tindakan tegas perlu diambil.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Ibrahim bin Ali]: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak apalah, beri juga.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tanya pandangan Ahli Yang Berhormat, sebagai seorang pengamal undang-undang yang bertanggungjawab dan bukan bersifat sebagai seorang Ahli Pembangkang. Memang sukar untuk kita untuk mengawal mana-mana pihak dalam dunia politik yang mengamalkan demokrasi. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju cara yang paling baik untuk kita menangani masalah yang disebut oleh Yang Berhormat ialah kita menentukan supaya pengamal undang-undang iaitu peguambela dan penguamcara sekurang-kurangnya peguambela, sekarang ini kita ada advocate dan solicitor, iaitu mereka yang dipilih menjadi Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri, dalam tempoh berkenaan mereka tidak diizinkan untuk menjadi pengamal peguambela sebagai advocate, dikecualikan sebagai solicitor sahaja bagi menentukan mereka ini hanya mempunyai satu platform sahaja. Kalau anggota Dewan Rakyat tidak boleh menggunakan mahkamah untuk tujuan politik dan sistem ini diamalkan di United Kingdom.

Apakah Yang Berhormat sebagai ahli peguam boleh bersetuju dengan pandangan saya ini sebab walaupun kita ada akta menghina mahkamah yang akan diwujudkan nanti, tetapi agak sukar di dalam dunia politik sebab apabila diambil tindakan kita akan dituduh menghalang kebebasan, kita akan dituduh tidak demokratik dan seumpamanya. Yang paling baik kita menentukan sistem ini berjalan dengan lancar dengan menentukan dengan tidak ada mana-mana pihak mempunyai dua kedudukan dalam satu masa yang sama "the conflict of interest" yang saya maksudkan. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Tuan Yang di-Petua, susah saya hendak jawab soalan ini kerana ianya menyentuh saya juga, itu yang susah itu. Kalau saya terima cadangan Yang Berhormat bagi Pasir Mas saya pun terpaksa tidak boleh pergi mahkamah lagi, Tuan Yang di-Petua, "that's my bread and butter". *[Ketawa]* Saya an advocate, saya peguam yang selalu ke mahkamah, boleh kata turun-naik ke mahkamah. Jadi, kalau kerajaan membuat keputusan begitu, saya terpaksa menerima hakikat pada masa itu sama ada saya hendak berhenti jadi ahli politik atau terus hendak jadi peguam, saya akan buat begitu. Walau apapun, saya hendak jawab susah kerana menyentuh peribadi saya, Tuan Yang di-Petua.

Selain daripada Yang Berhormat Jelutong, saya rasa dalam Dewan ini sebelah BBC, penyokong kerajaan, saya yang paling aktif barangkali ke mahkamah selain daripada Yang Berhormat Jelutong, tetapi kalau itu keputusan dibuat oleh

kerajaan, saya hormat dan saya juga terpaksa membuat keputusan masa itu. Tidak boleh pergi sama ada hendak berhenti politik ataupun hendak berhenti jadi peguam.

Tuan Yang di-Petua, walau bagaimanapun seorang peguam yang bertanggungjawab hadir ke mahkamah, kita berbabas mengenai fakta, fakta dalam sesuatu kes tetapi tidak boleh menggunakan mahkamah untuk mencari kepentingan lain, politik ataupun suatu modal politik yang murah. Ini tidak profesional namanya. Apatah lagi dengan membangkitkan suatu tuduhan yang amat berat.

Saya terbaca salah satu ayat yang ia baca, saya baca dalam akhbar, Tuan Yang di-Petua. Ini ialah satu pakatan pihak atasan untuk membunuh Saudara Anwar Ibrahim - maaf, walaupun ia masih Ahli Parlimen, iaitu untuk membunuh bekas Timbalan Perdana Menteri. Tuduhan ini cukup liar dan kalau ia tidak boleh mengemukakan bukti, ini adalah tuduhan yang amat serius, Tuan Yang di-Petua. Maknanya ada satu komplot dalam kerajaan negara ini. Pihak atasan siapa lagi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, Ketua Polis Negara, Peguam Negara. Ini pihak-pihak atasan yang mengendalikan kes-kes ini.

Tuduhan sedemikian cukup berat, Tuan Yang di-Petua. Sebab itu saya menggesa supaya oleh kerana laporan polis sudah dibuat, tindakan mesti diambil dan penyiasatan mesti dibuat. Kita tidak boleh membiarkan perkara-perkara seperti ini kerana kita menggadaikan masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Petua, baru-baru ini racun baru pula keluar. Seorang Naib Presiden Keadilan membangkitkan isu 13 Mei. Sebenarnya kita rakyat Malaysia, sejarah hitam ini kita sudah lupa. Kita sudah mula era baru. Kita sudah lupa titik hitam ini, kita tidak mahu bangkit kerana jika kita bangkit titik hitam ini ianya akan memporak-peranda, menghancurkan negara ini. Tetapi ada lagi rakyat Malaysia yang suka membangkitkan perkara-perkara seperti ini yang akhirnya menjejaskan perpaduan dan harmoni kaum dalam negara ini.

Ini juga pada saya, racun ini tidak boleh dibiarkan, dadah ini tidak boleh dibiarkan. Dadah-dadah jenis ini Tuan Yang di-Petua, lebih bahaya daripada dadah heroin dan morphine. Heroin, morphine kalau ia makan untuk dirinya sahaja. Tetapi racun dan dadah seperti ini akan menyebabkan perkauman masalah harmoni kaum dalam negara kita yang ada sekarang yang sama-sama kita tatang seperti minyak yang penuh kerana peristiwa 13 Mei cukup memberi pengajaran kita tetapi kerana hendak menang dalam pilihan raya bangkit pula isu ini, Tuan Yang di-Petua. Laporan polis juga sudah dibuat dan di dalam mengenakan tindakan undang-undang, Tuan Yang di-Petua.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja, untuk pandangan Yang Berhormat, seriusnya tuduhan Naib Presiden ADIL ini, menuduh juga satu institusi yang tidak terlibat dalam politik, satu institusi yang penting dalam negara, institusi keselamatan negara, menuduh institusi ini terlibat. Saya rasa sudah melangkah kepada line ataupun garis yang patut dibiarkan. Saya minta pandangan Yang Berhormat Machang.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Ya, saya setuju, Tuan Yang di-Petua. Tuduhan ini saya percaya cukup berat untuk dipikul oleh seluruh anggota polis dalam negara ini. Mereka ini yang berkorban, yang ada 'kambing hitam' dalam polis pun ada. Kita tidak dapat nafi. Perbuatan seperti bekas Ketua Polis Negara, itu kita terima. Saya sendiri sudah bercakap dalam Dewan ini. Siasat, bawa ke muka pengadilan tanpa mengira bulu, kita bersetuju. Tetapi membuat tuduhan pukal ke atas anggota polis negara ini sebagai mereka yang bertanggungjawab membiarkan peristiwa 13 Mei adalah suatu tuduhan yang cukup kurang ajar dan tidak bertanggungjawab, Tuan Yang di-Petua.

Polis menjalankan tugas kita tahu dan saya minta pihak anggota polis jangan takut kepada ugutan seperti ini. Artikel 8 Perlembagaan Negara mengatakan, semua orang - saya minta maaf, saya complete ayat. Artikel 8 Perlembagaan Negara

mengatakan, "bahawa semua orang sama rata di sisi undang-undang, tidak kira ia Timbalan Presiden Keadilan, tidak kira ia anak Menteri Besar Kelantan, saya bangkitkan anak Menteri Besar Kelantan. Bila Rahim Noor pukul Anwar Ibrahim, orang PAS jaja peristiwa ini seluruh negara, kondem seluruh negara.....

Seorang Ahli: Rahim Noor.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Rahim Noor dituduh di mahkamah. Sekarang tidak sampai satu tahun anak Menteri Besar Kelantan pukul orang, lima jahitan di kepala Tuan Yang di-Petua, apa tindakan diambil? Benda ini tidak boleh diam diri. Ini bukan compoundible case di bawah seksyen 323. Ini kes di bawah seksyen 324. Seksyen 324 walaupun si pengadu, ayah pengadu bersetuju untuk menyelesaikan di luar mahkamah memang mereka tidak ada kuasa. Yang ada kuasa ialah Timbalan Pendakwa Raya. Kes ini ialah kes yang boleh ditangkap tanpa waran dan mesti dituduh di mahkamah. Jangan kira ia anak Menteri Besar Kelantan sebab orang PAS juga mendewa-dewakan perkara sama, Perkara 8 di bawah Perlembagaan. Itulah Allah Taala Maha Kaya. Ia tuduh orang lain, anak ia sendiri kena pukul.

Seorang Ahli: Memukul.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Ya, memukul. Memukul - lima jahitan, guru apa ini, Tuan Yang di-Petua. Pukul anak murid sampai lima jahitan. Sebab itu saya tidak hairan pasal satu masa ia buat jaminan bahawa ia berkawan dengan syaitan, ini hasilnya. Orang guru biasa tidak buat perbuatan seperti ini Tuan Yang di-Petua, lima jahitan berlaku. Ini kita minta pihak polis jangan diam diri. Saya hendak tindakan mesti diambil, keputusan mesti dibuat, yang bersalah mesti dituduh di mahkamah. Tidak kira ia anak Menteri Besar atau tidak Menteri Besar. Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang.

Kalau pemimpin-pemimpin UMNO boleh menuduh pemimpin UMNO di mahkamah, memberi laluan luas kepada BPR dan badan-badan lain untuk membawa pemimpin UMNO ke mahkamah, Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan mesti bersikap fikiran terbuka menerima hakikat ini, Tuan Yang di-Petua, sebab semua proses undang-undang akan berjalan ke atas semua pihak tanpa mengira pangkat dan darjat sama ada ianya seorang Menteri Kabinet pernah dituduh dalam negara ini kerana pernah membunuh, beberapa orang Menteri Besar pernah dituduh kerana rasuah, itu sikap Barisan Nasional mesti ada keterbukaan dan bila bekas Ketua Polis Negara memukul Anwar Ibrahim macam-macam dakyah dibawa ke tempat luar. Mereka kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri arah pukullah, macam-macam, suatu benda yang tidak munasabah.

Kalau itu hujah yang diguna oleh pembangkang, nyatalah sekarang bahawa anak Nik Aziz memukul anak muridnya diarah oleh Nik Aziz sendiri. Kalau kita kata begitu, macam mana? Tentulah mereka tidak boleh terima. Saya pun akui takkanlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar hendak arah suruh pukul anak murid, bodohlah kalau bertindak macam itu. Samalah dengan hakikat apabila bekas Ketua Polis Negara melakukan tindakan kekasaran ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri takkanlah arahan itu datang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak munasabah langsung. Takkanlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebodoh itu. Tetapi orang PAS boleh menyebar berita mengatakan ini pakatan. Tindakan ini atas arahan pihak-pihak tertentu. Macam-macam fitnah dibawa ke peringkat bawah.

Tuan Yang di-Petua, racun-racun ini mesti dibendung dan racun yang paling bahaya ialah racun yang disebarkan oleh akhbar *Harakah*, kalau tidak silap.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapatkan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Machang. Saya bersetuju semua pandangan Yang Berhormat, tinggal lagi kerajaan kita sekarang ini seperti 'telur di hujung tanduk'. Seperti kata Yang Berhormat kita mesti mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen Jelutong kerana pandangan Yang Berhormat dalam mahkamah pun tidak ada ammuny. Laporan polis telah dibuat, kenyataan Marina Yusof yang berbau

perkauman, anak Menteri Besar Kelantan yang menjadi guru memukul anak murid, semua ini Yang Berhormat gesa supaya kita mengambil tindakan.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, jika kerajaan mengambil tindakan dengan peruntukan undang-undang yang ada tentu banyak pihak akan membuat eksploitasi pula nanti dengan menuduh bahawa tindakan-tindakan ini adalah arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan kita diktator, kerajaan kita tidak ada kebebasan, kerajaan kita mengamalkan pendakwaan terpilih, macam-macam tuduhan terutamanya surat khabar-surat khabar dari luar negara kita ataupun majalah-majalah yang tidak berlesen sekarang ini. Jadi inilah kesukaran yang dihadapi oleh kerajaan, mereka bangkit pula isu human right, demokrasi dan sebagainya.

Jadi bagaimana cara yang terbaik untuk kita menangani masalah ini. Saya tidak nampak masalah untuk mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen Jelutong. Saya tidak nampak ada masalah sedikit pun dalam penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap Marina Yusof ataupun untuk mengharamkan *HARAKAH* pada pihak kerajaan, tetapi bagaimana reaksi rakyat sekarang ini yang sudah terkeliru begitu jauh yang nanti kalau diambil tindakan dikatakannya kita yang zalim.

Maka sebab itu dalam soal menangani masalah ini, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat apakah cara terbaik supaya kredibiliti kerajaan kita tetap terkawal, terjamin kewibawaannya dan tidak dituduh bahawa sebarang tindakan yang diambil itu ialah kerana arahan daripada pucuk pimpinan ataupun daripada parti pemerintah yang dituduh kononya rakus atau seumpamanya.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Solusi yang paling baik dan yang terdekat pada saya, bekerja kuat memastikan semua calon pembangkang daripada PAS dan DAP kalah dalam pilihanraya akan datang. Itu solusi yang terbaik untuk masa depan. Tetapi Yang Berhormat, dalam kita menguatkuasakan undang-undang kita jangan rasa takut. Saya tabik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya melihat wawancara beliau dengan sebuah siaran televisyen di Amerika, secara spontan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Memang saya sendiri pun tahu tuduhan masyarakat antarabangsa ke atas kita cukup hebat, PAS apatah lagi, DAP apatah lagi, memang hebat. Tetapi saya nampak dalam negara kita akhir-akhir ini rakyat sudah mula sedar. Pembohongan-pembohongan, fitnah demi fitnah, dakyah demi dakyah di bawah rakyat sudah mula sedar dan mereka sudah mula memikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal penguatkuasaan undang-undang pada saya, kita tidak boleh memilih bulu, kita tidak boleh memilih suasana, yang tetap diambil tindakan kita mesti ambil tindakan. Tetapi yang terbaik pada saya buat masa ini oleh kerana pilihanraya bila-bila masa sahaja yang terbaik ialah supaya semua wakil rakyat Barisan Nasional dan pendokong kerajaan bekerja habis-habisan memastikan bukan sahaja kerajaan Kelantan jatuh tetapi semua mereka yang mewakili pembangkang ini tidak menang dalam pilihanraya akan datang ini. Saya percaya ini boleh dilakukan kerana rakyat sudah mula sedar tentulah mereka ini yang menjadi anehnya, ini konsep ataupun racun yang paling bahaya sekali ialah mendahului keputusan mahkamah. Ini satu trend yang cukup bahaya. Sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman dia telah menjatuhkan hukuman, ini cukup bahaya. Apa pun keputusan yang dibuat oleh mahkamah, dia tidak boleh terima sebagai keputusan yang dibuat melalui proses undang-undang. Bila salah semua mahkamah yang buat. Yang hairannya bila tidak salah dia tidak puji pula mahkamah, dia tidak puji pula kerajaan, tetapi bila salah dia kata mahkamah tidak adil, itu tidak adil, ini tidak adil. Perjuangkan konsep keadilan apa yang dia perjuangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keadilan ianya adalah subjektif, saya hendak sebut seperti sekarang ini, adilkah pegawai-pegawai kerajaan yang makan gaji dengan kerajaan tetapi menentang kerajaan. Saya hendak tanya, kalau kita kira dari segi keadilan memang tidak adil. Misalnya guru-guru di Kelantan ramai yang menentang kerajaan, kita tahu pegawai-pegawai kerajaan, doktor-doktor sendiri, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, saya boleh beri nama doktor-doktor yang menentang

kerajaan secara terbuka. Di negeri Kelantan Pembantu Hospital yang menentang kerajaan secara terbuka duduk di Kelantan, bergiat di Kelantan secara aktif, adilkah mereka ini bekerja dengan kerajaan kemudian menentang kerajaan. Kemudian ada pula mereka yang menyokong kerajaan duduk di luar hendak balik ke Kelantan tidak dapat, yang ada di Kelantan hentam kerajaan tetapi yang menyokong kerajaan duduk di luar untuk balik ke Kelantan kita nafikan, tentulah tidak adil. Yang adilnya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menentang kerajaan di Kelantan ini tukar ke luar dan yang itu bawa balik ke Kelantan, itu baru adil.

Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan terkejut seorang doktor pakar dari Hospital Kota Bharu akan menjadi calon PAS dalam pilihanraya akan datang. Lama sudah kegiatan-kegiatan ini bergerak, dia akan menjadi calon PAS dalam pilihanraya akan datang. Maknanya beraninya dia bergiat cergas walaupun dia pegawai kerajaan. Saya percaya ramai lagi guru yang akan menjadi calon PAS dalam pilihanraya akan datang. Misalnya dalam pilihanraya kecil Pulau Chondong tahun 1995, seorang pensyarah dari ITM Kelantan menjadi calon PAS, maknanya dia boleh bergerak dengan bebas sebelum daripada itu, walaupun dia makan gaji dengan Kerajaan Persekutuan. Seorang Pembantu Perubatan ditempatkan saya, di kawasan Parlimen saya sendiri, bekerja di Kota Bharu menganjurkan ceramah PAS secara terbuka menentang kerajaan.

Saya tidak hendak bertindak zalim tetapi kalau perbuatan-perbuatan ini yang sudah begitu melampau sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti pandang, kalau tidak, kalau perkara-perkara seperti ini dibiarkan – yang anehnya dia boleh cabar pula kita, “tengok aku menentang kerajaan apa dia boleh buat.” Dia kata kalau hendak tukar, tukarlah ke mana pun jangan tukar ke tempat tidak ada air dan rumah, hendak tukar ke kilang mana, dia pun tahu, begitu sekali berani, tentulah perbuatan-perbuatan tidak adil.

Saya membangkitkan kakitangan hospital ini kerana rang undang-undang bersabit dengan Kementerian Kesihatan. Memang ramai, kalau hendak nama pun saya boleh berikan tetapi sampai hari ini kita tidak bertindak, saya sendiri tidak bertindak kita cuba beritahu untuk menyedarkan mereka, adalah tidak adil. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan adalah seorang pegawai kerajaan yang bertugas dengan kerajaan mesti mematuhi peraturan kerajaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah mengalami satu masa saya bangkitkan dalam Dewan ini dan saya mengucapkan syabas kepada pihak Imigresen kerana mengambil tindakan tegas. Apabila saya pulang dari satu persidangan antarabangsa melalui Kuala Lumpur International Airport suatu pagi, saya tunjukkan passport saya, dia tanya Ahli Parlimen dari mana, PASKah atau UMNO. Bila saya sebut UMNO, dia kata ‘UMNO is not relevant anymore’. Saya bangkitkan dalam Dewan ini pihak Imigresen panggil dia, Alhamdulillah, sebulan lepas dia tulis surat kepada saya minta maaf, dia sudah sedar sekarang ini. Beri pengajaran kepada dia, secara terbuka dia menulis surat kepada saya, minta maaf. Saya seorang Islam pemaaf, saya maafkan. Tidak perlu apa-apa tindakan diambil. Ini penting yang kita mesti memberi kesedaran kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada masalah rang undang-undang yang berada di hadapan kita dan masalah racun tadi. Trend yang berlaku dalam negara kita ini cukup bahaya. Saya sudah menyatakan berkali-kali, jika perkara-perkara yang sedang berlaku ini tidak dibendung, saya bimbang kita akan kehilangan kenikmatan, kedamaian dan perpaduan yang kita kecapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang tidak tahu apa, yang tahunya hendak mengambil alih kerajaan sahaja. Dia tidak fikir kalau perlu tukar, kita hendak tukar kerajaan boleh, kita ada proses demokrasi kalau hendak tukar guna pilihanraya, jangan hendak tukar kerajaan melalui berarak di tepi-tepi jalan. Sebab yang akan menerima bahaya dan akibat termasuk orang-orang yang tidak berdosa, itu cukup bahaya dan dakyah-dakyah yang berlaku seperti ini adalah suatu tuduhan yang pada kita jika tidak dibendung ianya akan menyebabkan masyarakat kita, negara kita akan

hanyut bersama dengan hanyutnya gagasan parti pembangkang dalam pilihanraya akan datang, Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Perkataan dadah telah dimasukkan, sekarang ini masalahnya ialah perkataan dadah ataupun produk yang dimasukkan untuk digunakan bagi kegunaan manusia tetapi undang-undang yang ada sekarang tidak termasuk untuk penggunaan kepada haiwan sebab itulah Seksyen 2 ini memperluaskan tafsiran ini supaya meliputi haiwan. Ini pun saya sokong kerana penggunaan dadah kepada haiwan jika tidak dikawal akan menyebabkan banyak masalah penyakit yang akan berlaku. Misalnya penggunaan, yang paling penting dalam konteks ini ayam kerana untuk membesarkan ayam ini dengan begitu cepat kerana hendak untung cepat macam-macam injection diberikan dan hasilnya akan memberi kesan ialah ke atas pengguna nanti. Selain daripada ayam yang paling banyak baru-baru ini, kita dapati ialah khinzir, penggunaan-penggunaan dadah yang tidak terkawal ini kepada binatang-binatang ini jika tidak dikawal akan menyebabkan kesihatan rakyat negara ini terjejas. Sebab itu saya menyokong supaya pindaan yang ada sekarang, takrif dadah sekarang ini bukan sahaja ditafsirkan sebagai bahan untuk penggunaan kepada tubuh badan manusia tetapi termasuk juga penggunaan kepada binatang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini yang banyak ialah penggunaan dadah ini kepada ternakan ayam, ternakan khinzir, ternakan lembu, kerbau dan biri-biri kerana barangkali pengusaha-pengusaha berhasrat untuk mencapai keuntungan dalam masa yang cepat mereka ini tanpa mengambil kira kepentingan mereka dan hukuman yang dikenakan cukup berat. Memang bila berlaku wabak kerajaan terpaksa membelanjakan wang banyak, adalah 'prevention is better then cure', dengan izin, mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Dengan mengenakan hukuman yang berat ini supaya mereka ini sedar tentang penyalahgunaan dadah bukan sahaja kepada manusia tetapi kepada haiwan ini jika tidak dikawal ianya juga akan menyebabkan bahaya yang tidak kurang hebatnya kepada rakyat negara ini dan kepada negara keseluruhan ini. Sebab itu pertambahan untuk menaikkan jumlah hukuman, kesalahan pertama kalau tidak silap saya RM25,000, kesalahan kedua RM50,000 adalah satu jumlah yang jika dapat dikuatkuasakan dengan baik ianya akan mendapat suatu pengajaran kepada mereka ini dan seterusnya tidak melakukan kesalahan yang sama atau tidak akan melakukan kesalahan berbentuk seperti yang telah ditakrifkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang membimbangkan saya ialah setiap kali bila rang undang-undang diluluskan dalam Parlimen ini sama ada ianya bersabit dengan rang undang-undang Imigresen, sama ada ianya bersabit dengan rang undang-undang Akta Dadah, Penjualan Dadah atau apa-apa sahaja undang-undang yang saya bimbang ialah penguatkuasaan. Ini yang saya bimbang. Tidak ada makna jika kita mempunyai undang-undang yang kemas, undang-undang yang keras tetapi jika penguatkuasaannya lemah. Undang-undang yang tidak dapat dikuatkuasakan seolah-olah tidak ada undang-undang. Tidak ada makna kalau kita mempunyai peruntukan undang-undang yang begitu tegas tetapi kalau proses penguatkuasaannya lemah. Dalam konteks ini saya ingin tahu, pegawai-pegawai kesihatan yang membawa tindakan sama ada di bawah Food Act (Akta Makanan) dan sebagainya ini sangat kurang. Bukan sahaja kurang, tetapi kurang pengalaman.

Hendak bawa kes ke mahkamah kadang-kadang tidak dapat kerana kurang pengalaman pendakwaan ataupun kursus-kursus pendakwaan yang dikendalikan dan kini tambah lagi satu Akta yang lebih ketat lagi, tentulah beban mereka akan bertambah. Misalannya pegawai penguatkuasa di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terpaksa menguatkuasakan 8 akta, 8 akta yang berkuatkuasa dengannya. Saya percaya pegawai penguatkuasa di bawah kementerian Yang Berhormat juga terpaksa menguatkuasakan banyak rang undang-undang seperti Food Act, (Akta Makanan) yang terpaksa dikuatkuasakan. Akta Racun dan banyak lagi akta yang mesti dikuatkuasakan. Jadi setimpal dengan undang-undang yang akan diluluskan ini, pihak kementerian mesti menyiapkan diri dengan pegawai-pegawai kesihatan dan pegawai-pegawai pendakwa yang terlatih bagi membolehkan

mereka ini membawa kes ke mahkamah dan penguatkuasaan akan berjalan dengan baik.

Saya tekankan perkara ini kerana seperti yang saya katakan bahawa tidak ada makna apa-apa pun jika kita mempunyai undang-undang yang baik, undang-undang yang tegas tetapi bila penguatkuasaan tidak berkesan ia akan menjadi secebis kertas yang tidak berguna. Sebab itu saya tekankan, setiap kali bila rang undang-undang dikenakan, walaupun hukuman berat dikenakan tetapi jika penguatkuasaan ini tidak sistematik, tidak mudah, tidak telus ianya akan menjadi suatu undang-undang yang tidak akan membawa apa-apa makna seperti yang telah dimaksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengulas ataupun menggulung ucapan, saya berharap cadangan-cadangan yang telah saya kemukakan tadi terutamanya dalam aspek codein, suatu kajian yang serius, suatu kajian yang teliti perlu dibuat dan jika perlu suatu pindaan mesti diselaraskan dengan pihak Kementerian Dalam Negeri supaya takrif dadah tadi dapat diklasifikasikan juga codein yang sekarang ini tidak termasuk di bawah penguatkuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Buntar.

4.27 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya akan hanya mengambil masa yang sedikit sahaja Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap cadangan ini sebab seperti mana yang dijelaskan Yang Berhormat Menteri tadi, ia bertujuan untuk mengambil kira perubahan-perubahan yang berlaku sejak tahun 1992 dahulu apabila Akta Ibu diluluskan. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Seksyen (2)(b) berhubung dengan takrif "drug" yang diberikan di dalam rang undang-undang ini yang saya petik "includes any substance, product or article intended to be used or capable, or purported, or claimed to be capable, of being used on humans or any animal, whether internally, for a medicinal purpose," dan kemudian diberi pula takrif tentang "medicinal purpose", dalam bahagian (c), pecahan (a) sehingga (g) tetapi jelas daripada takrif ini saya rasa ia agak liberal sedikit dan langsung tiada mengandungi pengecualian terhadap ubat-ubatan tradisional. Saya ingin tahu di mana letaknya ubat-ubatan tradisional dan di bawah akta manakah penyalah lakuan tentang penjualan ubat-ubat tradisional diambil kira.

Dalam satu soalan semasa Soal Jawab di dalam Dewan yang mulia ini yang saya kemukakan kepada Kementerian Kesihatan, menurut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan dalam sesi yang lalu, ubat-ubat tradisional itu diiktiraf sebagai ubat oleh Kementerian Kesihatan dan diantara bahan-bahan yang disebut sebagai ubat-ubat tradisional termasuklah - herbal medicine, ubat-ubat tradisional dan yang agak menarik ialah tentang apa yang disebut sebagai majun dan hatta air jampi pun menurut definisi yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan dianggap sebagai ubat tradisional.

Memang dari satu segi kita lihat, kalau ubat-ubat, kalau drug atau ubat-ubat itu dianggap sebagai satu substance yang bertujuan untuk dengan izin "elevating, treating, curing or preventing a disease pathological condition or symptom of a disease," air jampi pun memanglah dari satu segi bertujuan untuk curing ataupun memulihkan sesuatu penyakit. Begitu juga dengan majun. Jadi saya tidak tahu sama ada ini termasuk dalam definisi drug ini ataupun tidak. Kalau tidak kenapa tidak di sebut di dalam exclusion clause yang khusus. Kalau ya, ia mungkin menimbulkan masalah. Sebab saya teringat satu kes semasa Pilihanraya Umum tahun 1995 dahulu, ada seorang kawan kerana dia terpaksa untuk berjaga malam untuk kempen, jadi dia pun diperakukan makan satu majun yang dimanufacture ataupun dibuat dalam satu perusahaan back-yard industri di Hulu Klang. Ia dalam botol, dikatakan untuk kuat

tetapi sebenarnya menurut kawan yang makan ini memang, bila dia makan majun ini dia boleh tahan tidak tidur, tidak rehat selama sepuluh hari sepuluh malam. Tidur sejam, dua jam sahaja satu malam dan dia memang sihat tidak ada pun sakit, tidak ada pun demam. Saya ingat kira-kira dua minggu selepas pilihanraya itu badan dia naik, gemuk., Dia telah menghadapi masalah peningkatan berat badan. Pipi pun kembong. Jadi apabila majun ini sample nya dihantar ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya dan ujian yang dibuat ini mendapati majun ini mengandungi steroid. Patutlah dia kuat dan dia tidak rasa penat.

Inilah maksud saya kalau perkara-perkara ini tidak dimasukkan secara khusus dalam mana-mana akta tertentu dia boleh menimbulkan penyalahgunaan begini. Orang yang membuat ubat dan penjual dia tidak akan sebut dia punya content atau kandungan ubat itu. Dia cuma kata ini majun ubat kuat. Dan hanya setelah menghantar sample majun ini ke jabatan berkenaan baharulah kita tahu bahawa majun ini mengandungi steroid. Dan saya yakin banyak lagi ubat tradisional yang terdapat di merata-rata tempat di negara kita ini mungkin mengandungi dadah-dadah yang dilarang, yang sebenarnya terkeluar daripada sama ada akta ini atau akta-akta lain., termasuklah Akta Dadah Berbahaya yang disebut oleh Machang tadi. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian tentang perkara ini.

Juga ditimbulkan, dan ini sebenarnya bukan sahaja berlaku di Kelantan, soal penjualan, penyalahgunaan, penjualan ubat oleh klinik-klinik swasta ini termasuklah cough syrup tadi, ubat batuk tadi yang sebenarnya dijual bukan hanya bertujuan untuk mengubati batuk tetapi untuk tujuan lain. Misalnya untuk para penagih dadah., Sebenarnya saya sudah cadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya untuk mengelakkan perkara-perkara begini mungkin masanya sudah sampai untuk kita asingkan peranan pengamal perubatan dengan peranan penjual ubat ataupun farmasi. Kalau kita lihat di negara-negara maju, bukan sahaja di negara maju malah di negara jiran kita Indonesia pun, sudah lama mereka pisahkan peranan pengamal perubatan am ini atau pun general practitioner dengan orang-orang yang bagi ubat.

Tugas doktor sebenarnya adalah untuk consultation atau untuk rundingan dan apabila dia sudah beritahu apa sakit dan dia harus prescribkan ubat yang kita harus ambil dan dengan berpandukan kepada prescription ataupun preskripsi doktor inilah sipesakit boleh beli ubat itu di mana-mana farmasi. Tidak timbul soal doktor, di samping mengambil bayaran untuk konsultasi, juga jual ubat, peniaga ubat. Mungkin dahulu semasa kita mula-mula merdeka, masa itu tidak banyak lagi farmasi, jadi kita terpaksa membolehkan, membenarkan doktor menjual ubat.. Tetapi saya ingat masanya sudah sampai untuk kita specialize bidang ini. Dahulu bila saya cakap pasal ini, sahabat saya Ahli Yang berhormat dari Kepong marah, dia kata saya tidak faham tentang perubatan. Dan saya tahu MMC - Malaysian Medical Council, juga marah dan mungkin sahabat-sahabat saya dalam Dewan yang mulia ini yang profesion mereka dalam bidang ini juga tidak setuju. Ini saya faham sebab pertama kali reaksi kita tentulah - negatif kerana kita hendak deprive, kita hendak ambil salah satu daripada punca rezeki mereka.

Kalau selama ini mereka, di samping mengambil upah untuk konsultasi juga boleh jual ubat, mungkin dengan sedikit keuntungan, bila perkaa ini kita laksanakan mungkin sedikit sebanyak, pendapatan mereka akan terjejas. Tetapi percayalah demi untuk kepentingan rakyat, demi untuk kepentingan negara dan demi untuk kebaikan semua orang pada masa hadapan, saya ingat kita harus fikirkan semula perkara ini, sebab kalau perkara ini dilaksanakan, soal doktor-doktor perubatan swasta menyalahgunakan lesen untuk jual ubat kepada mereka itu tak timbul lagi, dan sebenarnya pesakit-pesakit boleh memilih dia nak ubat yang lebih baik ke, atau kurang baik ke, terpulang kepada dia sebab harganya berbeza-beza. Dalam keadaan sekarang, kita sering dengar complain secara umum daripada rakyat biasa, bila dia sakit dia kata dia sudah tidak hendak pergi doktor A, saya hendak pergi doktor B, sebab doktor A ini ubatnya tidak mujarab, doktor B lebih mujarab. Kalau saya selsema, saya pergi sekali sahaja dia bagi ubat saya sudah baik, A ini dua tiga kali ulang tidak baik, saya tidak tahu kenapa perkara ini berlaku. Tetapi apa yang mungkin terjadi ialah ubat yang

diberi itu berbeza-beza, walaupun jenisnya mungkin sama. Misalnya dia bagi 'cough syrup' atau ubat batuk, mungkin doktor A tadi, yang lambat baik ini, dia dah dilute dengan campuran yang lebih pada hal yang B tadi dia bagi yang lebih concentrated dan sebagainya. Begitu juga dengan, mungkin kuantiti ubat itu, katalah kalau kita menghadapi penyakit selsema mungkin dia memerlukan contohnya, dia memerlukan 12 kapsul antibiotik. Seorang doktor yang tidak beretika mungkin dia bagi setengah daripada keperluan. Jadi, bila tidak baik, kita datang lagi dan lagi dia bagi lagi separuh dari keperluan. Dengan ini si pesakit itu terpaksa jumpa doktor untuk consultation dua kali dan doktor boleh charge dia dua kali untuk bayaran consultation, padahal kalau sekali dia bagi, sekali dia bagi ubat dia terus baik, dia tidak payah ulang dua kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Doktor bangun.

Dr. G. Leelavathi: Penjelasan sikit ya, adakah Yang Berhormat sedar ada dua jenis ubat, satu patent dan lagi satu generate. Patent adalah itu benar dan dari luar negara, generate adalah tempatan dan murah. Kalau ada banyak doktor dia guna dua-dua, kalau handak dapat baik, cepat gunakan ubat patent sebab itu doktor charge mahal. Adakah sedar?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya sedar perkara ini tetapi yang hendak saya timbulkan kita tidak diberitahu, misalnya, malah saya pernah pergi jumpa seorang doktor, saya kata saya sudah berat sangat ini, saya hendakkan yang paling strong, saya tidak tahu apa jenis, tetapi dia masih bagi benda yang sama sehingga kita terpaksa ulang-ulang baru baik. Tetapi, kenapa misalnya kalau dia betul-betul gentleman dia beritahu, you hendak yang ini mahal sikit, yang ini murah. Jadi, sekurang-kurangnya patient atau pesakit boleh tahu, tetapi sebenarnya penyalahgunaan ini memang sudah berleluasa, saya memang pernah pergi ke satu klinik, dia bukan sahaja bagi yang generate atau patent, dia bagi sample, ubat sample memang dia tulis di situ 'sample, not for sale'. Mungkin dia diberi oleh mana-mana manufacturer untuk cuba, kemudian dia bagi kepada saya seolah-oleh saya ini guinea pig untuk test ubat dia, dia tidak beritahu ubat ini sample.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi doktor yang bangun.

Dr. Yap Yit Thong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit penjelasan berkenaan itu ubat sample. Sample itu doktor dapat bukan percuma, adalah satu skim bonus skim seperti mereka membeli 10 dozen you dapat satu dozen percuma. Percuma melalui sample diberikan dan lagi satu berkenaan itu isu ubat generic, saya ingin tanya pihak kementerian, dalam dasar kerajaan, kita sekarang menggalakkan membeli Malaysia product, adakah satu dasar pihak kerajaan, Kementerian Kesihatan mewajibkan hospital-hospital menggunakan product Malaysia boleh dikatakan product generic Malaysia. Product generic Malaysia bukan ianya sejenis ubat yang kurang berkesan oleh kerana bahan mentahnya pun diimport dan di Malaysia kilang pharmaceutical kita buat packing sahaja. Tetapi itu raw material bahan-bahan itu diimport juga dan itu sebelum ubat ini boleh digunakan oleh doktor, semua ubat-ubat di Malaysia kita mesti dapat pendaftaran daripada pihak Kementerian Kesihatan. Saya ingin tahu adakah pihak kementerian menggalakkan hospital-hospital kerajaan menggunakan ubat tempatan ianya ubat generic?

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Terima kasih, yang ditujukan kepada Kementerian Kesihatan itu saya ingat dengan proper, dengan izin, Kementerian Kesihatan yang patut jawab, cuma saya nak sebut tentang sample tadi, mungkin doktor swasta ini dia beli, sample itu dia beli tetapi yang jelas ialah pada kotak ubat itu dia tulis "sample, not for sale" maknanya saya rasa adalah kurang bijak kalau kita jual dengan harga yang sama dan charge dengan ubat biasa. Jadi sebenarnya adalah sebahagian daripada contoh-contoh, saya bukan kata semua pengamal perubatan am ini tidak jujur tetapi ada, ada setengah-setengahnya, tidak berapa beretika, sehingga sanggup macam tadi saya kata salahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka.

Saya ingat kita pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masih pada suatu masa dahulu heboh, heboh di Wilayah Persekutuan ini kononnya ada klinik-klinik yang bagi injection untuk penagih dadah ini, dia bagi dadah dan kalau tidak salah saya sudah ada pun yang kena tangkap dulu pada beberapa tahun dulu. Jadi yang apa yang hendak saya jelaskan di sini ialah oleh kerana adanya dua tiga orang yang dikatakan sebagai black sheep tadi, maka mungkin dia akan menjejaskan keseluruhan profesion perubatan itu. Jadi untuk mengelakkan daripada perkara ini berlaku itulah sebabnya saya cadangkan tadi, kenapa tidak kita asingkan sahaja tugas mereka ini biarlah pengamal-pengamal perubatan ini specialise dalam bidang dia, dia tidak payah berniaga ubat. Kerja-kerja menjual ubat ini biarlah kita berikan kepada farmasi yang diluluskan, dan ini sebenarnya akan memberi lebih banyak peluang kepada rakyat negara kita untuk menceburkan diri dalam bidang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada doktor lain bangun.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat tentang mengasingkan pemberian ubat, penjualan ubat dengan konsultasi, memang betul, inilah cara yang baik tetapi saya nampak MMA pun menentang hal ini bukan sebab untuk jaga kepentingan doktor-doktor di negara ini tetapi ini untuk jaga kepentingan pesakit atau consumer di negara ini juga. Nombor satu, sepertimana Yang Berhormat beritahu tadi, memanglah kita farmasi di negara ini belum cukup lagi. Misalnya dalam satu jalan kita ada dua tiga klinik, farmasi ada di sebelah jalan yang lain ke atau jauh sangat daripada jalan yang lain itu, so pesakit yang datang jumpa doktor dia harus pergi ke tempat lain untuk ambil ubat dan di luar bandar memang kita tidak ada apa-apa farmasi di luar bandar, di klinik-klinik luar bandar kalau jika diberi consultation sahaja dan susah ini dapat. Lagi satu ialah tentang charge, biasanya kalau kita dapat di luar bandar semua seorang pesakit boleh dapat ubat dengan RM15 dengan ubat tetapi consultation yang di 'recommend' oleh MMA kepada ialah consultation fee RM15. Kalau kita charge atau kita ikut MMA, atau MMC charge RM15 sahaja kepada pesakit, dan pesakit kena pergi ke tempat lain dan beli ubat. Akhirnya consumer yang suffer. Inilah sebab-sebab MMA pun recommend kita belum sedia untuk mendapatkan, untuk mengasingkan dua-dua iaitu farmasi. Nombor dua Yang Berhormat saya bagitahu bahawa kalau ini boleh diasingkan itu ubat-ubat seperti, ubat batuk yang dijual oleh doktor boleh dikurangkan. Apakah guarantee farmasi tidak akan jual ubat-ubat tersebut.

Dan nombor dua saya sekarang pun banyak farmasi dia buat consultation juga, ada ramai pesakit dia pergi ke farmasi dan ambil ubat terus dia bagitahu apa yang dia sakit dan farmasi pun jual juga, macam mana kita mahu elakkan ini? Pada masa depan ini akan meningkat jika kita mengasingkan ini benda semua. Adakah Yang Berhormat setuju kepada saya.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soal pengasingan tadi, kemudian soal sekiranya doktor hanya diberi tugas untuk konsultasi, farmasi jual ubat dan sepertimana disebutkan oleh sahabat saya tadi mungkin farmasi ini pula yang hendak jadi doktor, dia pula yang beri consultation. Jadi ini adalah soal you tuduh saya, saya tuduh you. Mungkin benda ini berlaku tapi saya ingat mungkin kalau benda ini berlaku dia hanyalah secara isolated. Jadi bukanlah merupakan satu sebab untuk kita reject cadangan ini begitu saja. Sebab saya kata tadi untuk masa depan jangka panjang dan kalau kita kata farmasi belum mencukupi kita belum bersedia, saya nak jelaskan saya ingat hampir semua institusi pengajian tinggi di negara ini sudah ada kursus farmasi dalam bidang pharmaceutical termasuk juga dalam bidang perubatan. Jadi yang tak ada fakulti perubatan pun sekurang-kurangnya ada mengajar kursus ini dan banyak graduan dalam bidang ini sudah keluar sejak 10, 15 tahun dulu dan kebanyakan mereka buat apa, sama ada bekerja dengan kerajaan dan setengahnya hendak cari makan pun tak cukup. Jadi kalau kita benarkan mereka membuka perniagaan ini dan orang hanya tumpu kepada mereka saja untuk mendapat bekalan ubat, saya ingat ini akan memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada golongan ini dan dengan sendirinya dia menyumbang ke arah mengembangkan

ekonomi kita.. Soal di kampung-kampung, sebenarnya di kampung-kampung lah saya rasa harus kita lebih perbanyakkan sebab dengan sendirinya dia dapat mengelakkan penjualan ubat-ubat tiruan.

Baru-baru ini pun kita sudah heboh tentang sampai panadol pun ada tiruan, jadi kalau ada farmasi yang berdaftar, saya yakin orang ramai boleh terus pergi ke sini dan soal beli di kaki-kaki lima, di kedai-kedai runcit untuk ubat tak timbul sebab dia ada farmasi yang berdaftar. Jadi sepertimana yang saya katakan tadi mungkin saya sudah sebut tadi, saya sudah pre-empt MMC menentang. Saya harap sahabat-sahabat saya yang terdiri daripada doktor pun jangan tolak seratusperatus apa yang saya cadangkan ini sebab ini adalah untuk masa depan kita dan demi untuk kepentingan bersama. Banyak cerita tentang doktor ini sebenarnya. Kalau kita ingat orang Malaysia ini, habit untuk pergi jumpa doktor kalau sakit, saya ingat hanya wujud sejak 15, 10 tahun yang dulu. Sebelum itu, orang tak pergi jumpa doktor, dia pergi jumpa bomoh, pergi ubat-ubat tradisi. Saya pernah lihat kalau di bandar-bandar kecil misalnya macam di tempat saya di Parit Buntar, kadang-kadang kita pergi tengok klinik swasta sampai sehari tak ramai, kita boleh bilang patient itu. Tetapi sekarang ini terpaksa ambil nombor, terpaksa berbaris. Kalau nasib kita baik - kita pergi dalam pukul 10 pagi, kita boleh jumpa doktor sejam kemudian. Tetapi kadang-kadang tunggu sampai 3, 4 jam. Ini diburukkan lagi dengan kesesakan di hospital-hospital kerajaan.

Jadi kesedaran orang ramai terhadap perubatan moden sebenarnya sudah meningkat sejak kita mencapai kemerdekaan. Kita tengok apa jenis sakit orang jumpa doktor swasta ini. Selalunya common cough, sakit selsema biasa, batuk, demam, ada juga yang buat minor surgery, pembedahan-pembedahan ringan. Kalau ada kes yang besar-besar yang memerlukan pembedahan, sudah tentu doktor-doktor ini akan refer ke hospital-hospital sama ada hospital swasta atau hospital kerajaan.

Jadi inilah sebabnya saya kata kalau mereka ini specialize dalam bidang mereka itu, dan jangan fikir nak buat duit jual ubat mungkin mereka akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih efektif kepada masyarakat. Soal penyalahgunaan walau pun ini sebagai satu jenaka, tapi saya pernah dengar dan diceritakan kepada saya oleh seorang pakar perubatan kerajaan bila dia berjenaka tentang pengamal perubatan swasta ini. Dia kata sama ada anda hendak berjaya atau gagal sebagai seorang pengamal perubatan am terpulang kepada dengan izin, how good is your PR. It's not so much of how good are you professionally tetapi how good is your PR. Saya minta maaf kalau ini tak betul tapi ini yang disebut kepada saya. Sebab dia kata dia sendiri banyak kawan. Kalau misalnya di kawasan-kawasan di mana terdapat penduduk-penduduk daripada ethnically Tionghua, seperti yang mana kita tahu, orang Tionghua ni suka benda-benda yang merah. Ada doktor yang sengaja pilih ubat-ubat berwarna merah supaya dia dapat diterima oleh pesakit-pesakit bangsa cina ini. Kemudian di setengah-setengah tempat, orang Melayu di kampung-kampung terutamanya bila dia sakit saja, dia hendak injection. Kalau kita nak bagi ubat, dia tak mahu, dia mesti nak injection sebab dia tak puas hati, psychologically. Dari segi psikologi kalau beri ubat biasa, dia tak boleh baik, tapi kalau inject dia baik. Jadi mahu tak mahu, ada doktor kata, okay, kalau nak inject, injectlah. Tapi cuma dia hanya bagi distill water mungkin ini hanya satu joke, tapi dia kata kalau kita hendak beri injection, katalah orang tu sakit tenat, kalau kita nak bagi penacalin, kita pun tak tahu sama ada dia ni ada allergy atau tidak dengan ubat-ubat lain. Jadi untuk keselamatan, lebih baik bagi distill water. Tak pasal-pasal kita sakit hanya bagi jab distill water. Kalau di tempat-tempat lain, kalau you, infact, the doctor can be sued, dengan izin, doktor boleh disaman kerana mendatangkan kesakitan kepada pesakit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun tu.

Dr. Yap Yit Thong: Saya ingin tanya Yang Berhormat, dalam pengaruh perubatan, general practise berapa peratus penyakit ianya penyakit jiwa menandakan itu psychological problem, ada sampai tahap 20 atau 25 peratus. Untuk rawatan kepada pesakit, dan itu memulih pesakit ini, kalau dia beri injection, injection itu

boleh menolong dia memulih penyakitnya, apa salahnya. Oleh sebab di kalangan kita terutama kepada masyarakat kita ada banyak pesakit yang menghadapi penyakit psychological anxiety depression seperti Yang Berhormat dalam pilihan raya akan datang, memang tak boleh tidur. Memang penyakit itu dihidapi oleh masyarakat kita. Tapi saya rasa kesedaran berkenaan penyakit psychology belum - tetapi saya rasa ini bukan cara yang digunakan seperti kata Yang Berhormat tadi orang Tionghua, kadangkala dia ada memilih ubat yang berwarna kuning, merah. Dari psikologi dia boleh rasa. Tapi kalau bagi ubat hitam, memang itu mati dia tak mahu. Oleh sebab ini dia tengok, mana ada ubat hitam itu, tidak ada, cuma ada merah, kuning dan hijau tetapi untuk rawatan kepada pesakit psikologikal, kalau Ahli Yang Berhormat tidak tahu, saya beritahu ada ubat yang shapenya seperti hati, itu untuk rawatan kepada pesakit psikologikal dan penyakit depression atau sakit hati. Oleh sebab doktor itu memberi ubat seperti shape hati bagi meulihkan penyakit. Ada banyak cara di mana doktor cuba memulih rawatan kepada penyakit, bukan tidak boleh dikatakan kalau doktor memberikan dia injection, itu secara air sahaja tidak berguna - bukan, memang ada satu psychological effect, ada banyak pesakit Tionghua yang datang yang mahu injection order, kita mahu kuat, tidak payah vitamin B injection, ia memang ada rasa sedikit satu leave, itu boleh dikatakan untuk memberi harapan kepada pesakit, ada dalam perubatan kita, dengan izin, you cannot show the patient all the time, you can show them some of the time, but you must always give them relief and hope all the time, that is the maximum medicine, a lot of diseases cannot be cure, but you must give hope and relief the patient, dengan izin.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dengan kata-kata tadi, Ahli Yang Berhormat faham dan adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju?

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, itulah tadi seperti yang saya katakan tadi distilled water, beri jab, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Lumut kata bukan distilled water, vitamin B. Jadi, maknanya orang datang jumpa doktor, dia kata, dia hendak injection, jadi psychologically kita berilah dia injection, sebenarnya vitamin B boleh diambil orally dengan mulut, kenapa mesti cucuk dia, sakit punggung dia. Kalau tempat lain dia boleh saman. Jadi ini sebenarnya kita harus educate patient kita, ubat tidak seharusnya disuntik melalui suntikan, kalau ia boleh diambil secara oral - orallah. Tetapi oleh kerana kita ini macam kata tadi 25% daripada pesakit psikologikal, bila lihat merah, oh bagus padahal yang merah itu panadol colour merah ataupun capsule, colour untuk sesuai dengan budaya.

Jadi, kita bersyukur kepada Allah S.W.T, sebab kesedaran masyarakat Malaysia terhadap perubatan moden ini telah meningkat, tetapi saya ingat masanya telah sampai, kita mestilah berterus terang dengan pesakit-pesakit kita dan oleh kerana saya katakan tadi, di negara ini doktor di samping consultant juga jadi peniaga ubat mungkin menimbulkan conflict ini maka semua masalah ini boleh diatasi kalau kita pisahkan fungsi doktor tadi sebagai memberikan consultation dan fungsi farmasi ini untuk menjual ubat dan kita boleh banyakkkan farmasi di merata tempat.

Saya sebenarnya memang syak mungkin contoh yang saya berikan tadi distilled water, air biasa mungkin agak extreme, tetapi kalau vitamin B pun saya rasa, it is unfair untuk sakitkan orang hanya hendak cucuk vitamin B, biarlah dia makan dengan mulut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bersetuju dengan pindaan ini dan cuma yang saya minta tadi kita harus lebih jelas tentang definisi sebab kita tidak mahu nanti apabila undang-undang ini diluluskan, masih banyak lagi loophole ataupun lompong-lompong yang mana orang dapat lari daripada penguatkuasaan. Sebagai contoh, seperti mana yang disebutkan pada awal-awal tadi, peniaga-peniaga ubat tradisional tadi, yang kalau menurut huraian ataupun definisi kementerian diiktiraf sebagai ubat, tetapi tidak disebutkan di dalam akta ini dan kalau mereka ini menyalahgunakan kebebasan mereka seperti misalnya memasukkan steroid dalam majun tadi hingga menimbulkan kesan sampingan yang begitu ketara kepada pesakit, siapakah yang akan bertanggungjawab. Ini nasib baik ia hanya menambahkan berat badannya apabila

dimakan majun ini, kalau ia menimbulkan perkara-perkara yang lebih fatal sehingga mengakibatkan maut misalnya, siapa yang bertanggungjawab?

Jadi, inilah perkara-perkara yang harus difikirkan oleh kementerian dalam melaksanakan rang undang-undang ini dan lain-lain rang undang-undang yang bersabit dengan drug ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kapar.

5.00 ptg.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang Akta Jualan Dadah (Pindaan) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana tadi telah membentangkan rang undang-undang Akta Jualan Dadah (Pindaan) 1999 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa permasalahan ataupun perkara-perkara yang dirasakan sesuai untuk dibangkitkan di sini. Semenjak kebelakangan ini, telah banyak kedengaran kes-kes yang melibatkan ubat-ubatan yang dijual di pasaran tempatan di mana ianya adalah tidak menepati peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Saya merasakan perkara ini perlulah diberikan perhatian sewajarnya kerana risikonya adalah begitu besar terhadap para pengguna terutamanya orang ramai. Ada sesetengah kes yang melibatkan kematian kerana berpunca daripada masalah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini juga jikalau kita melihat akan pasaran tempatan, banyak ubat-ubatan yang dijual adalah berasaskan daripada tumbuhan herba. Herba kini menjadi begitu popular di kalangan para pengamal perubatan tradisional dan juga menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah agar pihak kementerian memberi perhatian yang sewajarnya terhadap para pengusaha perubatan herba ini agar ianya selamat digunakan. Kita amat gusar sekiranya para pengusaha perubatan herba hanya mementingkan keuntungan komersial semata-mata tanpa memikirkan implikasi terhadap para pengguna. Pengguna atau pembeli ubat-ubatan ini haruslah mendapat pulangan yang sewajarnya daripada apa yang telah dibelanjakan di mana barangan yang dibeli mempunyai kualiti yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini juga banyak golongan remaja terutamanya para pelajar sekolah telah terlibat dengan penggunaan pil khayal seperti ecstasy dan sebagainya. Agak memmeranjatkan kerana pil-pil sebegini begitu mudah didapati oleh mereka. Saya menyeru pihak kementerian dapat mengambil tindakan bagi mencegah golongan remaja ini untuk tidak mudah mendapatkan bahan-bahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan tahap kesihatan para penduduk di kawasan luar bandar. Memandangkan segelintir penduduk di kawasan luar bandar di mana taraf ekonominya rendah, maka keperluan bagi mendapatkan ubat-ubatan yang bermutu adalah terhad.

Saya mengesyorkan agar pihak kementerian dapat melaksanakan langkah yang tertentu untuk mengawal harga ubat-ubatan yang berada di pasaran agar ianya mampu dibeli oleh semua golongan rakyat. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap penjagaan kesihatan di kalangan para penduduk di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu untuk Ahli Yang Berhormat, saya hendak menerangkan satu perkara, pil B complex dan injection B complex bukan sama, absorption ini adalah slow, lambat kalau dimakan pil, tetapi kalau injection lebih cepat

dalam badan dan absorption pun ada penuh, sebab itu doktor beri pil dan ada juga doktor yang memberi injection.

Akhir kata, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tawau.

5.05 ptg.

Puan Chua Soon Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Jualan Dadah 1952.

Saya ingin mengetahui sama ada terdapat kriteria atau garis-garis panduan untuk membezakan "tujuan perubatan" atau "medicinal purpose" dadah dan barangan kesihatan iaitu health product sama ada semula jadi atau synthetic.

Masyarakat kita dibanjiri oleh barangan kesihatan terutama sekali melalui aktiviti-aktiviti jualan terus. Sebahagian barangan kesihatan yang dijual itu dikatakan atau dituntut kebolehan tujuan perubatan tetapi barangan itu tidak disenaraikan untuk jualan di bawah kategori dadah.

Jika barangan kesihatan mempunyai sifat-sifat yang ternyata dalam Seksyen 2 akta Pindaan Medicinal Purpose (e) – maintaining, modifying, preserving atau interfering with normal operation of surgical function, (f) – controlling body weight, (g) – general maintenance or promotion of health or well being.

Adakah barangan kesihatan seumpama ini perlu dikawal melalui penguatkuasaan di bawah akta ini. Jika barangan kesihatan tersebut sebenarnya mempunyai medicinal purpose adakah prescription doktor professional diperlukan untuk penggunaannya mengikut dosage yang betul dan lengkap dengan amaran kesan-kesan sampingan yang mungkin.

Sudah menjadi satu keutamaan untuk warga negara ini untuk mempertingkatkan lagi kualiti kesihatan warga negara ini. Program-program kesedaran kesihatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan banyak menyumbang kepada keadaan ini. Tetapi yang perlu diberi perhatian ialah sesiapa yang boleh memberi nasihat atau memantau penggunaan terlampau barangan kesihatan oleh rakyat dan menentukan sama ada penggunaan terlampau ini menghasilkan kesan-kesan sampingan yang buruk terhadap kesihatan mereka.

Saya ingin mengetahui berapa banyak jenis barangan kesihatan yang didapati di dalam pasaran Malaysia. Berapa banyak yang diimport dan sama ada terdapat prosedur-prosedur screening barangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Teluk Kemang.

5.08 ptg.

Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk berucap dalam suatu akta untuk meminda Akta Jualan Dadah 1952.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana membawa pindaan ini untuk memasukkan ubat-ubat haiwan dalam akta ini. Ini adalah satu tujuan utama atau penting dan juga untuk menambah penalti kepada pesalah yang diperuntukkan dalam akta yang sedia ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Jualan Dadah 1952 ini adalah satu akta yang penting pada masa itu kerana seperti mana yang kita tahu penggunaan ubat-ubatan adalah begitu mustahak dan penting kepada manusia. Ubat-ubat mesti dibekalkan atau dijual dengan berhati-hati dengan utmost care. Memang betul ubat-ubat adalah untuk kebaikan manusia dan boleh digunakan untuk beberapa purpose atau tujuan seperti untuk rawatan atau mencegah sakit atau mengdiagnosis, untuk anastasia dan sebagainya. Ini adalah untuk kebaikan manusia, tetapi jika kita tidak menggunakan ubat dengan teliti atau cara baik memang betul kita akan menghadapi banyak masalah.

Kita memang tahu bahawa semua ubat ada ditulis sebagai racun, semua ubat yang dibekalkan oleh pengamal perubatan adalah racun, semua ubat ada dituliskan sebagai racun, ini bererti ubat mesti digunakan dengan utmost care, dengan berhati-hati, itulah tujuan yang sebenarnya dan adakah ini dibekalkan begitu, memang begitu jikalau dibekalkan oleh seorang doktor dan dengan nasihat. Tetapi ada juga beberapa kemalangan yang kita hadapi bila ubat dibekalkan.

Kita memang tahu tidak lama dahulu, ada seorang bayi meninggal dunia selepas minum Paracetamol (Panadol), ubat biasa sahaja, kematian berlaku sebab bayi itu diberi Panadol lebih dosnya daripada apa yang patut diberi kepada bayi. Apakah sebab, kadang-kadang yang membekal ubat itu, seperti pembantu klinik, tidak memberi arahan yang betul - berapa dos yang perlu diambil, berapa kali perlu ubat ini diambil atau ibu bapa yang menerima ubat itu berpendapat bahawa jika kita beri lebih ubat, cepat baik. Mereka tidak ikut arahan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pengamal perubatan saya hendak mendapat penjelasan daripada sahabat saya dari Teluk Kemang. Adakah pil Viagra ditafsirkan sebagai ubat? Yang keduanya, sekarang ini saya dapat tahulah, saya tidak pernah, saya dapat tahu bahawa pil Viagra ini sekarang mudah diperolehi di mana-mana klinik dan dua hari yang lalu saya baca surat khabar, satu hamba Allah daripada negeri Timbalan Menteri Kesihatan, dia overdose pil Viagra, lepas itu maka, mungkin saya tidak tahu rangsangannya terlalu tinggi, maka dia cuba untuk berzina. Adakah tidak patut sekarang ini supaya medical practitioner membuat satu peringatan kepada subscribers pil-pil Viagra ini supaya dijelaskan sebenar-benarnya supaya hanya mereka yang memerlukan sahaja yang menggunakan dan menggunakan ikut dosage yang dicadangkan oleh pihak doktor?

Dr. L. Krishnan: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang betul ini adalah satu akibat atau kesusahan yang kita boleh hadapi jika kita tidak mengikuti dos. Pil Viagra ini adalah ditafsirkan dalam 'prescribing only', iaitu di bawah Dangerous Drug. Oleh yang demikian, jika seseorang hendak Viagra mesti mengambil prescription daripada doktor. Bila mereka berjumpa dengan doktor, doktor akan memberitahu kepada yang membeli ubat itu, selepas memeriksa pesakit atau seseorang, beritahu sama ada pil boleh diambil oleh seseorang itu dan doktor sepatutnya mesti memberi arahan yang betul berapa banyak perlu diambil dan berapa lama sekali boleh diambil. Semua ini sepatutnya doktor kena beritahu tetapi seperti mana Yang Berhormat beritahu sekarang Yang Berhormat pun tahu pil Viagra boleh didapati di mana-mana tempat. Ini menunjukkan bahawa mungkin penguatkuasaan tidak begitu efektif dan berkesan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau itu hakikatnya, adakah Yang Berhormat bagi Teluk Kemang sebagai seorang pengamal perubatan mahu memulakan daripada Dewan ini supaya diberikan satu peringatan yang sebaik-baiknya kepada pengguna-pengguna (consumers) pil-pil Viagra ini supaya tidak mendatangkan mudarat. Kita banyak cerita throughout the world iaitu seluruh dunia, ada yang lepas makan pil Viagra dia mati, ada yang 'the little brother' tidak boleh tidur, macam-macam! Jadi, dalam Dewan ini adakah Yang Berhormat hendak memohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan supaya dikeluarkan satu general announcement ataupun peringatan secara umum supaya tidak pil Viagra,

the latest craze of the town, orang kata, tidak mendatangkan mudarat kepada pengguna-penggunanya.

Dr. L. Krishnan: Saya ingin memberitahu di sini bahawa pil Viagra ini adalah satu pil yang mempunyai kesannya sendiri – ada yang baik dan yang buruk. Seperti yang saya beritahu tadi, bayi yang minum Panadol pun boleh meninggal dunia. Bukan ertinya kita boleh beritahu kepada seluruh negara ataupun semua rakyat Panadol ini tidak baik untuk manusia. Yang mustahak kita mesti mahu ikut arahan yang diberi oleh doktor sebelum kita makan mana-mana ubat. Itu yang mustahak. Pil viagra pun baik juga, ada pesakit yang mendapat manfaat daripada pil itu seperti Yang Berhormat beritahu yang mana seseorang yang tidak berapa kuat, boleh mendapat manfaat daripada pil itu. Oleh yang demikian, kita mesti mahu dapat arahan yang baik, satu penjelasan yang baik sebelum kita makan pil itu.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mertajam, bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Penjelasan. Saya ingin minta Yang Berhormat jelaskan apakah tindakan yang mesti diambil terhadap doktor-doktor profesional yang menjualkan pil-pil Viagra ini secara berleluasan sampai dia menjadikan penjualan itu sebagai satu business dan bukan sebagai satu prescription. Saya rasa satu tindakan mesti diambil, jadi apakah tindakan yang perlu diambil terutama sekali terhadap doktor-doktor yang memberikan prescription kepada orang yang sebenarnya tidak perlukan pil ini dan kalau boleh, bolehkah doktor nyatakan di sini, kepada Dewan yang mulia ini, orang-orang yang tidak sesuai untuk mengambil pil-pil Viagra itu.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih, Yang Berhormat. Tentang pil-pil Viagra yang dijual dengan tidak mengikut peraturan, doktor-doktor yang menjualnya itu, jika ada doktor-doktor yang menjual over-the-counter (OTC) melalui pembantu klinik, kita memang ada akta-akta untuk mengambil tindakan. Mungkin akta ini pun selepas pindaan atau sebelum pindaan ini boleh digunakan ke atas doktor-doktor atau klinik-klinik tersebut. Kadang-kadang pil-pil atau ubat-ubat dijual di atas kaunter (over-the-counter), kadang-kadang doktor pun tidak tahu, ramai doktor tidak tahu pil ini telah pun diedarkan over-the-counter, dengan izin, kerana kadang-kadang pekerja di sana, pembantu klinik yang menjual ubat, kadang-kadang doktor pun tidak tahu. Sungguhpun ini adalah tanggungjawab doktor, sungguhpun benda macam ini berlaku, ini adalah tanggungjawab doktor dan kita boleh mengambil tindakan ke atas doktor-doktor mengikut undang-undang yang sedia ada. Kita ada banyak undang-undang yang boleh kita gunakan ke atas doktor atau klinik yang menjual mana-mana ubat berbahaya tanpa mengikut peraturan. Saya haraplah nanti bila menteri menjawab soalan itu beliau akan sentuh dengan jelas.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Teluk Kemang berkenaan pil Viagra. Pil Viagra ialah ubat untuk rawatan erectile dysfunction impotency, dengan izin. Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Kemang sama ada bersetuju atau tidak bahawa 90% pesakit yang mengalami impotency, ianya psychological in origin, dengan izin. Untuk golongan pesakit ini memang pil Viagra tidak berkesan dan satu lagi saya sendiri ada pengalaman dalam *[Disampuk]*, bukan! *[Ketawa]* Pengalaman dengan pesakit perempuan, dia pun mahu menggunakan pil Viagra. Saya tanya mengapa dia mahu menggunakan pil Viagra, pil Viagra untuk lelaki sahaja dan dia kata sudah terdengar ada satu jenis pil baru di Amerika dinamakan 'viagrip' tetapi itu belum diimport di Malaysia, belum ada. Saya tidak faham mengapa perempuan itu hendak pil Viagra kerana memang tidak berkesan kalau digunakan oleh perempuan.

Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat bagi Teluk Kemang bersetuju atau tidak berkenaan dengan penyakit-penyakit impotency di mana 90% pesakit ianya psychological in origin.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Lumut. Memanglah betul pesakit-pesakit impotency kebanyakan adalah akibat psychological dan memang sungguhpun psychological, pesakit mahu cuba apa yang mereka dapat, mahu cuba (try) jika boleh mengatasi masalah yang mereka hadapi, memang mereka mahu cuba. Kalau mereka mahu cuba kita pun tidak boleh buat apa-apa – doktor pun kadang-kadang mahu beri ubat tersebut kepada pesakit-pesakit tersebut untuk cuba juga sama ada mereka boleh mengatasi masalahnya.

Tentang penggunaan ubat ini di antara wanita, ada satu artikel yang saya baca tidak lama dahulu di mana kajian telah dibuat ke atas wanita dan mereka berpendapat bahawa Viagra ada effect untuk perempuan juga. Memang kita tahu, pil Viagra ini berkesan kerana ia meningkatkan peredaran darah ke tempat tertentu. Jika ini berlaku kepada wanita juga, saya pun fikir bahawa ini boleh juga membawa kesan kepada wanita. Tetapi saya pun belum tahu, satu artikel sahaja saya baca,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Dr. L. Krishnan: selepas itu saya belum dapat artikel lain
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasihlah kerana Telok Kemang ini pakar Viagra dan Lumut pakar Viagrip [Ketawa] Dua, dua doktor, saya bukan doktor sebab itu saya hendak tanya. Kembali kepada soalan tadi. Demi kesejahteraan kepada mereka yang memerlukan ubat yang menakjubkan, yang baru ini, saya ingin bertanya daripada Telok Kemang adakah tidak menjadi satu amalan 'ethic of a medical practitioner', dengan izin, supaya mereka yang memohon untuk subscribe pil-pil Viagra ini diberikan rawatan yang sewajarnya. Bermakna, walaupun kita tahu masalahnya adalah psikologikal dan masalah lainnya tetapi boleh tidak diberikan supaya tidak mendatangkan mudarat sebaliknya oleh kerana maklumlah keghairahan, keghairahan ini. Jadi, kalau boleh supaya seluruh doktor dalam negara ini diminta supaya memberi 'medical check-up' yang sewajarnya sebelum seseorang itu diizinkan membeli.

Yang Berhormat bagi Telok Kemang, yang saya takut oleh kerana ini perkara baru dan dijual dengan harga yang mahal, maka ia 'purely commercialize' pil ini tanpa mengambil kira kesejahteraan kepada bakal pengguna pil tersebut. Terima kasih.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih, Yang Berhormat. Sepatutnya pengamal perubatan memberi satu 'medical examination' ke atas pesakit sebelum memberikan ubat-ubat tersebut, itulah cara yang betul. Jika ini tidak diikuti saya ingat tidak betullah mengikut etika doktor, ini tidak betul. Kita mesti memberi satu pemeriksaan medical ke atas sesiapa yang ingin ambil ubat ini. Itulah cara yang betul.

Jadi, saya balik kepada tajuk dahulu, seperti mana saya beritahu ubat ini kalau kita tidak ikut dosage atau arahan daripada doktor, biasanya mana-mana ubat pun jika Panadol pun boleh membawa maut kepada pesakit-pesakit. Oleh yang demikian, saya haraplah bahawa semua pihak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Ya, penjelasan lagi. Nampaknya Yang Berhormat adalah pakar dalam Viagra, jadi saya hendak tanyalah. [Ketawa] Apakah kesan-kesan sosial yang mungkin dibawa oleh pil Viagra ini ke atas masyarakat? Contohnya, ke atas masalah suami-suami tua yang cuba keluar cari perempuan yang muda lagi dan sebagainya.

Bolehkah doktor terangkan sedikit apakah kementerian atau apakah kerajaan boleh buat supaya cuba kurangkan masalah-masalah sosial akibat penggunaan pil Viagra ini. Terima kasih.

Dr. L. Krishnan: *[Ketawa]* Terima kasih, Yang Berhormat. Tetapi saya bukan sociologist untuk memberi satu jawapan yang begitu baik untuk soalan yang tadi. Tetapi memang kita tahu ada banyak masalah sosial – kita mesti mahu pandang dari dua segi iaitu dari segi positif dan negatif. Memang betul kalau lelaki itu ambil Viagra dan cari satu perempuan yang muda selain daripada isterinya, memang ini bawa kesan-kesan sosial. Tetapi kalau lelaki itu mempunyai sakit impotency, dia ambil Viagra dan menghadapi isterinya sendiri, secara positif kita fikir keluarga itu jadi lebih bahagia.

Jadi, kita nampak Viagra dari dua segi, positif dan negatif. Mana yang lebih buruk, yang positifkah atau yang negatif? Itu yang kita mahu nampak. Itu kita belum kaji, saya ingat. Apabila kajian sampai kita boleh putuskan apa yang kita baca daripada paper semuanya melaporkan yang negatif sahaja, yang positif biasanya kita tidak dengar, tidak baca dalam paper, tidak baca daripada mana-mana media. Ada banyak yang positif, mungkin ramai sekarang enjoy dengan isteri mereka sendiri, dengan Viagra. Mana kita tahu, mungkin ini yang berlaku. So, kita mesti mahu tengok daripada dua-dua side *[Disampuk]*. Seperti mana Yang Berhormat dari Lumut beritahu tadi kadang-kadang kalau husbandnya iaitu suaminya impotent, isteri lari dengan orang lain. *[Ketawa]* So, Viagra boleh cegah hal-hal seperti ini. *[Ketawa]*.

Kedua, saya balik kepada tajuk – kadang-kadang ubat dibekal dan digunakan dosage yang tidak patut kita dapat maut. Kadang-kadang di klinik ada ubat yang salah dibekalkan, ubat lain yang dibekalkan seperti, misalnya, ubat untuk 'asthma' Tedral. Namanya lebih kurang sama dengan 'Inderal', 'Tedral' itu untuk sakit darah tinggi, 'Diadral' itu untuk 'asthma'. Kita tahu tulisan doktor, tulisan doktor semua orang tahu, ianya sangat susah hendak dibaca. Itulah tulisan doktor, banyak keliru. Kalau doktor tulis Tedral dan nurse yang bekerja di sana baca itu sebagai 'Inderal', itu boleh membawa maut sebab 'Inderal' itu boleh *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, nampaknya masa sudah cukup untuk hari ini. *[Ketawa]* Telok Kemang boleh sambung esok.

Dr. L. Krishnan: Okay, sambung esok. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.